

UNSUR BUDAYA DALAM TEKS *SEUNTAIAN NARATIF  
LISAN DI LEMBANGAN SUNGAI PENGKALAN DATU,  
KELANTAN*: SATU PENGAPLIKASIAN TEORI  
PENGKAEDAHAN MELAYU

MAIZATUL AKMA BINTI SHAMSUDDIN

UNIVERSITI

MALAYSIA

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**UNSUR BUDAYA DALAM TEKS SEUNTAIAN NARATIF  
LISAN DI LEMBANGAN SUNGAI PENGKALAN DATU,  
KELANTAN: SATU PENGAPLIKASIAN TEORI  
PENGKAEDAHAN MELAYU**

**MAIZATUL AKMA BINTI SHAMSUDDIN**

**TESIS YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI  
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI  
IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN  
DENGAN KEPUJIAN**

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

## PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskhah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskhah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah

SULIT

Dari tarikh \_\_\_\_\_ sehingga \_\_\_\_\_  
(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan

Maizatul Akma Binti Shamsuddin  
C18A0569

Tarikh : 27/2/2022

Tandatangan

Dr. Mohd Firdaus Che Yaacob

Tarikh : 28/2/2022

KELANTAN

## PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang.

Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi dengan limpah kurniaNya dapat saya menyiapkan tesis. Saya Maizatul Akma Binti Shamsuddin ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada ibu bapa, keluarga, rakan-rakan serta pensyarah-pensyarah. Saya berasa bersyukur kerana dapat mengkaji mengenai *Unsur Budaya Dalam Teks Seuntai Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu*.

Pertamanya, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah SWT kerana penyelidikan dan penulisan kursus Projek Penyelidikan dapat diselesaikan. Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan buat penyelia saya, Dr. Mohd Firdaus Bin Che Yaacob di atas bimbingan, teguran dan nasihat yang beliau berikan secara ikhlas. Beliau juga turut memberikan sokongan moral sepanjang saya menyelesaikan penyelidikan ini. Semoga segala budi dan jasa baik yang disumbangkan oleh beliau akan beroleh ganjaran dan kebaikan.

Saya juga ingin merakamkan rasa penghargaan buat ibu saya Salizan Binti Aminullah dan bapa saya Shamsuddin Bin Karim serta keluarga tercinta kerana banyak memberikan semangat dan sokongan yang berterusan dalam menyiapkan penyelidikan ini. Ribuan terima kasih kepada pembantu penyelidik dan rakan-rakan taulan yang menghulurkan bantuan dan pertolongan ketika saya memerlukannya.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih saya kepada pihak perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan dan Dewan Bahasa dan Pustaka yang telah banyak memberikan kerjasama dan menyalurkan bahan-bahan kajian bagi menyiapkan Projek Penyelidikan ini dengan jayanya. Akhir kata, semoga dunia sastera terus maju. Segala yang buruk datang daripada kelemahan saya sendiri dan segala yang baik datangnya daripada Allah SWT.

Sekian, terima kasih.

Nama : Maizatul Akma Binti Shamsuddin  
Alamat : B-14-19 PPR Seri Malaysia, Jln 1/125A, Sungai Besi,  
57100, WPKL.  
No. Tel : 0102043631  
Email : [maizatul.c18a0569@siswa.umk.edu.my](mailto:maizatul.c18a0569@siswa.umk.edu.my)

## ISI KANDUNGAN

Bil	Halaman
PENGESAHAN TESIS	I
PENGHARGAAN	II
SENARAI SINGKATAN	V
SENARAI JADUAL	VI
SENARAI CARTA	VII
ABSTRAK	VIII
ABSTRACT	IX
<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Penyataan Masalah	4
1.3 Persoalan Kajian	6
1.4 Objektif Kajian	7
1.5 Batasan Kajian	8
1.6 Kepentingan Kajian	11
1.7 Definisi Operasional	13
1.6.1 Unsur Budaya	13
1.6.2 Naratif Lisan	14
1.6.3 Cerita Tokoh	16
1.6.4 Cerita Binatang	17
1.8 Organisasi Kajian	18
1.9 Penutup	20
<b>BAB 2 SOROTON KAJIAN LEPAS</b>	
2.1 Pengenalan	21
2.2 Pengkajian Cerita Rakyat Di Malaysia	21
2.3 Pengkajian Teori Pengkaedahan Melayu Dalam Karya-Karya Sastra	43
2.4 Penutup	53
<b>BAB 3 METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1 Pengenalan	54
3.2 Rekabentuk Kajian	54
3.3 Kaedah Kajian	55
3.3.1 Kaedah Kepustakaan	55
3.3.2 Rujukan Teks	55
3.4 Teori Pengkaedahan Melayu	56
3.4.1 Pengkaedahan Alamiah	56
a) Pendekatan Gunaan	57
b) Pendekatan Moral	58
c) Pendekatan Firasat	59
3.4.2 Pengkaedahan Keagamaan	60
a) Pendekatan Dakwah	60
b) Pendekatan Kemasyarakatan	61
c) Pendekatan Seni	62
3.5 Kerangka Konseptual	63
3.6 Penutup	64
<b>BAB 4 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN</b>	
4.1 Pengenalan	65

4.2	Perbincangan Analisis Unsur Budaya	65
4.2.1	Budaya Baik Hati	65
4.2.2	Budaya Berdikari	73
4.2.3	Budaya Kasih Sayang	77
4.2.4	Budaya Keberanian	81
4.2.5	Budaya Kerajinan	89
4.2.6	Budaya Kebersihan	92
4.2.7	Budaya Rasional	95
4.2.8	Budaya Semangat Bermasyarakat	98
4.2.9	Budaya Perdagangan	105
4.2.10	Budaya Pegangan Agama Dan Kepercayaan	109
4.3	Penutup	112
<b>BAB 5 RUMUSAN</b>		
5.1	Pengenalan	113
5.2	Rumusan	113
5.3	Implikasi	117
5.4	Cadangan	119
5.5	Penutup	122
<b>BIBLIOGRAFI</b>		123
<b>BIODATA PENKAJI</b>		128

## SENARAI SINGKATAN

UPM	Universiti Putra Malaysia
UMK	Universiti Malaysia Kelantan
DSLR	Digital Single Lens Reflex
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

SENARAI JADUAL

Halaman  
9

Jadual 1.5: Senarai Cerita Rakyat Mengikut Kategori



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



## SENARAI CARTA

Carta 3.4.1: Jenis Pengkaedahan Alamiah	57
Carta 3.4.2: Jenis Pengkaedahan Keagamaan	60
Carta 3.5: Kerangka Konseptual	63

Halaman	
57	
60	
63	



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

Unsur Budaya Dalam Teks *Seuntai Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu

ABSTRAK

Cerita rakyat adalah sebahagian daripada naratif lisan yang diturunkan dari generasi ke generasi melalui tradisi lisan. Cerita rakyat sememangnya memaparkan banyak nilai murni yang memberikan teladan kepada masyarakat. Namun unsur budaya juga perlu diberi perhatian kerana ia turut menyumbang kepada perkembangan jati diri individu. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengkaji dan menganalisis unsur budaya dalam teks *Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Kajian ini membataskan kepada 20 buah cerita rakyat yang dipilih daripada cerita tokoh dan cerita binatang menerusi teks *Seuntai Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Sepanjang proses pengkajian ini, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif menerusi kaedah kepustakaan dan rujukan teks. Selain itu, Teori Pengkaedahan Melayu melalui pendekatan moral, pendekatan dakwah dan pendekatan kemasyarakatan dijadikan sebagai deduktif kajian untuk memantapkan analisis kajian. Dapatan kajian membuktikan bahawa cerita rakyat yang terkandung dalam teks *Seuntai Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* mempunyai pelbagai unsur budaya yang dapat memberi pengajaran dan membentuk keperibadian masyarakat sehingga menghasilkan jati diri yang cemerlang.

Kata kunci: Cerita Rakyat, Unsur Budaya, Teori Pengkaedahan Melayu, Teks *Seuntai Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

Cultural Elements In The Text Of *A Strand Of Oral Narrative At Pengkalan Datu River Basin, Kelantan*: An Application of Malay Methodology Theory

ABSTRACT

Folklore is a part of oral narrative that has been passed from one generation to the other orally. Folklore holds a lot of moral values that can benefit the masses. However, cultural values within folklore need to be focused too since it also helped in developing one identity. The purpose of this research is to identify and analyze the cultural values present in *A Strand Of Oral Narrative At Pengkalan Datu River Basin, Kelantan*. 20 folklore stories will be used in completing this research. Moreover, Malay methodological theory based on the moral, the community and the da'wah approach will be applied to further support the analysis. The result of this research was able to approve that in *A Strand Of Oral Narrative At Pengkalan Datu River Basin, Kelantan* contained a plethora of cultural values that can be used and applied to further educate the people.

Keywords: Folklore, Cultural Elements, Malay Methodology Theory, Text Of *A Strand Of Oral Narrative At Pengkalan Datu River Basin, Kelantan*.



## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Ali Ahmad (1997) membahaskan mengenai asal usul makna kesusasteraan yang berasal dari perkataan syastra (sastera). Iaitu menurut bahasa Sanskrita castra ia membawa maksud kitab suci. Susastera pula bermakna seni bahasa umumnya lebih dikenali sebagai persuratan. Manakala imbuhan apitan “Ke...an” mempunyai makna tersirat bahawa sastera merupakan seni kolektif bersifat indah dan halus. Selain itu, menurut Utley (1965) karya sastera ialah karya yang berkembang melalui tradisi lisan. Hal ini demikian kerana dahulunya masyarakat Melayu tradisional kebanyakan mereka tidak pandai membaca dan menulis. Malah mereka juga mengamalkan gaya hidup sederhana terdiri daripada puak tertutup yang menjauhkan mereka dari dunia luar.

Walau bagaimanapun, boleh dilihat bahawa karya sastera sudah wujud dalam bentuk tulisan mahupun cetakan pada masa kini. Oleh itu, peningkatan dan kemajuan era teknologi kini menyebabkan karya sastera berkembang kepada masyarakat dalam bentuk rakaman dan hiburan. Dengan ini seiring perkembangan teknologi dapat menyebarkan karya tersebut dengan lebih pantas kepada setiap masyarakat. Demikian dapat membuktikan bahawa sastera merupakan hasil ciptaan seni yang indah dari sudut bahasa penyampaian kepada pembaca dan pendengar. Bahkan juga dipenuhi dengan nilai estetika dalam memberikan pengajaran kepada khalayak masyarakat. Tidak dapat dinafikan juga bahawa sastera adalah karya seni yang diperkenalkan sebagai sastera rakyat. Ini kerana ia lahir dalam kalangan rakyat sejak zaman dahulu bertujuan sebagai hiburan malah memberikan nilai positif dan bimbingan kepada manusia.

Sastera rakyat secara kasarnya dibahagikan kepada dua kategori iaitu sastera rakyat bukan naratif dan sastera rakyat naratif. Sastera rakyat bukan naratif adalah karya hasil dari kata ucapan yang tidak terdapat peristiwa padanya seperti puisi rakyat, peribahasa dan teka teki. Sementara itu, sastera rakyat naratif merupakan karya yang mempunyai huraian mengenai sesebuah kejadian seperti cerita rakyat, legenda dan mitos (Hashim Awang, 1985). Oleh itu, membuktikan bahawa pengkajian mengenai cerita rakyat adalah sebahagian daripada naratif lisan yang perlu diberikan perhatian. Hal ini kerana ia merupakan medium penyampaian maklumat kepada masyarakat melalui makna tersirat yang dibawa dalam setiap karyanya.

Di samping itu, naratif lisan menurut Mohd Taib Othman (1981) digariskan sebagai prosa yang berperanan dalam membentuk ketamadunan serta memberikan nilai pengajaran dalam masyarakat. Menerusi nilai pengajaran yang diutuskan dalam setiap cerita rakyat ini menggambarkan keunggulan masyarakat yang mengamalkan nilai positif. Sehubungan itu, cerita rakyat mempunyai pelbagai genre seperti dongeng, jenaka, hikayat dan legenda. Ia wujud dari imaginasi rekaan ataupun kisah benar yang berkait rapat dengan kehidupan masyarakat dahulu kala. Di sini dapat mengklasifikasikan cerita rakyat kepada beberapa bahagian seperti cerita binatang, cerita mistik, cerita tokoh dan lain-lain.

Oleh yang demikian pengkajian mengenai teks *Seuntai Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* ini mengangkat kajian cerita rakyat yang perlu dimartabatkan dalam kalangan masyarakat. Tambahan pula, menurut pandangan sarjana tokoh membuktikan cerita rakyat adalah medium penyampaian maklumat yang bermanfaat kepada masyarakat. Malah turut dijadikan sebagai panduan serta nilai pengajaran kepada mereka. Melalui pengkajian ini teori digunakan bagi menyempurnakan ciptaan seni untuk ditafsir, diperhati dan dipertikaikan secara ilmiah. Oleh itu, menurut Rene Wellek (1988) teori sastera adalah pengkajian terhadap kriteria,

prinsip kesusasteraan dan kategorinya yang meliputi teori kritikan dan teori sejarah sastera. Teori Pengkaedahan Melayu dijadikan sebagai kerangka dalam menganalisis elemen unsur budaya yang digambarkan melalui teks *Seuntai Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*.

Di samping itu, budaya menurut Monier (1981) adalah ungkapan kata yang merujuk kepada akal budi dan pemikiran yang membentuk sahsiah keperibadian masyarakat. Di mana ini dijana dari sebuah peninggalan nenek moyang yang menjadi pegangan serta kepercayaan yang masih diamalkan dalam sesebuah masyarakat. Cukup menarik juga kerana amalan ini menjadi lambang jati diri sesebuah kaum. Bertepatan dengan pandangan Wan Abdul Kadir (2010) mengenai budaya yang wujud dari warisan cara hidup masyarakat. Seterusnya, menjadi identiti dan lambang jati diri sebagai cerminan sesebuah masyarakat.

Begitu juga dengan pendapat A. Aziz Deraman (1994) iaitu budaya merupakan suatu cara hidup yang diwarisi secara turun temurun meliputi keseluruhan apa yang dibuat, dimiliki dan difikir dalam sebuah kehidupan. Tidak kira ia menerusi kepercayaan, kesenian, adat istiadat, moral, pengetahuan, undang-undang dan lain-lain. Dengan itu difahami bahawa budaya adalah sesuatu yang terbentuk dari amalan masyarakat dari generasi ke generasi lainnya. Seterusnya, akan membentuk ketamadunan dalam sesebuah masyarakat walaupun amalan tersebut memberikan ajaran yang baik atau buruk.

## 1.2 Penyataan Masalah

Cerita rakyat merupakan sebahagian daripada naratif lisan yang penting dalam karya sastera. Lanjutan itu ia berfungsi sebagai panduan yang memberikan nilai pengajaran kepada masyarakat juga membentuk jati diri cemerlang dalam setiap individu. Pengkajian mengenai cerita rakyat sememangnya banyak dilakukan oleh para pengkaji terutamanya pengkajian terhadap nilai murni dalam cerita rakyat. Hal ini kerana dalam cerita rakyat tidak dapat lari daripada nilai murni yang memaparkan teladan kepada para pembaca.

Antaranya adalah kajian oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) bertajuk *Nilai-nilai Murni dalam Seuntai Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Seterusnya, kajian oleh Mohd Firdaus Che Yaacob dan Normaliza Abd Rahim (2016) bertajuk *Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu*. Selanjutnya, kajian oleh Mohd Firdaus Che Yaacob dan Nasirin Abdillah (2017) yang bertajuk *Penerapan Nilai Murni Dalam Cerita Rakyat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan: Analisis Nilai Kasih Sayang dan Nilai Keadilan Dalam Masyarakat Melayu*. Kajian oleh Atikah Mohd Noor, Sharil Nizam Sha'ri dan Rohaidah Kamaruddin (2019) yang bertajuk *Nilai Murni Dalam Cerita Sang Kancil*. Akhir sekali, kajian oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) bertajuk *Nilai-nilai Murni dalam Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*.

Berdasarkan kajian tersebut terbukti kebanyakan kajian-kajian lepas lebih memfokuskan kepada cerita rakyat yang kaya dengan nilai-nilai murni. Namun begitu, pelbagai elemen unsur budaya juga perlu dititikberatkan dalam penyelidikan. Ini kerana unsur budaya adalah antara aspek penting dalam membentuk keperibadian individu masyarakat. Justeru, unsur budaya ini merupakan amalan turun temurun yang membentuk tamadun sesebuah masyarakat. Oleh itu, pengkaji percaya bahawa kajian



tentang unsur budaya perlu dimartabatkan bagi membentuk tamadun sosial yang lahir dalam lingkungan jati diri yang cemerlang.

Melalui kajian-kajian lepas terbukti bahawa terdapat juga kelompong dalam kajian tentang unsur budaya. Dalam konteks ini tidak ada sebarang kajian yang dilakukan berdasarkan teks *Seuntaiian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* kerana buku ini baru sahaja diterbitkan pada tahun 2021. Oleh itu, pengkaji menjalankan kajian ini untuk menambah kelompangan dalam penyelidikan sedia ada sebagai rujukan kepada penyelidik lain. Kajian ini turut meneliti beberapa elemen budaya dari teks *Seuntaiian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Hal yang demikian kerana berdasarkan penelitian daripada teks dilihat terdapat pelbagai unsur budaya yang dapat membentuk jati diri cemerlang dalam setiap individu masyarakat. Pendek kata kajian dijalankan bagi mengkaji unsur budaya yang membentuk akhlak dan keperibadian tamadun sosial.



### 1.3 Persoalan Kajian

1.3.1 Apakah unsur budaya yang didapati menerusi teks daripada buku *Seuntaiian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan?*

1.3.2 Bagaimanakah unsur budaya yang didapati menerusi teks daripada buku *Seuntaiian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan?*

#### 1.4 Objektif Kajian

1.4.1 Mengenal pasti unsur budaya dalam teks daripada buku *Seuntaiian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*.

1.4.2 Menganalisis unsur budaya dalam teks daripada buku *Seuntaiian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*.



### 1.5 Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan sepenuhnya berdasarkan beberapa teks dari buku *Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Buku ini sepenuhnya hasil penulisan Mohd Firdaus Che Yaacob. Beliau berkelulusan dalam Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepujian Muda Kesusasteraan Melayu di salah sebuah universiti tersohor iaitu Universiti Putra Malaysia (UPM). Beliau turut merupakan pemegang Ijazah Sarjana Sastera (Dengan Tesis) di UPM dan Ijazah Sarjana Doktor Falsafah Pengajian Warisan di Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

Skop teks *Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* ini terhad kepada naratif lisan yang diperoleh sekitar Kampung Pengkalan Datu dan beberapa kampung jiran. Setiap kisah yang tersenarai dalam buku dapat membentuk akhlak baik dalam masyarakat antarabangsa serta masyarakat Malaysia. Demikian kerana ia penuh dengan limpahan amalan nilai murni sebagai teladan. Kisah-kisah ini didapati daripada tinjauan yang sistematik ke tapak kajian. Temu bual dijalankan menggunakan pita audio dari rakaman kamera DSLR dan rakaman audio. Data yang direkodkan akan di transkripsi ke dalam bentuk bertulis (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021). Buku ini mempunyai 120 halaman bercetak yang diterbitkan secara rasmi oleh penerbit UMK pada awal tahun 2021. Teks ini mempunyai keunggulan gaya bahasa yang mantap serta nilai tersirat dalam menyampaikan maklumat, nasihat dan etika kepada pembaca.

Kajian ini pengkaji membataskan kepada 20 buah cerita rakyat mengikut kategori seperti berikut:

Bil.	Cerita tokoh	Cerita binatang
1	<i>Tok Perindu</i>	<i>Keajaiban Si Kera Putih</i>
2	<i>Haji Long Abdul Rahman</i>	<i>Kisah Sekumpulan Tupai</i>
3	<i>Che Deraman</i>	<i>Kebijaksanaan Burung Hantu</i>
4	<i>Kehebatan Laksamana Laut</i>	<i>Kelawar Suka Keluar Malam</i>
5	<i>Tengku Mahmud Muhiyuddin</i>	
6	<i>Bidan Haji Tok Esah</i>	
7	<i>Tok Karim Guru Silat Masyhur</i>	
8	<i>Kehebatan Pawang Ali</i>	
9	<i>Tok Guru Haji Awang Ulama Tercipta</i>	
10	<i>Mok Su Nab Ular</i>	
11	<i>Nurani Che Him Dalam Masyarakat</i>	
12	<i>Tentera Bergajah</i>	
13	<i>Kezaliman Seorang Raja</i>	
14	<i>Raja Sakti Pemerintah Berwibawa</i>	
15	<i>Nik Mat Keturunan Raja Banjar</i>	
16	<i>Pengunduran Raja Patani</i>	

Jadual 1.5: Senarai Cerita Rakyat Mengikut Kategori

Berdasarkan jadual tersebut adalah cerita rakyat yang menjadi pilihan pengkaji dalam meneliti unsur budaya. Oleh yang demikian, cerita-cerita rakyat yang tersenarai ini sahaja yang bersesuaian bagi membuktikan terdapatnya unsur budaya. Di samping itu, unsur budaya ini juga dapat memberikan nilai pengajaran yang menjadi amalan turun-temurun setiap masyarakat bagi melahirkan generasi yang berakhlak dan mempunyai sahsiah diri yang cemerlang. Kajian ini turut diteliti menggunakan pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu cetusan Hashim Awang sekitar tahun 1989. Teori ini berdasarkan kepada hakikat kehidupan sebenar dan keadaan persekitaran bangsa pengkarya. Oleh itu, menerusi teori ini Hashim Awang (2002) memecahkan ia kepada dua bahagian iaitu pengkaedahan alamiah yang terbina dari tiga pendekatan iaitu gunaan, moral dan firasat. Manakala pengkaedahan keagamaan terdiri kepada tiga pendekatan juga iaitu kemasyarakatan, dakwah dan seni.

Meskipun begitu kajian ini hanya membataskan kepada pendekatan moral, pendekatan dakwah dan pendekatan kemasyarakatan. Ini bertepatan dengan pendekatan moral yang bercirikan sastera sebagai sesuatu yang memberikan manfaat kepada manusia.

Pendekatan moral ini menerusi kejadian ataupun objek yang berdasarkan daripada pengalaman hidup manusia. Pendekatan dakwah pula merupakan kayu ukur dalam menghasilkan karya sastera yang menekankan banyak berkaitan dengan segala persoalan. Di mana persoalan ini berfungsi menguatkan nilai ketaatan seorang hamba kepada Tuhannya menerusi sifat-sifat keagungan dan kebesaran Allah SWT. Selanjutnya, pendekatan kemasyarakatan bercirikan segala perbincangan dalam mencari keadilan serta kebaikan antara masyarakat. Seumpama yang telah menjadi tuntutan utama dalam agama Islam (Hashim Awang, 2002). Oleh hal yang demikian pengkaji mengaplikasikan pendekatan-pendekatan ini kerana mendapati bahawa pendekatan tersebut sangat bersesuaian. Lanjutan daripada itu setiap pendekatan-pendekatan ini dapat menyempurnakan perbincangan mengenai unsur budaya yang menjadi jati diri dalam masyarakat terdahulu.

## 1.6 Kepentingan Kajian

Kajian dilaksanakan berkepentingan bagi banyak pihak misalnya pihak pengkaji, golongan masyarakat dan institusi pendidikan. Hal ini demikian kerana kajian sedemikian memberikan informasi tambahan serta nilai pengajaran kepada semua pihak-pihak tersebut. Secara tidak langsung unsur budaya yang dipaparkan dalam teks *Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* juga berperanan dalam menyumbang manfaat kepada masyarakat dalam membentuk akhlak dan sahsiah diri yang positif. Maka penting kajian ini dijalankan bagi mengupas setiap unsur budaya yang dapat membentuk sahsiah keperibadian seseorang individu masyarakat.

Pertamanya, kajian menerusi teks *Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* ini memberi kepentingan bagi pengkaji untuk memantapkan lagi pegangan terhadap amalan budaya. Ini bertujuan supaya dapat membentuk akhlak dan jati diri yang lebih cemerlang dalam diri. Ini kerana dengan kajian yang dijalankan ini pengkaji dapat memelihara dan memulihara cerita rakyat yang menjadi warisan masyarakat Melayu klasik. Oleh yang demikian wajarlah pengkaji mengangkat karya-karya kesusasteraan supaya ia boleh diwarisi kepada generasi akan datang. Dengan itu juga kajian ini akan dibukukan supaya digunakan sebagai rujukan buat pengkaji.

Keduanya, bagi institusi pendidikan yang terdiri daripada golongan pendidik, para pelajar, para mahasiswa dan para siswazah. Secara tidak langsung kajian yang dijalankan ini dapat memberi pengetahuan yang lebih terperinci mengenai unsur budaya dalam cerita rakyat. Seterusnya, kajian yang telah dijalankan menerusi teks *Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* memberikan rujukan kepada pihak institusi pendidikan lebih-lebih lagi golongan pelajar dan siswazah. Jelaslah dengan adanya cerita rakyat boleh memaparkan unsur budaya yang memberi impak positif kepada pihak institusi pendidikan. Sekali gus dapat

memberikan nilai pendidikan yang menjurus kepada pembentukan diri dan sahsiah golongan institusi pendidikan.

Selanjutnya, bagi golongan masyarakat Malaysia dengan adanya kajian yang dijalankan menerusi teks *Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Secara sudut pandangannya dapat memelihara cerita rakyat serta memupuk semangat cintakan karya kesusasteraan klasik. Tambahan pula, karya-karya sastera ini dapat memberikan gambaran kepada masyarakat betapa pentingnya menjaga dan mengetahui kewujudan karya sastera. Hal ini wujud akibat daripada karya-karya sastera yang dihasilkan kaya dengan nilai didikan positif yang terdapat unsur budaya. Bahkan boleh memupuk budaya amalan nilai murni serta budaya lain yang dapat membentuk keperibadian sahsiah diri masyarakat. Seterusnya, cerita rakyat yang dihasilkan memberikan nilai moral yang menjadi pengajaran serta diteladani oleh masyarakat. Natijahnya, mereka boleh menerapkan budaya amalan positif tersebut dalam membina sahsiah diri yang positif sejak kecil pada generasi akan datang.

## 1.7 Definisi Operasional

Menurut Komaruddin (1974) definisi operasional diertikan sebagai pemahaman lengkap tentang pemboleh ubah. Termasuk semua elemen yang menjadi ciri utama pemboleh ubah itu. Oleh itu, definisi operasional ini menerangkan secara mendalam mengenai unsur budaya, naratif lisan, cerita tokoh dan cerita binatang.

### 1.7.1 Unsur Budaya

Menurut *Kamus Dewan* (2016) unsur diertikan sebagai suatu bahagian yang terkecil sehingga tidak dapat dibahagikan dan dipisahkan daripada bahagian utamanya. Selain itu, penggunaan unsur boleh merujuk kepada pelbagai isu. Dengan kata lain unsur adalah bahagian utama dalam membentuk sesuatu struktur.

Walhal budaya mengikut *Kamus Dewan* (2016) diertikan sebagai tamadun dan peradaban. Ia juga boleh dimaksudkan dengan kemajuan dalam berfikir dan berkelakuan. Menurut konsep ini budaya mempunyai hubungkait dengan kemampuan akal fikiran seseorang dalam menangani serta menyelesaikan permasalahan. Di mana ia merangkumi corak kehidupan manusia dalam bertindak, berfikir dan berkelakuan. Fahaman tersebut selari dengan pendapat A. Aziz Deraman (1994) yang meletakkan makna budaya sebagai sesuatu yang meliputi setiap apa yang dimiliki, difikir dan dibuat dalam kehidupan. Oleh itu, ia merangkumi aspek kepercayaan, kesenian, moral, undang-undang, adat istiadat, pengetahuan atau setiap apa berkaitan dengan cara hidup yang diturunkan dalam sesebuah kelompok. Di sini memaparkan budaya sebagai sesuatu yang membentuk ketamadunan sesebuah masyarakat menerusi perkara yang menjadi pegangan turun temurun.

Oleh yang demikian dapat dibuktikan bahawa budaya adalah sesuatu yang diwarisi secara turun temurun. Iaitu merangkumi setiap apa yang dilakukan, difikir dan pemikiran yang melambangkan keperibadian sesebuah kaum masyarakat. Malah



budaya ini turut menjadi lambang yang membentuk sahsiah dan mewakili keperibadian sesebuah masyarakat. Misalnya lambang masyarakat Melayu klasik sememangnya kaya dengan budaya amalan nilai murni. Ini secara tidak langsung dapat membentuk keperibadian yang menjadi contoh dalam masyarakat. Menerusi kajian ini pengkaji meneliti unsur budaya sebagai sesebuah perkara yang menjadi dasar dalam amalan turun temurun sesuatu masyarakat. Amalan tersebut bukan sahaja perkara yang membentuk ketamadunan bahkan membentuk sahsiah diri seseorang individu. Lantaran itu, daripada amalan yang dilihat akan diterapkan dalam kehidupan seharian. Seterusnya, menjadi budaya masyarakat setempat yang memberikan moral pengajaran kepada khalayak masyarakat.

Jelaslah bahawa sesuatu perkara bermula dengan sekecil-kecil tindakan. Dengan ini penerapan unsur budaya pada mulanya dianggap sebagai sebuah amalan biasa. Seterusnya, akan mengubah kepada kebiasaan yang membentuk tamadun sesebuah kelompok. Oleh itu, penerapan amalan positif perlu dipupuk setiap individu sejak kecil supaya budaya tersebut menjadi rutin harian seseorang. Misalnya dengan amalan suka bersedekah jika seseorang itu menjadikan budaya tersebut sebagai kebiasaan dirinya. Lama kelamaan amalan itu akan tabiat baik dalam diri seseorang untuk membantu sesiapa yang dalam kesusahan. Demikian menunjukkan bahawa amalan positif perlu diterapkan sedikit demi sedikit dalam diri individu.

### 1.7.2 Naratif Lisan

Sewaktu zaman masyarakat Melayu klasik cerita rakyat seperti cerita binatang yang dizahirkan dalam naratif lisan dan diperkenalkan dari mulut ke mulut. Ia kerana zaman dahulu tidak ada media massa yang menghubungkan sebuah pihak dengan pihak lain. Jadi penyebaran tradisi lisan secara warisan dari generasi ke generasi adalah medium yang paling pantas sewaktu itu. Jelaslah bahawa naratif lisan merupakan satu kaedah

penuturan yang lebih pantas dibandingkan dengan sistem penulisan (Siti Zuhaidah Zikeria, 2015).

Kaedah naratif lisan amat terkenal dalam cerita rakyat seperti mitos, legenda, dongeng, penglipur lara dan seumpamanya. Ini kerana naratif lisan merupakan salah satu kaedah yang dijadikan sebagai hiburan bagi masyarakat Melayu klasik dalam meredakan emosi mereka. Bahkan juga terselit pelbagai pengajaran yang boleh diambil dari setiap cerita tersebut serta dijadikan teladan kepada para audiens (Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob, 2020).

Sehubungan itu, cerita rakyat ini secara tidak langsung dapat membentuk keperibadian dan tingkah laku para audiens dari nilai yang diambil dari cerita tersebut. Pembentukan sahsiah tingkah laku ini dipengaruhi oleh keadaan persekitarannya. Jadi keadaan persekitaran yang positif lebih memberikan kesan tingkah laku yang baik kepada audiens. Sahsiah ini merupakan lambang dan tonggak yang membentuk keseluruhan kelakuan diri seseorang. Pembentukan sahsiah ini juga dipengaruhi dari unsur budaya yang dapat membentuk pemikiran dan kelakuan yang lebih rasional yang mempunyai nilai-nilai murni dan keindahan dari sudut tingkah laku yang diambil dari pengajaran cerita-cerita tersebut. Naratif lisan digambarkan juga sebagai cara untuk menginterpretasikan makna yang ingin disampaikan dari pemikiran seseorang melalui kaedah tuturan (Uli Wahyuni & Nurshella Amhar Rasidah, 2019).

Menurut pendapat dari para sarjana tokoh dapat dirumuskan bahawa naratif lisan adalah sebuah cerita yang disampaikan melalui tradisi lisan. Bahkan juga ia boleh membentuk pemikiran serta sahsiah diri dalam kalangan masyarakat kerana terkandung nilai positif sebagai moral dan teladan. Justeru itu, naratif lisan adalah suatu warisan generasi ke generasi kerana merupakan satu kaedah penyebaran pantas dalam masyarakat. Bahkan ia bukan sahaja berfungsi sebagai teladan dan

moral pengajaran kepada masyarakat semata-mata namun sebagai bentuk hiburan masyarakat Melayu klasik.

### 1.7.3 Cerita Tokoh

Menurut *Kamus Dewan* (2016) cerita tokoh adalah cerita yang memaparkan tokoh ataupun watak serta perwatakan dalam sesebuah cerita. Tokoh merupakan satu istilah yang digunakan bagi mendiskusikan orang yang mempunyai jawatan, pangkat, orang terkenal ataupun orang terkemuka iaitu mereka yang terlibat dalam apa jua bidang. Misalnya kebudayaan, keagamaan, politik dan sebagainya. Selain itu, istilah ini juga diguna pakai dalam mendefinisikan pengayaan seseorang yang melibatkan keperibadian serta personaliti peribadi individu. Oleh yang demikian cerita tokoh adalah cerita yang mengangkat watak utama supaya menjadi idola untuk semua golongan masyarakat.

Sementara itu, Burhan Nurgiyaturo dalam *Teori Kajian Fiksyen* (1998) berpendapat bahawa tokoh cerita memiliki peranan yang strategik dalam membawa mesej, amanat, moral ataupun sesuatu yang sengaja disampaikan kepada para pembaca. Hal ini secara tidak langsung juga memberikan nilai pengajaran dari setiap watak dan tokoh yang mencerminkan sahsiah diri positif. Di samping itu, nilai yang ditonjolkan boleh dipraktik dan diterapkan dalam diri setiap individu. Malah apabila menjadi tontonan kanak-kanak ia akan memberikan kesan kepada pembentukan sahsiah diri yang dilentur dengan nilai positif sejak kecil. Seperti pendapat Andi Wicaksono dalam *Pengkajian Prosa Fiksi* (2017) iaitu tokoh adalah pelaku cerita, sedangkan perwatakannya adalah sifat ataupun perlakuan watak yang memberikan gambaran mengenai tokoh cerita yang disampaikan kepada pembaca. Oleh demikian cerita tokoh adalah cerita yang menonjolkan watak yang mempunyai keperibadian yang menjadi idola bagi masyarakat dalam cerita tersebut. Bahkan demikian juga memberikan mesej

serta teladan kepada para pembaca tentang personaliti tokoh yang dapat membentuk keperibadian positif individu masyarakat.

#### 1.7.4 Cerita Binatang

Menurut Ismail Hamid (1987) cerita binatang dikatakan karya cerita rakyat tertua seusia dengan cerita asal usul. Ia adalah karya sastera berbentuk lisan serta warisan turun temurun kepada setiap generasi sejak zaman purba. Sewaktu itu, manusia tidak terdedah dengan dunia luar dan mereka lebih menghabiskan masa dengan mengenal alam yang berhampiran mereka seperti binatang dan tumbuh-tumbuhan. Hal ini berlaku kerana mereka turut menganggap bahawa binatang serupa dengan perwatakan dan tingkah laku manusia seperti bercakap, mempunyai emosi dan mampu berfikir. Justifikasinya, cerita binatang ini banyak memberikan nilai pengajaran kepada audiens dan serupa dengan cerita didaktik. Cuma cerita didaktik ini berunsur realiti berbanding cerita binatang yang merupakan fantasi semata-mata. Pendapat ini turut disokong al-Harfi (1996) bahawa cerita binatang ini realiti namun ada beberapa unsur realiti yang bercanggah disebabkan tokoh tambah dalam ceritanya. Yang mana tokoh tambah ini berfungsi sebagai hiburan kepada khalayak audiens.

Menurut *Kamus Kesusasteraan* (2021) cerita binatang adalah merupakan antara salah satu karya sastera awal yang disebarkan melalui tradisi lisan yang menampilkan watak binatang dalam menggambarkan kehidupan manusia. Tema dan plot ceritanya amat ringkas yang mencerminkan daya pemikiran yang tinggi kerana terdapat unsur kiasan, kritikan dan teladan. Oleh yang demikian merujuk kepada pendapat para sarjana tokoh membuktikan bahawa cerita binatang adalah antara karya sastera rakyat yang wujud daripada tradisi lisan serta memberikan moral dan teladan kepada khalayak pembaca. Di samping itu, ceritanya memaparkan binatang sebagai watak yang memberikan gambaran mengenai kehidupan manusia sebagai satu kiasan dan kritikan yang ingin dibawa supaya dapat memberikan nilai pengajaran kepada pembacanya.

## 1.8 Organisasi Kajian

Kajian telah dibahagikan kepada lima bab yang mana bab per bab menjalankan setiap bahagian yang berbeza. Bab satu menerangkan tentang naratif lisan iaitu sastera rakyat, jenis sastera rakyat antaranya cerita tokoh dan cerita binatang serta menerangkan apa yang dimaksudkan dengan budaya. Seterusnya, pengkaji juga menerangkan persoalan dan objektif kajian ini dijalankan agar kajian ini mencapai kesempurnaan dan sesuai dengan tajuk yang ingin dikaji.

Bahagian bab dua pengkaji menyoroti beberapa kajian-kajian lepas berdasarkan pengkajian yang terdiri daripada 40 buah pengkajian berkaitan naratif lisan di Malaysia dan 20 buah pengkajian berkaitan dengan Teori Pengkaedahan Melayu dalam karya-karya sastera yang dijalankan oleh para pengkaji tempatan.

Bahagian bab tiga pengkaji menggunakan kaedah metodologi kajian berdasarkan kaedah kualitatif dan pengaplikasian dari Teori Pengkaedahan Melayu sebagai kayu ukur dalam pengkajian ini. Kajian yang dilaksanakan juga adalah berpandukan dari kajian sumber dan rujukan lepas serta berdasarkan teks yang terdapat di dalam buku *Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*.

Bab empat pengkaji melakukan perbincangan secara menyeluruh bagi mengenal pasti dan menganalisis unsur budaya yang didapati dalam cerita tokoh dan cerita binatang menerusi teks *Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Selain itu, pengkaji juga sepenuhnya menjalankan kajian bagi membuktikan unsur budaya yang terdapat dalam cerita tokoh dan cerita binatang dapat memberikan impak kepada golongan masyarakat.

Bab lima pengkaji merumus dan memberikan persepakatan bagi menemui satu kata dalam kajian tentang unsur budaya menerusi cerita tokoh dan cerita binatang yang

memberikan impak kepada golongan masyarakat. Seterusnya, pengkaji juga menyatakan implikasi dan cadangannya terhadap kajian yang telah dikaji agar sastera rakyat ini terus menerus menjadi budaya warisan turun temurun pada generasi akan datang.



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

### 1.9 Penutup

Pendek kata cerita tokoh dan cerita binatang adalah antara cerita rakyat yang perlu dipelihara. Ia kerana khazanah ini telah memberi sumbangan yang besar kepada semua lapisan masyarakat khususnya masyarakat Melayu pada zaman klasik. Oleh itu, dilihat bahawa akhlak dan keperibadian masyarakat silam terpelihara dengan baik. Ini kerana setiap karya sastera rakyat yang diturunkan secara turun-temurun memberikan pendidikan positif sekali gus membentuk peribadi diri yang baik. Penyelidikan ini juga dilaksanakan untuk menyedarkan setiap masyarakat tentang nilai yang sangat besar dalam cerita rakyat. Bukan sahaja bertujuan sebagai medium penyebaran manfaat malah ia juga boleh memberi ruang kepada sastera warisan masa hadapan.



## BAB 2

### SOROTAN KAJIAN LEPAS

#### 2.1 Pengenalan

Ini adalah suatu kenyataan berunsur fakta yang dikemukakan dalam menyokong objektif bagi membuktikan bahawa teori yang digunakan adalah teori yang sah dan bukanlah sekadar rekaan. Melalui sorotan kajian ini pengkaji mengumpulkan maklumat yang berkaitan dengan pengkajian naratif lisan di Malaysia dan pengkajian Teori Pengkaedahan Melayu dalam karya-karya sastera. Oleh hal yang demikian dengan menyoroti kajian-kajian lepas dari para pengkaji berkenaan terbukti kajian-kajian lepas mengandungi nilai ilmu yang tinggi. Oleh itu, pengkaji percaya dapat menjalankan kajian dengan jayanya. Penelitian dan pemahaman dapatan kajian daripada kajian-kajian lepas juga dapat membantu pengkaji memantapkan lagi kajian ini.

#### 2.2 Pengkajian Cerita Rakyat Di Malaysia

Kajian bertajuk *Nilai-nilai Murni dalam Seuntai Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2015). Pengkajian ini membincangkan mengenai nilai murni di mana mampu membentuk sahsiah diri positif dalam kalangan masyarakat. Kajian dijalankan kerana pengkaji mendapati masih ada kelompangan dalam kajian mengenai nilai murni menerusi cerita rakyat. Kajian dijalankan bagi menganalisis dan merumuskan nilai murni dari buku *Seuntai Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Kajian membataskan kepada pengkajian ke atas buku *Seuntaian Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Justeru penelitian secara kuantitatif diguna supaya kajian dijalankan secara sempurna. Oleh itu, kajian mendapati cerita rakyat penuh dengan nilai murni serta nilai kebudayaan Melayu yang menjadi pegangan dalam membentuk norma positif masyarakat Melayu.



*Gaya Penyampaian Cerita Rakyat Melayu Terpilih dalam Majalah Dewan Pelajar* kajian dari Siti Zuhaidah Zakeria (2015). Kajian menjalankan perbincangan mengenai beberapa masalah yang ditemui dari sudut kaedah penyampaian cerita rakyat kepada kanak-kanak serta cara memasarkan buku kanak-kanak. Oleh itu, kajian dijalankan bagi menghasilkan modul yang lengkap supaya menjadi rujukan dalam menghasilkan karangan dalam bahan bacaan kanak-kanak. Kajian dilaksanakan bagi menganalisis dan mengenal pasti cara penyampaian cerita rakyat Melayu dalam majalah Dewan Pelajar yang diterbitkan oleh DBP. Kajian membataskan kepada penyelidikan cerita rakyat Melayu yang terdapat dalam majalah Dewan Pelajar yang diterbitkan oleh DBP. Kajian menggunakan penelitian secara kaedah kualitatif melalui analisis teks serta pengaplikasian Teori Psikologi Perkembangan Kanak-kanak supaya menjadi landasan dalam kajian. Hasil kajian mendapati cara penyampaian yang sesuai dalam penulisan dapat memartabatkan karya sastera cerita rakyat.

Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad & Mohd Sharifudin (2015) dalam kajian yang *Cerita Rakyat Melayu: Suatu Analisis Pancaran Jati Diri Masyarakat Melayu Sebagai Cerminan Kebudayaan*. Pengkajian ini meneliti mengenai cerita rakyat Melayu antara karya sastera yang digemari hampir semua golongan masyarakat sejak zaman dahulu. Namun sekarang cerita rakyat Melayu semakin hilang ditelan arus kemodenan. Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi mewujudkan kembali dalam kalangan masyarakat nilai jati diri yang telah menjadi asas kepada peradaban yang baik. Kajian dijalankan untuk membincangkan dan mengenal pasti nilai jati diri dari cerita rakyat Melayu. Kajian membataskan kepada beberapa cerita rakyat Melayu yang dilaksanakan oleh Aripin Said dan Osman Puteh. Kajian ini sepenuhnya menggunakan kaedah penelitian kualitatif. Seterusnya, Teori Ekologi Budaya atau Teori Adaptasi Alam dijadikan panduan bagi mengukuhkan analisis kajian ini. Hasil kajian menemui bahawa kemunculan cerita rakyat dapat mendirikan sebuah ketamadunan masyarakat

yang terbaik serta menanamkan jati diri yang cemerlang dalam kalangan masyarakat Melayu hingga kini.

Kajian bertajuk *Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim (2016). Cerita rakyat merupakan antara karya sastera Melayu yang disampaikan melalui tradisi lisan. Selain itu, cerita rakyat ini penuh dengan nilai yang menunjukkan tauladan serta pengajaran kepada masyarakat. Objektif kajian untuk menganalisis dan mengenal pasti melalui cerita rakyat Melayu terdapatnya nilai baik hati. Kajian membataskan kepada pengkajian terhadap cerita rakyat masyarakat Melayu yang mempunyai nilai baik hati menggunakan pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu bagi mengukuhkan lagi kajian yang dilaksanakan. Dapatan kajian menemui nilai baik hati yang terdapat pada hampir keseluruhan cerita rakyat Melayu yang berfungsi dalam membina jati diri masyarakat Melayu yang unggul.

Normaliza Abd Rahmi, Roslina Mamat, Hazlina Abdul Halim & Nor Shahila Mansor (2016) dalam kajian bertajuk *Wacana Cerita Rakyat Melayu dalam Kalangan Pelajar Korea*. Dalam kajian ini para pengkaji memfokuskan kepada pandangan para pelajar di Hankuk University of Foreign Studies, Korea mengenai cerita rakyat Melayu. Oleh itu, kajian dijalankan bagi membincang serta mengenal pasti pandangan pelajar tentang kesusasteraan rakyat Melayu. Selain itu, penelitian dijalankan secara kuantitatif menerusi kaedah temubual. Perbualan tersebut dicatat dan diselidiki dengan Teori Analisis Wacana. Hasil kajian mendapati murid-murid amat menggemari cerita rakyat kerana kesemuanya menarik dan mudah difahami.

Roslina Abu Bakar & Aonne van Engelenhoven (2016) dalam pengkajian mengenai *Alam dan Budaya Masyarakat Melayu Dalam Hikayat Pelanduk Jenaka*. Kajian ini para pengkaji melakukan pengkajian di peringkat kedoktoran falsafah dalam meneliti

tentang kehidupan haiwan di dalam hutan. Permasalahan yang terdapat dalam kajian adalah pihak pengkaji luar hanya memfokuskan pada fungsi dan kepentingan cerita binatang. Oleh itu, kajian dijalankan bagi menganalisis serta mengenal pasti cara kehidupan dan kebudayaan masyarakat Melayu. Pengkaji membataskan kajian ini dengan meneliti sebuah cerita rakyat yang bertajuk *Hikayat Pelanduk Jenaka*. Dalam kajian ini pengkaji telah mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu dengan menggunakan pendekatan alamiah untuk memperluaskan kajian ini. Hasil kajian mendapati unsur alam dan kebudayaan Melayu saling berkait rapat dalam membentuk kerohanian dan sahsiah masyarakat Melayu.

Kajian bertajuk *Nilai Budaya dalam Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Temiar Di Gua Musang, Kelantan, Malaysia* oleh Mohd Fahmi Ismail (2016). Kajian memfokuskan terhadap cerita rakyat masyarakat Orang Asli Temiar yang tersirat nilai budaya yang memperlihatkan keistimewaan dan keunikan budaya mereka. Hasil daripada penelitian pengkaji mendapati bahawa masih tiada kajian dilakukan tentang cerita rakyat dari masyarakat Orang Asli Temiar. Pengkajian dilaksanakan bagi mendiskusikan, menganalisis dan merumuskan nilai budaya dalam cerita rakyat Orang Asli Temiar di Gua Musang, Kelantan. Kajian juga dikaji secara kualitatif melalui kaedah perpustakaan dan kaedah kajian lapangan. Pengkaji menggunakan kerangka nilai budaya untuk menyelidiki cerita rakyat dalam kajian. Hasil kajian telah membuktikan kekuatan nilai budaya yang dipegang masyarakat Orang Asli Temiar memberi pengaruh tersurat dan tersirat kepada diri dan masyarakat dalam komuniti mereka.

*Kesinambungan Warisan Budaya Masyarakat Melayu Pantai Timur dalam Cerita Rakyat untuk Kanak-Kanak* oleh Siti Zuhaidah Zakeria & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2016). Kajian ini membincangkan tentang cerita rakyat yang merupakan satu genre sastera sebagai ekspresi budaya masyarakatnya yang meliputi kepercayaan, norma, peraturan dan cara hidup masyarakat lampau yang dijadikan amalan dari

generasi ke generasi. Walaupun perkembangan teknologi dan pendidikan kian maju budaya tetap tidak boleh dilupakan. Demikian kerana ia mengandungi sejarah sesebuah tamadun negara dan boleh menjadi pimpinan generasi depan. Kajian dilaksanakan untuk menganalisis dan mengenal pasti kelanjutan budaya yang diamalkan sehingga kini dalam kalangan masyarakat Melayu menerusi cerita rakyat. Kajian membataskan kepada *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* di bawah pengelolaan Othman Puteh dan Aripin Said melalui beberapa cerita rakyat dari masyarakat Melayu Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Hasil kajian mendapati tiga unsur budaya yang berpengaruh seperti kepercayaan, perubatan dan seni budaya ekspresif masih menjadi amalan masyarakat Pantai Timur. Demikian kerana terdapat nilai pengajaran dan unsur seni yang menjadi simbol ketamadunan dalam kalangan masyarakat Pantai Timur.

Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi (2016) menjalankan kajian tentang kepentingan menguruskan konflik yang sentiasa berkembang seiring dengan perkembangan manusia berdasarkan cerita rakyat di Nusantara abad ke-19. Objektif kajian ini dijalankan untuk membincang dan mengenal pasti pengurusan konflik yang terdapat dari *Kitab Pembatjaan* oleh Soetan Padoeka. Selanjutnya, kajian ini menjadikan beberapa buah cerita rakyat daripada perspektif kanak-kanak bagi membincangkan pengurusan konflik. Hasil kajian mendapati cerita rakyat di Nusantara pada abad ke-19 menggambarkan sebuah peradaban dan ketamadunan yang mantap.

Kajian bertajuk *Tangon Dusun Liwan: Satu Analisis Tema* oleh Clarice Gallus & Low Kok On (2016). Kaum Dusun Liwan di Mukim Kirokot, daerah Tambunan, Sabah turut sama seperti kaum dan suku yang lain kerana ia sarat dengan tangon atau lebih dikenali sebagai cerita rakyat. Bahan kajian artikel ini diperoleh melalui kaedah kualitatif menerusi temu bual bersama pemberi maklumat Dusun Liwan di beberapa buah kampung. Dapatan kajian membuktikan cerita rakyat Dusun Liwan berkongsi

tema sama seperti cerita rakyat Barat dan Melayu. Misalnya tema tipu daya, tamak memberi kerugian buat manusia, tema asal usul dan lain-lain lagi.

Mohd Firdaus Che Yaacob, Nasirin Abdillah, Muhammad Izani Ab. Ghani, Shahariah Norain Shahrudin & Siti Nur Anis Muhammad Apandi (2017) kajian bertajuk *Cerminan Moral Positif dalam Cerita-cerita Rakyat Melayu*. Pengkajian ini menjelaskan kepada pembaca bagi memahami nilai murni yang terdiri daripada ikhlas, amanah dan bercakap benar. Ia bertujuan untuk menganalisis dan mengenal pasti cerita-cerita rakyat Melayu yang terdapat cerminan moral positif di dalamnya. Kajian membataskan kepada penelitian kaedah kualitatif daripada buku, jurnal, artikel dan tesis berkaitan dengan moral positif yang terdapat dari cerita rakyat Melayu. Lantaran itu, pengkaji menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu bagi landasan dalam menyelidiki cerminan moral positif dari cerita rakyat Melayu yang menjurus kepada pembentukan sahsiah diri masyarakat Melayu terutamanya. Hasil kajian mendapati bahawa penemuan moral positif di dalam cerita-cerita rakyat Melayu sememangnya wujud dan benar.

Kajian oleh Nur Amirah Mohd Rafar (2017) membincangkan mengenai langkah dalam memartabatkan cerita rakyat di Kelantan khususnya di daerah Bachok dan Kota Bharu. Objektif kajian ini dijalankan bagi mengumpul dan mengenal pasti konsep cerita lisan di Kelantan. Seterusnya, mengelaskan cerita lisan tersebut kepada kategorinya. Hasil kajian mendapati bahawa cerita lisan di Kelantan merupakan karya yang penting dalam menyampaikan kehalusan dan keindahan yang menjurus kepada nilai-nilai positif kepada kalangan masyarakat.

Fifi Anak Rinyuk (2017) dalam kajian *Nilai-nilai Moral dan Cerita-cerita Rakyat Kaum Bidayuh, Serian*. Kajian ini dijalankan bagi mengangkat semula karya sastera dalam kalangan masyarakat terutamanya dalam kaum Bidayuh, Serian. Selain itu, pengkaji melakukan kajian ini agar masyarakat dapat membuka minda dan menerima cerita

rakyat seperti zaman dahulu. Hal ini demikian kerana cerita rakyat ini mempunyai faedahnya tersendiri kepada masyarakat. Objektif kajian adalah untuk menerangkan nilai moral yang terkandung dari cerita rakyat kaum Bidayuh serta mengkategorikan dan mengkaji hubungkait antara nilai moral dengan norma masyarakat kaum Bidayuh. Kajian membataskan kepada pengumpulan data yang diambil dari cerita rakyat kaum Bidayuh di daerah Serian, Sarawak. Pengkaji mengumpul data daripada 20 buah cerita rakyat Bidayuh hasil daripada responden yang ditemubual. Kajian ini menggunakan Teori Pendekatan Moral sebagai landasan dalam kajian. Hasil kajian mendapati bahawa cerita rakyat daripada kaum Bidayuh mempunyai nilai moral yang dapat membentuk sahsiah masyarakat kaum Bidayuh sekali gus mempunyai pengajaran dalam setiap cerita rakyat tersebut.

Mohd Firdaus Che Yacoob & Nasirin Abdillah (2017) dalam kajian *Penerapan Nilai Murni dalam Cerita Rakyat Melayu suatu aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu: Analisis Nilai Kasih Sayang dan Nilai Keadilan dalam Masyarakat Melayu*. Kajian ini membincangkan tentang cerita rakyat masyarakat Melayu yang kaya dengan nilai murni yang boleh memberikan kepada masyarakat Melayu nilai pendidikan. Di samping, bagi mempertahankan khazanah cerita rakyat Melayu dari hilang dek arus pemodenan negara yang kian maju. Pengkaji melaksanakan pengkajian bagi mengenal pasti serta menganalisis nilai keadilan dan nilai kasih sayang dari cerita rakyat Melayu. Pengkajian juga menggunakan pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu bagi menganalisis kajiannya. Penelitian dijalankan secara kaedah kualitatif menerusi rujukan teks dan dokumen kajian lepas sebagai landasan kajian. Dapatan kajian, menunjukkan cerita rakyat Melayu sarat bersama delegasi nilai positif yang dapat memberikan nilai didikan serta contoh yang baik kepada masyarakat.



Normaliza Ab Rahim, Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi & Awang Azman Awang Pawi (2017) yang bertajuk *Kepentingan Nilai dan Kebudayaan dalam Cerita Rakyat Melayu Melalui Perisian E-Cerita Rakyat*. Kajian ini membincangkan mengenai manfaat kebudayaan dan nilai yang terdapat menerusi program digital cerita rakyat dalam kalangan kanak-kanak peringkat sekolah. Objektif kajian bagi untuk membincang dan mengenal pasti kebudayaan dan nilai yang terdapat dari lirik lagu cerita rakyat Melayu yang telah diterbitkan oleh DBP. Seterusnya, nilai tersebut menggunakan pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang. Hasil kajian mendapati bahawa golongan kanak-kanak sangat minat memahami cerita rakyat Melayu menerusi lirik-lirik lagu yang terdapat melodi dan lirik yang menarik.

Sesilia Seli & Muhammad Mokhtar Abu Hassan (2017) yang bertajuk *Nilai-nilai Budaya Tempatan Kaum Dayak Kanayatn dalam Cerita Rakyat*. Kajian ini membincangkan berkenaan cerita rakyat kaum Dayak Kanayatn yang mempunyai nilai budaya tempatan. Nilai budaya merangkumi konsep yang hidup dalam minda masyarakat tentang perkara yang mereka anggap sangat luhur sehingga digunakan sebagai arahan dan rujukan dalam tindakan mereka. Nilai budaya sesebuah masyarakat adalah milik setiap warganegara dan sangat mempengaruhi cara pilihan, kerja dan sikap hidup ditentukan. Nilai tempatan membantu mengatur kewujudan bersama di kalangan ahli komuniti. Lantaran itu, setiap individu mempunyai peraturan atau taraf yang dipatuhi dan dipersetujui oleh semua ahlinya. Begitu juga dengan masyarakat Dayak Kanayatn. Nilai tempatan yang mereka pegang boleh didapati dalam cerita rakyat yang mereka miliki. Kajian membataskan kepada nilai tempatan komuniti Dayak Kanayatn bagi menyelidiki 16 buah cerita rakyat. Hasil kajian mendapati nilai tempatan yang terdapat di dalam cerita rakyat tersebut menggambarkan cara hidup masyarakat tempatan yang menjadi rutin serta kehidupan yang telah berlangsung begitu lama.

Ani Haji Omar (2017) dalam kajian *Cerita Kanak-kanak Berunsur Mitos, Legenda dan Sejarah Membina Kecerdikan Murid-murid Sekolah dalam Hospital*. Kajian ini pengkaji telah menekankan tiga unsur utama dalam bidang kesusasteraan iaitu kreativiti, seni bahasa dan fenomena kehidupan. Permasalahan kajian ini dapat dibuktikan melalui karya berunsur histografi untuk menjelmakan pengalaman dalam yang baru. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis kepentingan serta memahami unsur sejarah, mitos dan legenda yang terdapat dalam cerita rakyat. Kajian ini telah dihadkan kepada lima buah cerita rakyat antaranya *Puteri Gunung Ledang, Perang Melaka, Pahlawan Rimba, Umang dan Entimuk dan Kejuang*. Akhir sekali, cerita-cerita yang berunsur sejarah, mitos dan legenda boleh dijadikan sebagai medium dalam pembelajaran sastera. Perbendaharaan kata dan susunan ayat yang baik dapat meningkat kefahaman murid-murid terhadap karya sastera.

Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2017) dalam kajian *Penggunaan Multimedia Ke Arah Memartabatkan Cerita Rakyat Masyarakat Melayu*. Kajian ini membincangkan tentang peranan teknologi dalam dominan cerita rakyat pada tahap yang lebih tinggi. Permasalahan kajian ini adalah pembangunan teknologi yang semakin berkembang akan menyebabkan cerita-cerita rakyat akan dipinggirkan. Oleh yang demikian kajian ini dilaksanakan adalah bagi menganalisis budaya pemikiran dan akal budi masyarakat Melayu melalui cerita rakyat serta mengenal pasti perisian teknologi multimedia yang boleh memartabatkan cerita rakyat Melayu. Pengkaji telah membataskan kajian ini dengan memilih beberapa cerita rakyat untuk dibincangkan antaranya ialah *Air Menitik Di Atas Batu, Puteri Tok Batin Johol, Padi Menjadi Emas, Anak Yang Taat dan Kasih Sejati*. Akhir sekali, hasil daripada kajian ini pengkaji mendapati bahawa pelbagai perisian teknologi yang boleh digunapakai untuk memartabatkan cerita rakyat seperti grafik, audio, video dan animasi.



Mohd Nazri Abdul Rahman, Mariani Md Nor, Romli Darus, Ahmad Shobry Mohd Noor, Arun Daud, Rinau Lintan & Nor Asiah Muhamad (2017) yang bertajuk *Cerita Rakyat Orang Asal Sabah Sebagai Medium Pembelajaran Asas Literasi: Analisis Keperluan*. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kesesuaian cerita rakyat sebagai medium pembelajaran asas literasi kanak-kanak Orang Asli. Satu modul pembelajaran literasi asas telah dibangunkan berdasarkan Model Persekolahan Rumah seperti yang dicadangkan oleh Mohd Nazri Abdul Rahman (2014). Pendekatan Fuzzy Delphi digunakan untuk mengenal pasti kesesuaian cerita rakyat sebagai medium pengajaran dan pembelajaran literasi asas kanak-kanak orang asli di Sabah. Dua belas pakar akademik dari pelbagai bidang iaitu pendidikan kanak-kanak, pembelajaran bahasa, pendidikan tadika, bahasa Kadazandusun dan pendidikan Orang Asli terbabit secara langsung menerusi kajian. Hasil kajian mendapati cerita rakyat amat sesuai untuk dilaksanakan sebagai modul pembelajaran asas literasi khususnya buat golongan kanak-kanak melalui Program Saringan Literasi dan Numerasi.

Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) dalam kajian *Nilai-Nilai Murni dalam Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penelitian Pengkaedahan Melayu*. Kajian ini membincangkan mengenai naratif lisan yang secara kronologi menceritakan kisah yang mulanya dulu dari komuniti dan kemudian meluas dalam kumpulan masyarakat tertentu pada zaman lepas untuk menjadi ciri khas setiap negara berbilang budaya. Pengkaji menemui permasalahan kajian yang membuktikan bahawa masih ada masyarakat berpendapat naratif lisan sebuah karya yang tidak bermanfaat, penuh dengan kekurangan dan sekadar rekaan bagi menghiburkan para pembaca. Oleh itu, kajian dilaksanakan bagi menganalisis dan mengenal pasti nilai murni yang terdapat dari naratif lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan. Kajian menggunakan pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu dalam menyelidiki nilai murni terdapat dalam naratif lisan tersebut. Penelitian melalui kaedah kualitatif dijadikan elemen dalam pengumpulan hasil data dalam kajian. Dapatan kajian,

menunjukkan bahawa dalam naratif lisan kaya dengan nilai-nilai murni yang boleh mempengaruhi pembentukan akhlak serta tingkah laku yang mulia.

Mohd Fahmi Ismail & Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) dalam kajian yang bertajuk *Kesan Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Temiar Gua Musang, Kelantan: Satu Penelitian Teori Konseptual Kata Kunci*. Kajian ini meneliti mengenai masyarakat Orang Asli Temiar yang dikatakan sebagai sekumpulan manusia yang menetap di hutan dan telah dipulaukan jauh dari arus pemodenan. Lantaran itu, ternyata tamadun disertai dengan mutu budaya cerita rakyat serta falsafah yang luhur. Matlamat kajian adalah untuk mengkaji pengaruh tersirat cerita rakyat masyarakat Orang Asli Temiar. Hasilnya penelitian secara kaedah kuantitatif dalam bentuk kajian lapangan dijadikan sebagai kerangka dalam kajian. Seterusnya, Teori Konseptual Kata Kunci digunakan bagi mengukuhkan kajian. Walhal daripada itu kestabilan serta penerapan nilai budaya sepanjang hidup akan memberi akibat tersirat dan tersurat kepada masyarakat. Hasil kajian mendapati cerita rakyat dalam masyarakat Orang Asli Temiar di Gua Musang, Kelantan adalah sebuah peninggalan khazanah dan warisan yang sangat bernilai.

Muhammad Izani Ab. Ghani (2018) dalam kajian yang bertajuk *Nilai Budi Dalam Cerita Rakyat Melayu di Daerah Jeli, Kelantan*. Kajian ini menjelaskan mengenai nilai budi yang terdapat dari cerita rakyat Melayu daerah Jeli, Kelantan. Objektif kajian untuk menganalisis dan mengenal pasti nilai budi yang terdapat dari cerita rakyat Malaysia daerah Jeli, Kelantan. Rentetan itu, pengkaji membataskan kajian kepada penelitian menerusi cerita rakyat Melayu di daerah Jeli, Kelantan sahaja. Selain itu, Teori Pengkaedahan Melayu melalui pendekatan moral, pendekatan seni, pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan dakwah dijadikan deduktif kajian bagi menyempurnakan data kajian. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat beberapa nilai budi dalam cerita rakyat Melayu daerah Jeli, Kelantan. Bahkan juga penemuan tersebut menjadi gambaran kebudayaan masyarakat Melayu terdahulu yang dapat

menjadikan teladan dalam kalangan masyarakat kini bagi membentuk sahsiah diri yang mulia.

Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2018) dalam kajian *Penerapan Konsep Menjana Minda Melalui Falsafah Pendidikan Kebangsaan Terhadap Masyarakat Melayu Dalam Cerita Rakyat Melayu*. Kajian ini melihat kepada cerita rakyat Melayu dan bagaimana ia dipengaruhi oleh generasi intelektual dalam membentuk akhlak yang positif dalam masyarakat. Hasilnya tujuan penyelidikan ini adalah untuk menyiasat dan mewujudkan nilai murni seperti nilai kerajinan dan logik. Penyelidikan ini terhad kepada beberapa cerita rakyat Melayu pilihan yang menjadi batasan bagi menjalinkan integrasi di antara nilai murni serta peranan konsep kemampuan berfikir. Penyelidikan ini menggunakan kaedah Falsafah Pendidikan Kebangsaan melalui idea kecerdasan. Jelas sekali kepentingan kerajinan dan logik ditunjukkan untuk menunjukkan kewujudan kecerdasan dalam cerita rakyat Melayu. Di mana masyarakat Melayu mempunyai kekuatan intelek dan keupayaan untuk melihat, menganalisis dan membuat tindakan yang betul.

Muhammad Safwan Ismail, Roslina Abu Bakar & Nik Rafidah Nik Muhammad Effendy (2018) dalam kajian *Cerita Jenaka Melayu Suatu Manifestasi Watak Dan Perwatakan Positif*. Kajian ini dilakukan bagi menonjolkan nilai yang baik melalui watak dan perwatakan dari cerita jenaka. Di samping itu, kajian dilakukan untuk menyangkal persepsi pengkaji terdahulu yang menganggap cerita jenaka hanyalah sebuah cerita yang menunjukkan masyarakat Melayu itu bersikap lurus, jumud, tidak bertamadun dan kurang berfikir. Sehubungan dengan itu, pengkaji telah melakukan kajian yang objektifnya adalah menganalisis perwatakan yang baik melalui watak di dalam cerita jenaka. Oleh itu, pengkaji telah membataskan kajiannya dengan merujuk empat buah cerita jenaka. Selain itu, untuk mengukuhkan kajian ini pengkaji telah mengaplikasikan prinsip pendekatan Psikologi Humanistik. Hal ini disebabkan kerana kajian mengenai

watak dan perwatakan ini bersesuaian dengan lima prinsip yang ada pada pendekatan tersebut. Hasil kajian ini mendapati bahawa watak-watak yang ditonjolkan dalam cerita jenaka kaya dengan perwatakan positif yang dapat dijadikan contoh kepada masyarakat.

Kajian menerusi artikel *Daripada Cetak Kepada Digital:Rekonstruksi Cerita Rakyat di Malaysia* oleh Md Sidin Ahmad Ishak, Siti Ezaleila Mustafa & Rosmani Omar (2019). Cerita rakyat pada awalnya disebarikan melalui tradisi lisan kemudiannya berkembang kepada cetakan dan kini, telah menembusi arena digital bagi melanjutkan pertunjukannya dalam mengisi pelbagai tujuan berkat kemajuan teknologi. Walaupun begitu, masih banyak barisan ahli cerita rakyat Barat pada abad ke-20 khususnya, merasa khuatir kerana mereka menganggap dengan kewujudan teknologi moden akan melunturkan tradisi warisan sastera rakyat. Justeru, ada sesetengahnya menyangka sastera rakyat akan lebih berkembang dengan pesat dalam dunia siber. Objektif kajian bagi mengkaji judul cerita rakyat yang dihasilkan menerusi sebaran am dan menganalisis format yang digunakan penerbit di Malaysia. Pengkaji mengaplikasikan pendekatan rekonstruksi bagi memperkukuhkan dapatan kajian. Hasil kajian membuktikan bahawa ekosistem cerita rakyat yang terdapat di Malaysia tidak setara dengan kemajuan moden sekarang. Lantaran itu, daya yang amat giat perlu dilakukan supaya sastera rakyat boleh dikekalkan.

Atikah Mohd Noor, Sharil Nizam Sha'ri, & Rohaidah Kamaruddin (2019) dalam kajian yang bertajuk *Nilai Murni Dalam Cerita Sang Kancil*. Kajian memfokuskan kepada penyelidikan nilai murni yang terdapat dalam cerita rakyat *Sang Kancil* supaya nilai yang baik ini boleh mempengaruhi pembentukan sahsiah diri generasi muda dan kanak-kanak. Oleh itu, cerita binatang seperti *Sang Kancil* dilihat perlu diberi penekanan kerana ia menyumbang kepada pembentukan sahsiah diri yang positif kepada generasi muda dan kanak-kanak. Kajian ini dilakukan bagi menganalisis dan

mengenal pasti nilai murni yang terkandung dalam cerita rakyat *Sang Kancil*. Kajian juga membataskan kepada cerita rakyat *Sang Kancil*. Sehubungan itu, pengkaji telah menggunakan Teori Kebaikan oleh Al-Ghazali bagi mengukuhkan lagi kajian yang dijalankan. Dapatan kajian, menunjukkan cerita rakyat *Sang Kancil* sarat dengan pengajaran serta nilai murni sesuai yang dijadikan sebagai pedoman dalam kehidupan seharian.

Kajian yang bertajuk *Kisah Sang Kancil dan Memerang Sebagai Penerapan Adab Kepimpinan dalam Kalangan Kanak-kanak* oleh Siti Fatimah Mamat, Roslina Abu Bakar & Arbai'e Sujud (2019). Cerita rakyat adalah antara elemen yang penting untuk dikaji memberi pendedahan kepada budi bahasa yang boleh dijadikan amalan dalam kalangan masyarakat Melayu terutamanya golongan kanak-kanak. Justeru, kajian dijalankan bagi mengenal pasti unsur adab serta menganalisis akibat bagi menerapkan budaya adab dalam masyarakat Melayu melalui *Kisah Sang Kancil dan Memerang*. Kajian menggunakan kaedah kualitatif melalui kaedah temubual. Kajian juga membataskan kepada *Kisah Sang Kancil dan Memerang* dengan pengaplikasian pendekatan Adab berasaskan dari Syed Naquib Al-Attas (2001). Dapatan kajian, membuktikan bahawa cerita binatang menjadikan watak binatang mempunyai pemikiran dan perlakuan serupa dengan manusia bertujuan dalam memberikan nilai didikan dan teladan kepada golongan masyarakat.

Kajian *Nilai-nilai Kearifan Lokal dalam Cerita Rakyat Kadazandusun* oleh Minah Sintian (2019). Kajian ini membincangkan berkenaan cerita rakyat yang banyak terdapat dalam masyarakat Kadazandusun, termasuk pertalian antara manusia sesama manusia dan setiap makhluk di muka bumi. Tujuan kajian ini dihasilkan bagi mengenal pasti nilai-nilai kearifan lokal dari cerita rakyat Kadazandusun. Pengkaji telah membataskan pengkajian dengan dua buah buku cerita rakyat bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan nilai kearifan lokal. Kaedah kepustakaan dilakukan

oleh pengkaji untuk memperoleh rujukan dan data kajian. Hasil kajian mendapati bahawa cerita rakyat masyarakat Kadazandusun adalah sebuah khazanah yang berhasil memaparkan nilai-nilai kearifan lokal seperti selalu meminta perlindungan dan bantuan dari Tuhan, memelihara keselarasan hidup antara makhluk, kuat bekerja, menyemai keberanian dalam hidup, tolong-menolong, sentiasa menepati janji dan memelihara tradisi nenek moyang. Natiujahnya, cerita rakyat yang mengandungi nilai kearifan tempatan harus diamalkan sepanjang hidup seharian khususnya dalam sistem pendidikan.

Hazrul Mazran Rusli & Abdul Aziz Zali @ Zalay (2020) dalam kajian *Adaptasi Kesusasteraan Rakyat (Cerita Si Luncai) Dalam Karya Cetakan*. Pengkajian membahaskan tentang penghasilan karya seni yang berdasarkan adaptasi antara bentuk sastera rakyat Melayu, serta ia juga memfokuskan kepada pengajaran yang terdapat daripada teks *Cerita Si Luncai*. Kajian dijalankan kerana terdapat pendapat yang tidak lagi memandang cerita rakyat sebagai karya kesusasteraan. Oleh yang demikian, pencetakan dihasilkan agar dapat menyebarkan karya kesusasteraan tersebut kepada khalayak ramai. Objektif kajian dihasilkan untuk menganalisis dan mengenal pasti adaptasi karya kesusasteraan *Cerita Si Luncai* dalam karya cetakan. Kajian membataskan dengan penelitian ke atas *Cerita Si Luncai* dengan penghasilan daripada kaedah kajian kualitatif daripada jurnal, buku dan tesis ke atas penyelidikan tersebut. Pengkaji menggunakan Teori Adaptasi bagi memantapkan lagi kajian. Hasil kajian didapati bahawa adaptasi kesusasteraan adalah sebuah karya yang diperbaharui semula karyanya sebagaimana *Cerita Si Luncai* yang asalnya dihasilkan daripada cerita lisan dan ditransformasikan kepada seni cetakan.

Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob (2020) dalam kajian *Akal Budi dalam Naratif Lisan Penduduk Kota Bharu, Kelantan: Satu Penelitian Kemasyarakatan*. Pengkajian membahaskan mengenai akal budi menerusi naratif lisan



penduduk di Kota Bharu, Kelantan. Ia didapati bahawa satu pendidikan bagi peringkat kanak-kanak mengenai adat resam, pantang larang masyarakat dan kebudayaan yang merupakan sebuah keterangan yang memperlihatkan tingkah laku individu. Kajian dijalankan bagi mengisi kelompangan kajian sedia ada. Objektif kajian untuk menganalisis dan mengenal pasti akal budi dari naratif lisan penduduk di Kota Bharu, Kelantan. Batasan kajian tertumpu kepada penelitian naratif lisan penduduk di Kota Bharu, Kelantan. Sehubungan itu, pendekatan dari Teori Pengkaedahan Melayu digunakan bagi mengkaji akal budi sebagai unsur deduktif masyarakat. Hasil kajian yang diperoleh adalah terdapatnya akal budi dalam naratif lisan yang mewujudkan unsur deduktif.

Mohd Firdaus Che Yaacob (2020) kajian yang bertajuk *Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam Cerita-cerita Lisan Melayu*. Kajian ini membincangkan berkaitan dengan cerita-cerita lisan Melayu yang menyumbang kepada pembentukan sahsiah diri individu melalui nilai-nilai positif yang ditonjolkan daripada cerita-cerita tersebut. Kajian dijalankan bagi memartabatkan cerita-cerita lisan Melayu serta menambah kelompangan dari kajian sedia ada. Kajian dijalankan bagi mengenal pasti dan menganalisis nilai murni daripada cerita lisan Melayu dengan menggunakan pengaplikasian daripada Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Oleh itu, kajian membataskan kepada cerita rakyat yang terdapat dari buku *Seuntai Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Penelitian menerusi kaedah kualitatif digunakan dalam kajian ini bagi meneliti 16 nilai murni yang terdapat dalam cerita rakyat tersebut menerusi Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Oleh itu, dapatan kajian menunjukkan cerita rakyat Melayu bukanlah berfungsi sebagai hiburan semata-mata bahkan, terkandung pelbagai manfaat yang ingin disampaikan kepada para pembaca dengan pendekatan yang berbeza.

Nur Ezatull Fadtehah Hedel & Mary Fatimah Subet (2020) kajian bertajuk *Peristiwa Aneh dalam Cerita Rakyat "Hikayat Nakhoda Muda": Analisis Semantik Inkuisitif*. Kejadian pelik sering digabungkan ke penciptaan cerita rakyat. Ini dilakukan untuk menimbulkan perasaan teruja dan rasa ingin tahu kepada setiap individu pendengar dan pembaca. Kejadian pelik bagaimanapun, tidak boleh ditafsirkan dengan literal kerana ia adalah tersirat. Untuk mengkaji punca peristiwa pelik menerusi cerita rakyat tersebut, kajian mengaplikasikan pendekatan Semantik Inkuisitif Jalaluddin (2014), yang disokong oleh pendekatan Kerangka Rujukan Silang Kempson (1986). Dengan menganalisis dokumen yang didokumenkan, kajian ini adalah kualitatif sepenuhnya. Data itu datang dari naskhah hikayat bertajuk *Antologi Enam Hikayat* yang diterbitkan oleh DBP hasil usaha Nor (2016) dengan sebuah cerita hikayat yang dijadikan sebagai batasan kajian. Mengikut dapatan kajian cerita rakyat mengandungi sepuluh peristiwa aneh.

Rahimah Hamdan & Alya Batrisyia Anuar (2020) dalam kajian *Perspektif 'Melayu Malas' Dan 'Melayu Bodoh' Oleh Barat Serta Kebenarannya Berdasarkan Cerita Jenaka Melayu*. Kajian ini menyatakan mengenai pandangan yang negatif oleh masyarakat Barat terhadap masyarakat Melayu. Kajian ini dijalankan bagi menangkis pandangan negatif tersebut dengan memberikan kebenaran melalui cerita jenaka Melayu. Kajian dilakukan bagi mengenal pasti pandangan Barat tentang pernyataan Melayu bodoh dan malas serta menganalisis kebenaran perspektif tersebut melalui cerita jenaka. Dalam melaksanakan kajian ini, pengkaji membataskan kajian kepada empat buah cerita jenaka. Hasil daripada kajian ini dapat dinyatakan bahawa perspektif Barat mengenai pernyataan Melayu bodoh dan malas sangat menyimpang. Ianya membuktikan melalui cerita, *Si Luncai* diberikan kelebihan untuk berinteraksi dengan alam sehingga dia boleh meneruskan kehidupannya. Namun begitu pada pengakhiran sesebuah cerita jenaka telah diselitkan dengan balasan atau kelebihan untuk dijadikan sebagai pengajaran.



Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2020) dalam jurnal yang bertajuk *Nilai-nilai Islam dan Pembentukan Akhlak Dalam Cerita Rakyat Melayu*. Menerusi pengkajian membuktikan hubungan masyarakat Melayu tradisional dan cerita rakyat yang saling berkait rapat. Penyelidikan ini dijalankan kerana berdasarkan jurang dalam beberapa kajian terdahulu yang mana aspek nilai Islam yang belum diterokai sepenuhnya dalam membentuk akhlak masyarakat Melayu. Oleh yang demikian terdapat dua tujuan dalam kajian adalah untuk menganalisis dan mengenal pasti pengaruh nilai Islam dari cerita rakyat Melayu kepada membentuk peribadi masyarakat Melayu. Kajian terhad kepada cerita rakyat Melayu yang diambil dari teks *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Kajian mengaplikasikan teori Takmilah dalam mengukuhkan hujah analitikal. Justeru, para pengkaji meneliti dari kaedah kualitatif menerusi kaedah perpustakaan dan teks. Kajian memberikan penjelasan kepada nilai Islam iaitu tidak angkuh, amanah, berasa syukur tiap waktu, patuh serta saling bermasyarakat menerusi cerita rakyat Melayu dari teks *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Kajian membuktikan masyarakat terdahulu sering mempraktikkan nilai Islam dalam cerita rakyat untuk mewujudkan masyarakat yang mempunyai sahsiah diri terpuji.

Noorzatulhidayah Mohd Hanipah, Daeng Haliza Daeng Jamal & Nasirin Abdillah (2021) dalam kajian bertajuk *Ritual Dalam Cerita Rakyat Di Mukim Bebar, Pekan, Pahang*. Pengkajian dihasilkan oleh pengkaji untuk melengkapkan kelompangan dari pengkajian luar tentang cerita rakyat. Kajian yang dilaksanakan bagi membincangkan dan mengenal pasti ritual dari cerita rakyat di Mukim Bebar Pekan, Pahang. Kajian membataskan kepada pengumpulan data secara kualitatif. Kajian ini menggunakan pendekatan Teori Fungsionalisme oleh Bronislaw Malinowski (1884-1942). Kajian ini telah membuktikan bahawa unsur ritual dari cerita rakyat ini mempunyai perkaitan yang dekat dengan kebudayaan masyarakat Melayu. Sehingga unsur ritual tersebut

masih diterapkan sehingga kini dalam kehidupan sebahagian masyarakat kampung tersebut.

Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) dalam kajian bertajuk *Penemuan Nilai-nilai Islam dalam Cerita Lisan Melayu: Satu Penelitian Terhadap Pendekatan Karya dan Khalayak*. Kajian ini pengkaji cuba untuk memartabatkan cerita lisan dan membuka minda masyarakat bahawa sebetulnya terdapat pelbagai nilai-nilai Islam yang tidak semua masyarakat menyedarinya. Pengkaji menjalankan kajian bagi menganalisis dan mengenal pasti nilai-nilai Islam yang terdapat dalam cerita lisan Melayu. Kajian membataskan kepada cerita rakyat yang menjadi pilihan pengkaji melalui teks *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia* bagi mendapati nilai Islam darinya. Kajian menggunakan pengaplikasian Teori Takmilah yang dicetuskan oleh Shafie Abu Bakar. Dapatan kajian membuktikan bahawa karya cerita lisan Melayu terdapat nilai-nilai Islam yang dapat membentuk sahsiah keperibadian khalayak masyarakat.

Muhammad Nur Al-Hakim Mohammad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) yang bertajuk *Nilai-Nilai Kemanusiaan dalam Cerita Lisan: Satu Penelitian Takmilah*. Kajian ini dijalankan kerana diperhatikan terdapat kelompangan terhadap pengkajian tentang nilai kemanusiaan dalam cerita lisan. Hal ini disebabkan kerana, pengkaji-pengkaji terdahulu lebih kepada nilai baik hati dan nilai budaya. Bagi melengkapkan kelompangan yang ada, pengkaji telah melakukan kajian yang objektifnya adalah menganalisis nilai-nilai kemanusiaan melalui cerita lisan. Selain itu, pengkaji membataskan skop kajiannya dengan meneliti 10 buah cerita rakyat pilihan daripada teks *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Kajian mengaplikasikan Teori Takmilah dengan menggunakan lima prinsip iaitu khalayak dengan sastera, pengkarya mengistimakan diri, ketuhanan bersifat Kamal, sastera dengan ilmu serta khalayak memupuk insan kamil. Dapatan kajian membuktikan cerita lisan bukan sahaja

kaya dengan nilai murni, nilai keislaman dan nilai budaya malah, ianya juga kaya dengan nilai-nilai kemanusiaan di mana nilai tersebut dapat membantu dalam membina sebuah masyarakat yang bertamadun.

Siti Aishah Jusoh, Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2021) kajian bertajuk *Unsur Spiritual dalam Cerita Lisan Melayu*. Kajian ini pengkaji membincangkan mengenai cerita lisan Melayu yang mengandungi nilai estetika yang tersendiri sebagai panduan dan tunjuk ajar. Dalam konteks ini cerita lisan diperturunkan melalui tradisi lisan kepada setiap generasi. Oleh itu, sudah semestinya tokoh tambah dalam cerita rakyat akan berlaku kerana bergantung kepada situasi dan lapisan golongan pada waktu tersebut. Oleh yang demikian pengkaji menjalankan kajian bagi menganalisis dan mengenal pasti ritual sumpahan dari cerita lisan Melayu. Kajian membataskan kepada 12 data cerita lisan Melayu yang dipilih secara rawak berdasarkan *Koleksi 366 Cerita Rakyat di Malaysia*. Pengaplikasian Teori Budaya adalah sebagai deduktif dalam kajian ini. Hasil kajian membuktikan sesetengah cerita lisan Melayu terdapat unsur spiritual iaitu sumpahan. Hal ini, bukan sahaja menjadikan ia menarik tetapi juga memiliki pemikiran kreatif yang boleh dijadikan medium pendidikan kepada masyarakat tempatan.

Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, Suffian Mansor, Karim Harun & Mohamad Rodzi Abd Razak (2021) yang bertajuk *Masyarakat Orang Asli Jakun Di Rompin, Pahang: Kajian Terhadap Pemuliharaan Cerita Lisan*. Cerita lisan yang ada dalam kalangan masyarakat Orang Asli Jakun semakin berkurangan, beransur hilang dan diancam kepupusan. Secara tidak langsung ia akan memberi kesan terhadap kelangsungan cerita lisan sebagai sebahagian daripada tradisi lisan yang membentuk jati diri masyarakat Orang Asli Jakun. Oleh itu, kajian dijalankan bagi menganalisis dan mengenal pasti pemuliharaan cerita lisan masyarakat Orang Asli Jakun. Kajian ini dilaksanakan menerusi kaedah kualitatif melalui penelitian kajian lapangan dan temu

bual separa struktur. Kajian juga mengaplikasikan kaedah analisis tematik bagi menyaring maklumat supaya memperoleh data kajian yang betul dan sesuai. Dapatan kajian, membuktikan bahawa aktiviti pemuliharaan ke atas cerita lisan itu dapat mengekalkan tradisi tersebut untuk dinikmati generasi akan datang.

Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) iaitu kajian *Cerita Rakyat Sebagai Simbol Kekayaan Nilai Ketamadunan Masyarakat Melayu*. Kajian ini membahaskan mengenai cerita rakyat sebagai medium yang disampaikan secara lisan oleh penglipur lara dan mempunyai kekuatan nilai-nilai ketamadunan yang masih menjadi amalan masyarakat Melayu hingga ke generasi kini. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk membuka minda dan menyedarkan masyarakat tentang keunikan cerita rakyat serta nilai ketamadunannya sebagai medium pembentukan akhlak yang positif. Seterusnya, pendekatan moral yang terkandung dalam Teori Pengkaedahan Melayu yang dicetuskan oleh Hashim Awang (1989) digunakan bagi menyempurnakan kajian. Selain itu, kajian ini membatasi beberapa cerita rakyat seperti *Tujuh Bersaudara*, *Puja Berubat*, *Sungai Ketapang* dan *Semangat Laut*. Seterusnya, kaedah kualitatif dipilih sebagai bagi menyiapkan kajian ini. Secara keseluruhan, pengkaji dapat membuktikan cerita rakyat Tumpat, Kelantan mengandungi nilai ketamadunan yang boleh membina jati diri masyarakat Melayu ke arah yang positif dan menjadikannya lebih maju.

Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) dalam kajian *Nilai-Nilai Islam Terhadap Pembentukan Sosiobudaya Kanak-Kanak Menerusi Cerita Rakyat Melayu*. Kajian ini membincangkan tentang cerita rakyat Melayu sebagai sastera tradisional orang Melayu yang bertujuan untuk mengawasi sosial masyarakat serta sebagai bahan hiburan kepada masyarakat Melayu era sebelumnya. Tujuan kajian dilaksanakan juga bagi menunjukkan cerita rakyat Melayu ini penuh dengan nilai Islam boleh membina budaya sosial kanak-kanak. Objektif kajian dilaksanakan bagi menganalisis dan mengenal pasti nilai Islam dalam cerita

rakyat Melayu adalah berasaskan kanak-kanak budaya sosial. Prinsip hubungan antara penonton dan ciptaan seni dalam Teori Takmilah ialah satu cara utama bagi mempraktikkan nilai Islam kepada sahsiah kanak-kanak. Penelitian menerusi kaedah kualitatif dari kaedah kepustakaan dan lapangan diguna dalam menyelidiki data dan maklumat yang diperlukan. Akhirnya, hasil kajian menunjukkan nilai-nilai Islam yang terdapat dari cerita rakyat Melayu mempunyai potensi dalam membantu bagi pembentukan budaya sosial kanak-kanak yang lebih meluas ke arah yang terbaik.

### 2.3 Pengkajian Teori Pengkaedahan Melayu Dalam Karya-Karya Sastera

Johari Bin Yahaya (2015) dalam kajian yang bertajuk *Pantun Peribahasa Melayu: Analisis Daripada Perspektif Teori Pengkaedahan Melayu*. Kajian ini dijalankan bagi membuktikan manfaat dan fungsi pantun peribahasa Melayu dalam kalangan masyarakat. Objektif kajian untuk mengkaji dan menganalisis pantun peribahasa Melayu menerusi pendekatan Teori Pengkaedahan Melayu. Kajian membataskan kepada penelitian daripada pantun peribahasa Melayu yang dikaji menggunakan kaedah kualitatif daripada jurnal, artikel, buku dan tesis berkaitan tajuk kajian. Teori Pengkaedahan Melayu merupakan salah satu landasan dalam kajian ini bagi menganalisis kearifan dan pemikiran serta kepintaran bangsa Melayu yang dapat diteroka dengan terang dan senang. Dapatan kajian membuktikan bahawa kegemilangan tradisi Melayu itu dapat kekal berpanjangan dengan adanya pembuktian yang dijalankan oleh pengkaji.

Noraini Abd. Shukor (2016) dalam kajiannya yang bertajuk *Padi dan Air Sebagai Tanda dalam Peribahasa Melayu: Pendekatan Firasat*. Kajian ini dijalankan bagi menghuraikan perkaitan padi dan air yang digunakan sebagai simbol dalam peribahasa Melayu. Di samping itu, objektif kajian untuk mengkaji dan menganalisis padi dan air sebagai simbol dalam peribahasa Melayu menggunakan pendekatan firasat. Kajian ini membataskan pendekatan firasat dalam menganalisis padi dan air sebagai simbol dalam peribahasa Melayu. Oleh itu, kajian menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu sebagai teori tempatan yang memfokuskan kepada pendekatan firasat sebagai kayu ukur dalam kajian.

Hashim Awang & Hashim Ismail (2016) kajian yang bertajuk *Minda Pengarang Melayu: Melestarikan Hubungan antar-Budaya Melayu-Jawa dalam Sulalat al-Salatin*. Kajian dilaksanakan bertujuan untuk bagi menjawab setiap persoalan dalam fikiran sesetengah pihak. Objektif kajian untuk menganalisis dan mengenal pasti ciri jati diri



pengarang Melayu di dalam Sulalat al-Salatin melalui bentuk dan puitika minda pengarang Melayu dalam melestarikan hubungan antar-budaya. Kajian membataskan kepada penelitian yang dibuat dalam hubungan antar-budaya Melayu-Jawa dalam Sulalat al-Salatin. Teori Pengkaedahan Melayu dan Teori Puitika Melayu dijadikan sebagai garis panduan dalam memantapkan lagi kajian. Dapatan kajian membuktikan kajian menjawab segala persoalan tentang identiti pengarang Melayu dan gambaran imej antar-budaya.

Mazarul Hasan Mohamad Hanapi, Abdul Halim Ali & Mohd Rosli Saludin (2016) kajian bertajuk *Simbol Dalam Mantera Menurut Kepercayaan Orang Melayu*. Mantera adalah penting untuk mempengaruhi mentaliti seseorang individu untuk menjadi lebih lengkap dalam kehidupan sosial. Objektif kajian adalah untuk menghurai dan mengenal pasti fungsi simbol dalam mantera mengikut kepercayaan orang Melayu. Kajian berlandaskan Teori Semiotik bahawa proses kreatif bahasa dapat mempengaruhi jiwa individu dan melihat dunia perkataan dalam mantera sebagai cerminan lambang kecerdasan Melayu. Teori ini turut dipadankan dengan Teori Pengkaedahan Melayu. Teori Semiotik diguna dalam menyelidiki prinsip simbol dan mengenal pasti simbol dalam mantera. Walhal, Teori Pengkaedahan Melayu tertumpu kepada kaedah petanda yang berkait rapat dengan daya fikiran masyarakat Melayu dahulu. Penyelidikan terhad kepada mantera dalam buku *Ulit Mayang Kumpulan Mantera Melayu* di bawah penerbitan DBP. Dapatan kajian membuktikan bahawa simbol yang digunakan dalam mantera sangat berguna dalam memberi gambaran mengenai keyakinan masyarakat kepada sesuatu perkara dan mantera juga adalah cerminan kepada kebudayaan masyarakat tradisional.

Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim (2016) yang bertajuk *Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu*. Cerita rakyat merupakan antara karya sastera Melayu

yang disampaikan melalui tradisi lisan. Selain itu, cerita rakyat ini penuh dengan nilai yang menunjukkan teladan positif serta pengajaran kepada masyarakat. Objektif kajian untuk menganalisis dan mengenal pasti melalui cerita rakyat Melayu terdapatnya nilai baik hati. Kajian membataskan kepada pengkajian terhadap cerita rakyat masyarakat Melayu yang mempunyai nilai baik hati menggunakan pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu bagi mengukuhkan lagi kajian yang dilaksanakan. Dapatan kajian menemui nilai baik hati yang terdapat pada hampir keseluruhan cerita rakyat Melayu yang berfungsi dalam membina jati diri masyarakat Melayu yang unggul.

Mohd Firdaus Che Yaacob, Nasirin Abdillah, Muhammad Izani Ab. Ghani, Shahariah Norain Shahrudin & Siti Nur Anis Muhammad Apandi (2017), menjalankan kajian yang bertajuk *Cerminan Moral Positif dalam Cerita-cerita Rakyat Melayu*. Kajian ini menjelaskan pembaca bagi memahami nilai murni yang terdiri daripada ikhlas, amanah dan bercakap benar bertujuan untuk menganalisis dan mengenal pasti cerita-cerita rakyat Melayu yang terdapat cerminan moral positif di dalamnya. Kajian membataskan kepada penelitian kaedah kualitatif daripada buku, jurnal, artikel dan tesis yang berkaitan dengan moral positif yang terdapat dalam cerita rakyat Melayu. Lantaran itu, landasan dalam kajian ini menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu bagi menyelidiki cerminan moral positif dari cerita rakyat Melayu yang menjurus kepada pembentukan sahsiah diri masyarakat Melayu terutamanya. Hasil kajian mendapati bahawa penemuan moral positif di dalam cerita-cerita rakyat Melayu sememangnya wujud dan benar.

Mohd Firdaus Che Yacoob & Nasirin Abdillah (2017) dalam kajian yang bertajuk *Penerapan Nilai Murni dalam Cerita Rakyat Melayu suatu aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu: Analisis Nilai Kasih Sayang dan Nilai Keadilan dalam Masyarakat Melayu*. Kajian ini membincangkan tentang cerita rakyat masyarakat Melayu yang kaya bersama nilai murni serta boleh memberikan kepada masyarakat Melayu nilai



pendidikan. Di samping, dalam mempertahankan khazanah cerita rakyat Melayu dari hilang dek arus pemodenan negara yang kian maju. Kajian ini dilakukan untuk menganalisis serta mengenal pasti nilai keadilan dan nilai kasih sayang dari cerita rakyat Melayu. Pengkaji telah mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu dalam menganalisis kajiannya. Kajian ini mengkaji dengan kaedah kualitatif menerusi rujukan teks dan dokumen kajian lepas sebagai landasan kajian. Dapatan kajian menunjukkan cerita rakyat Melayu penuh bersama delegasi nilai murni yang dapat memberikan nilai didikan serta contoh yang baik kepada masyarakat.

Syaidul Azam Kamarudin & Arbai'e Sujud (2017) dalam kajian *Jati Diri Melayu dalam Kumpulan Puisi Terpilih A. Aziz Deraman: Analisis Teori Pengkaedahan Melayu*. Kajian ini dijalankan bagi mengangkat khazanah yang dipertahankan dalam kehidupan masyarakat Melayu. Objektif kajian untuk menganalisis dan mengenal pasti jati diri masyarakat Melayu yang terdapat dari kumpulan puisi terpilih A. Aziz Deraman dengan menggunakan pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu. Kajian juga membataskan kepada kajian yang dijalankan ke atas penelitian dalam kumpulan puisi terpilih A. Aziz Deraman. Kajian ini menggunakan pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu bagi mengenal pasti sudut pandang jati diri Melayu melalui puisi diselidiki daripada tiga segi pandangan asas menerusi jati diri agama, jati diri Melayu dan jati diri peradaban. Dapatan kajian, membuktikan keaslian jati diri Melayu ungkapan dari A. Aziz Deraman menerusi puisi penghasilannya boleh dijadikan pengajaran, teguran dan ajaran yang memberi faedah serta dapat membina permuafakatan kepada masyarakat.

Pg. Haji Yakup Pg. Ahmad & Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2018) kajiannya yang bertajuk *Sajak-sajak Badaruddin H.O Bertemakan Ketuhanan: Analisis Pendekatan Dakwah*. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji dan menganalisis sajak-sajak Badaruddin H.O yang bertemakan ketuhanan. Kajian yang dijalankan membataskan kepada sajak-sajak Badaruddin H.O. Landasan yang dijadikan sebagai teori untuk kajian ini adalah

Teori Pengkaedahan Melayu pendekatan dakwah dalam sajak-sajak kajian ini. Hasil kajian mendapati, sajak berfungsi sebagai iktibar dan panduan kepada pendengar di samping, menjadi hiburan buat pendengar. Selain itu, penyair turut menggunakan pengayaan bahasa yang lembut dan halus dalam menyebarkan dakwah melalui syairnya.

Che Abdullah Che Ya (2018) dalam kajian yang bertajuk *Manifestasi Kehidupan Masyarakat Melayu Dalam Bedar Sukma Bisu Daripada Perspektif Pengkaedahan Melayu*. *Bedar Sukma Bisu* ialah karya Faisal Tehrani yang diterbitkan pada tahun 2007 oleh DBP. Novel ini memenangi hadiah utama dalam pertandingan menulis bersama Jubli Emas DBP. *Bedar Sukma Bisu* dan lain-lain menunjukkan cara hidup masyarakat Melayu dari sebelum Perang Dunia Kedua hingga dekad terakhir Malaysia. Penulis kreatif menangani isu-isu akidah, kepercayaan dan penyertaan Melayu dalam dunia korporat menerusi beberapa jenis teknik termasuk monolog, dialog, imbasan wajah termasuk mimpi, imbas kembali dan simbolisme. Kajian ini mengumpulkan data berdasarkan kaedah penelitian kualitatif sebagai alat utama dalam kajian. Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu digunakan bagi mengukuhkan dapatan kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa novel ini lebih mengupas tentang hakikat masyarakat Melayu sebenar yang sangat bergantung dengan alam semula jadi yang menjadikannya bagi sumber ilham dan sumber ekonomi.

Muhammad Izani Ab. Ghani (2018) dalam kajian yang bertajuk *Nilai Budi Dalam Cerita Rakyat Melayu di Daerah Jeli, Kelantan*. Kajian ini menjelaskan mengenai nilai budi yang terdapat dari cerita rakyat Melayu daerah Jeli, Kelantan. Objektif kajian untuk menganalisis dan mengenal pasti nilai budi yang terdapat dari cerita rakyat Malaysia daerah Jeli, Kelantan. Rentetan itu, pengkaji membataskan kajian kepada penelitian menerusi cerita rakyat Melayu di daerah Jeli, Kelantan. Selain itu, Teori Pengkaedahan Melayu melalui pendekatan moral, pendekatan seni, pendekatan kemasyarakatan dan

pendekatan dakwah dijadikan deduktif kajian bagi menyempurnakan data kajian. Hasil kajian mendapati terdapat beberapa nilai budi dalam cerita rakyat Melayu daerah Jeli, Kelantan. Bahkan penemuan tersebut menjadi gambaran kebudayaan masyarakat Melayu terdahulu yang dapat menjadikan teladan dalam kalangan masyarakat kini bagi membentuk sahsiah diri yang mulia.

Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) dalam kajian yang bertajuk *Nilai-Nilai Murni Dalam Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penelitian Pengkaedahan Melayu*. Kajian ini membincangkan mengenai naratif lisan yang secara kronologi menceritakan kisah yang bermula dari komuniti dan kemudian meluas dalam kumpulan masyarakat tertentu pada zaman lepas untuk menjadi ciri khas setiap negara berbilang budaya. Pengkaji menemui permasalahan kajian yang membuktikan bahawa masih ada masyarakat berpendapat naratif lisan sebuah karya yang tidak bermanfaat, penuh dengan kekurangan dan sekadar rekaan bagi menghiburkan para pembaca. Oleh itu, kajian dilaksanakan bagi menganalisis dan mengenal pasti nilai murni yang terdapat dari naratif lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan. Kajian menggunakan pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu dalam menyelidiki nilai murni terdapat dalam naratif lisan tersebut. Penelitian melalui kaedah kualitatif dijadikan elemen dalam pengumpulan hasil data dalam kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa dalam naratif lisan kaya dengan nilai-nilai murni yang boleh mempengaruhi pembentukan akhlak serta tingkah laku yang mulia.

Farra Humairah Mohd (2018) kajian bertajuk *Pemikiran Dalam Cerpen Kanak-Kanak Pilihan Dari Tahun 2012 Hingga 2015*. Pengkaji melakukan kajian ini setelah mendapati analisis tertentu daripada sarjana tempatan. Di mana mereka mempercayai bahawa cerita pendek kanak-kanak ini dihasilkan melalui sudut pandangan penulis dewasa. Justeru, tidak memenuhi prinsip sastera kanak-kanak yang sesuai dengan tuntutan psikologi kanak-kanak. Pengkaji menjalankan kajian untuk menganalisis

model pemikiran bagi kepentingan kanak-kanak dan mengenal pasti konsep pemikiran para sarjana yang melalui cerpen kanak-kanak terpilih. Kajian membataskan kepada penelitian yang dilakukan ke atas pemikiran dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 hingga 2015. Kajian berlandaskan Teori Pengkaedahan Melayu sebagai penunjuk arah kepada pengarang karya cerpen kanak-kanak bagi menghasilkan cerpen kanak-kanak yang bermutu tinggi serta tidak jauh beza daripada pemikiran yang sedia ada.

Nurul Nasuha Mohd Rosle & Zubir Idris (2018) kajian bertajuk *Hikayat Nabi Adam: Satu Kajian Teks dan Analisis Berdasarkan Pengkaedahan Keagamaan*. Objektif kajian adalah untuk menganalisis dan mengenal pasti teks menerusi *Hikayat Nabi Adam* menggunakan pendekatan yang berdasarkan Pengkaedahan Keagamaan. Penelitian ini tertumpu kepada penyiasatan nilai Islam dan salasilah Nabi Adam as, dimuatkan dalam materi berdasarkan kepada Al-Quran dan Hadis menerusi pendekatan dakwah yang menonjolkan keunggulan dan kesempurnaan Islam serta nilai-nilai murni. Kajian menggunakan pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu yang memfokuskan kepada Pengkaedahan Keagamaan menerusi tiga pendekatan iaitu kemasyarakatan, seni dan dakwah. Mengikut dapatan kajian, naskhah *Hikayat Nabi Adam* boleh dimanfaatkan bagi garis panduan penting dalam kehidupan bermasyarakat.

Normaizatul Anis Ahmad & Halis Azhan Mohd Hanafiah (2019) kajian bertajuk *Pemikiran Islam Dalam Konteks Sosioekonomi Dalam Kumpulan Cerpen Cahaya Pelita Nurani*. Kajian ini dijalankan bagi menganalisis dan mengklasifikasikan pemikiran Islam dalam konteks sosioekonomi. Kajian membataskan kepada penelitian yang dilihat daripada pemikiran Islam dalam konteks sosioekonomi menerusi kumpulan cerpen *Cahaya Pelita Nurani* (2015) karya Nazri Hussein. Kajian berlandaskan kepada Teori Pengkaedahan Melayu bagi menguatkan hujah bagi kajian ini. Penemuan kajian

ini melihat bahawa tanggapan Islam di dalam konteks sosiometri terutamanya berdasarkan sepenuhnya kepada enam testimonial yang telah diputuskan mengenai persoalan kesaksamaan hak, kemiskinan, penindasan, pekerjaan dan pembangunan yang sepadan dipraktikkan.

Kajian bertajuk *Aspek Dakwah Dalam Novel Suriati berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu* oleh Nadia Ishak & Kamariah Kamarudin (2019). Kajian ini adalah tentang menggunakan fiksyen agama sebagai salah satu medium dakwah yang membolehkan penulis menyebarkan ajaran Islam dan meningkatkan ketakwaan kepada Allah. Penyelidikan ini memberi penerangan tentang aspek dakwah dalam novel *Suriati*, karya Azizi Haji Abdullah dalam memaparkan tema keagamaan yang menjadi pergolakan dan konflik keluarga sebagai latar belakang karya tersebut. Dalam novel *Suriati* ini memberi tumpuan kepada kuasa dan keberkesanan indoktrinasi yang membentuk kehidupan manusia ke arah kebaikan dan menentang kejahatan. Pendekatan dakwah menerusi Teori Pengkaedahan Melayu digunakan bagi kerangka dalam kajian. Penemuan menunjukkan dakwah mampu memberikan tarikan mengenai Islam dan berfungsi sebagai alat untuk pengembangan Islam.

Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob (2020) dalam kajian yang bertajuk *Akal Budi Dalam Naratif Lisan Penduduk Kota Bharu, Kelantan: Satu Penelitian Kemasyarakatan*. Kajian ini membahaskan mengenai akal budi yang terdapat di dalam naratif lisan penduduk di Kota Bharu, Kelantan. Ia didapati bahawa satu pendidikan bagi peringkat kanak-kanak mengenai adat resam, pantang larang masyarakat dan kebudayaan yang merupakan sebuah keterangan yang memperlihatkan tingkah laku individu. Kajian dijalankan bagi mengisi kelompangan kajian sedia ada. Objektif kajian untuk menganalisis dan mengenal pasti akal budi dari naratif lisan penduduk di Kota Bharu, Kelantan. Kajian turut membataskan kepada penelitian naratif lisan penduduk di Kota Bharu, Kelantan. Sehubungan itu, pendekatan

dari Teori Pengkaedahan Melayu digunakan bagi mengkaji akal budi sebagai unsur deduktif masyarakat. Hasil kajian yang diperoleh menunjukkan terdapat akal budi dalam naratif lisan yang mewujudkan unsur deduktif.

Osman Ayob, Roslan Chin & Tuan Rusmawati Raja Hassan (2020) kajian bertajuk *Analisis Dakwah Dalam Cerpen-Cerpen Terpilih Rejab F.I.* Pengkajian ini membincangkan cerpen-cerpen terpilih Rejab F.I mempunyai hubung kait dengan aspek kemanusiaan yang dilengkapi bersama variasi kehidupan yang kompleks serta padat. Objektif kajian untuk mengenal pasti dan menganalisis dakwah dalam cerpen-cerpen terpilih Rejab F.I. Kajian juga membataskan kepada cerpen-cerpen terpilih dari karya cerpen Rejab F.I. Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu digunakan sebagai landasan kajian ini bagi huraian terperinci dalam kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan semua cerpen-cerpen terpilih Rejab F.I mengandungi prinsip dakwah berpandu kuat pada suruhan serta agama Allah SWT yang dijadikan landasan dalam kehidupan masyarakat Melayu.

Kajian bertajuk *Syair Suka Duka dalam Pelayaran ke Mekah: Satu Analisis Pengkaedahan Keagamaan* oleh Nur Syazwani Bederohisam & Zubir Idris (2020). Kajian ini bertujuan untuk menganalisis dan mengkaji tentang *Syair Suka Duka Dalam Pelayaran Ke Mekah* menggunakan pengaplikasian Pengkaedahan Keagamaan. Kajian dilakukan membataskan kepada *Syair Suka Duka dalam Pelayaran ke Mekah* dan dikaji menggunakan penelitian daripada jurnal, tesis, artikel dan buku berkenaan tajuk kajian. Teori sebagai landasan kajian merupakan Teori Pengkaedahan Melayu bagi menyelidiki nilai Islam yang terkandung melalui naskhah syair. Dapatan kajian membuktikan nilai dakwah yang terkandung dalam kajian ini dapat mengemukakan keinginan penulis dalam menyampaikan fahaman dan dakwah mengenai Islam terhadap pembaca sekali gus memberi gambaran tentang keagungan dan kebesaran Allah.



Hadijah Johari, Nor Shahida Mohd Shaker & Farra Humairah Mohd (2020) kajian yang bertajuk *Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu Dalam Kumpulan Cerpen Melamar Rindu Oleh Osman Ayob Melalui Dakwah Islamiah*. Kajian ini dilakukan dapat menyelesaikan persoalan-persoalan kajian yang berkaitan dengan unsur dakwah dari kumpulan cerpen *Melamar Rindu*. Kajian dilaksanakan untuk menganalisis dan mengenal pasti unsur dakwah Islamiah dari kumpulan cerpen *Melamar Rindu* dengan mengaplikasikan Pengkaedahan Keagamaan menerusi Teori Pengkaedahan Melayu. Kajian membataskan kepada penelitian yang dijalankan ke atas cerpen-cerpen dari *Melamar Rindu* menggunakan pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu. Teori ini digunakan bagi mengkaji keinginan pengarangnya dalam mencorakkan pandangan mengenai kehidupan sekeliling masyarakat menerusi nilai murni, gaya hidup dan pegangan agama dalam masyarakat. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tiga buah cerpen dari kumpulan cerpen *Melamar Rindu* penuh dengan nilai keagamaan dan unsur dakwah yang memberi fokus kepada ketakwaan dan keimanan kepada Tuhan Maha Esa Allah SWT.



## 2.4 Penutup

Secara kesimpulannya, sorotan kajian lepas dapat memberikan gambaran awal kepada pengkaji bagi menjalankan kajian dengan teliti berserta sokongan daripada pemilihan teori yang tepat. Sorotan kajian juga berupaya dalam merangka kajian yang ingin dijalankan oleh pengkaji. Oleh yang demikian pemilihan Teori Pengkaedahan Melayu di bawah pendekatan moral, pendekatan dakwah dan pendekatan kemasyarakatan merupakan teori yang bersesuaian serta relevan bagi merungkai unsur budaya yang terkandung di dalam cerita rakyat masyarakat Melayu.



METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Menurut Ahmad Mazhab Ayob (1985) metodologi kajian adalah suatu objektif cara bagi mencapai pencapaian sesebuah kajian yang dijalankan. Ia merupakan kaedah pengumpulan data serta maklumat berkenaan dengan tinjauan kajian yang dijalankan. Sehubungan itu, kaedah kajian ini menghuraikan berkenaan rekabentuk dalam kajian, teori yang dijadikan kayu ukur dalam kajian serta kaedah penyelidikan dengan lebih terperinci dan jelas.

3.2 Rekabentuk Kajian

Kajian ini, pengkaji meneliti melalui kaedah kualitatif dari pengumpulan maklumat dalam penyelidikan melalui kaedah kajian yang dibahagikan kepada dua bentuk kajian iaitu kaedah kepustakaan dan teks.

### 3.3 Kaedah Kajian

Kajian mengenai unsur budaya dalam cerita binatang dan cerita tokoh melalui teks *Seuntaiian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* terhadap pembentukan sahsiah diri dalam kalangan kanak-kanak menggunakan penelitian kajian daripada kaedah kualitatif menerusi buku, teks, jurnal dan tesis. Sumber utama dijadikan bahan dalam kajian adalah melalui teks *Seuntaiian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang dikarang oleh Mohd Firdaus Bin Che Yaacob serta diterbitkan pada tahun 2021.

#### 3.3.1 Kaedah Kepustakaan

Pengkaji meneliti kajian ini menerusi maklumat yang diperoleh daripada teks, buku, jurnal dan tesis yang didapati di Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan, Kampus Bachok.

#### 3.3.2 Rujukan Teks

Rujukan teks diambil dari penelitian dan pembacaan menerusi internet yang dijadikan sebagai bahan sumber dalam kajian. Pengkaji meneliti konsep dan definisi berkenaan tajuk kajian dijalankan bagi menepati setiap pencapaian dalam kajian. Kajian ini pengkaji menjadikan teks dari buku *Seuntaiian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* sebagai bahan utama kajian dalam kajian ini. Cerita binatang dan cerita tokoh dari teks menjadi pengkajian dalam meneliti unsur budaya yang terdapat dari teks tersebut. Kajian ini juga turut menunjukkan impak unsur budaya kepada para pembaca dan penggemar cerita rakyat.

### 3.4 Teori Pengkaedahan Melayu

Teori Pengkaedahan Melayu adalah satu teori yang dicetuskan oleh Hashim Awang pada tahun 1989 dalam sebuah seminar yang diadakan di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi iaitu Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melayu. Menurut fahaman Hashim Awang teori merupakan sesuatu landasan kepada kajian bagi meneliti melalui pengkaedahan kualitatif yang mengandungi rumusan berkaitan prinsip-prinsip karya kesusasteraan Melayu. Ia bersandarkan kepada kitab *Taj-al-Muluk*. Hashim Awang (2002) mencetuskan teori ini kerana karya-karya Melayu secara asasnya dipengaruhi oleh persekitaran alam serta berlandaskan kepada agama Islam. Oleh yang demikian teori Pengkaedahan Melayu ini juga dibahagikan kepada dua pengkaedahan: Alamiah dan Keagamaan.


#### 3.4.1 Pengkaedahan Alamiah

Pengkaedahan Alamiah berlandaskan kepada corak kehidupan masyarakat Melayu, menggunakan alam sebagai tonggak mereka dalam memandu kepada arah yang memberi manfaat. Hal yang demikian kerana, alam adalah sumber utama yang memberikan masyarakat Melayu pengalaman, kebajikan, pengajaran dan pekerjaan. Oleh itu, sering dilihat daripada amalan masyarakat dahulu yang berpegang kepada kepercayaan animisme serta mistik kerana mereka percaya bahawa makhluk ghaib itu wujud berdasarkan pengalaman mereka yang mengalami sendiri kejadian-kejadian sebegitu. (Hashim Awang, 2002).

Ini menjelaskan bahawa kehidupan masyarakat Melayu sangat bersandarkan kepada alam kerana ia merupakan sumber utama yang menyebarkan manfaat serta pengajaran kepada manusia. Bertitik tolak dari hal ini, dengan landasan ajaran dari agama Islam yang menjadikan alam sebagai suatu yang memberikan pelajaran dalam menginsafi serta melihat bukti-bukti kewujudan Allah SWT. Dengan itu pengkaedahan alamiah bercirikan sebagai sumber pengajaran dalam kehidupan yang membuat

manusia berfikir dari kewujudan alam yang menunjukkan bahawa ciptaan Allah sangat berkualiti dan mempunyai keindahan.

Hasil daripada pendapat Hashim Awang (2002) mengenai pendekatan alamiah telah memberikan penjelasan tersebut kepada tiga pendekatan iaitu pendekatan gunaan, pendekatan moral dan pendekatan firasat.



Carta 3.4.1: Jenis Pengkaedahan Alamiah

#### a) Pendekatan Gunaan

Ia berlandas menerusi fahaman mengenai sastera iaitu sebagai suatu objek yang dihasilkan oleh manusia tetapi hasil dari ciptaan Tuhan. Karya sastera yang dihasilkan tersebut adalah ilham yang diambil daripada kewujudan alam yang diciptakan oleh Allah SWT. Yang mana penciptaan sastera ini bertujuan dalam memberikan fungsi serta manfaat kepada kalangan manusia yang diteliti berdasarkan unsur ekstrinsik dan intrinsik yang meliputi masyarakat, latar belakang penciptaan, pembaca, ideologi dan pengarang (Hashim Awang, 2002).

Melalui konteks ini membuktikan bahawa kemunculan sastera adalah daripada kewujudan alam yang diciptakan oleh Allah SWT yang bertujuan sebagai medium penyebaran manfaat kepada khalayak manusia supaya berfikir. Oleh yang demikian

dapatlah disimpulkan bahawa pendekatan gunaan bercirikan kepada sastera sebagai karya hasil manusia yang diilhamkan daripada Allah SWT bagi menyebarkan manfaat serta berfungsi kepada manusia supaya dapat digunakan seperti objek alam lainnya.

#### b) Pendekatan Moral

Ia merupakan pendekatan yang didasarkan kepada pendekatan gunaan yang menganggap sastera sesuatu yang berupa objek dan kejadian. Namun kejadian tersebut merupakan bentuk yang bukan memberikan kegunaan dan manfaat seperti pendekatan gunaan tetapi ia adalah daripada pengalaman hidup seseorang individu. Pengalaman hidup ini tidak kira sama ada positif mahupun negatif tetapi ia adalah sebuah pengalaman yang dilalui dan berlaku dalam kehidupan seseorang (Hashim Awang, 2002).

Dalam konteks ini dapat membuktikan bahawa pendekatan moral merupakan sesuatu kejadian yang berlaku daripada pengalaman seseorang individu yang bukan hanya pengalaman hidup yang berupa positif dan negatif. Tetapi juga sebagai sesuatu yang memberikan teladan dan contoh kepada masyarakat alhasil daripada kejadian yang telah berlaku tersebut. Walaupun pendekatan moral didasarkan kepada pendekatan gunaan namun ia dilihat berbeza kerana ia merupakan sebuah kejadian yang telah berlaku dalam hidup seseorang individu yang menjadi pengalamannya serta pengajaran kepada diri sendiri dan individu lain sebagai teladan.

Oleh hal yang demikian jelaslah menunjukkan pendekatan moral bercirikan kepada sastera sebagai sesebuah karya yang lahir daripada pengalaman hidup yang positif ataupun negatif yang telah dilalui oleh seseorang individu. Di mana pengalaman hidup tersebut merupakan sesuatu yang berguna kepada manusia dalam memberikan contoh dan teladan kepada masyarakat.

### c) Pendekatan Firasat

Serupa dengan pendekatan moral yang menanggapi sastera sebagai kejadian alam yang dihasilkan daripada pengalaman hidup seseorang. Namun kejadian ini merupakan hubungkait dengan mimpi yang memberi tafsiran dalam sesebuah kejadian. Ia adalah kejadian bawah sedar yang berlaku saat tidur malah bagi segelintir masyarakat Melayu mereka menganggap ini sebagai sesuatu yang misteri dan penting untuk ditafsirkan mimpi tersebut bagi mengetahui alamat serta maksud tersirat dari mimpi itu (Hashim Awang, 2002).


Sehubungan itu, sememangnya masyarakat Melayu yang beragama Islam juga menganggap mimpi mempunyai makna yang tersirat berhubungan dengan kejadian yang akan berlaku dalam kehidupan seseorang serta petanda yang baik atau buruk yang merupakan pemberian dari Allah SWT. Oleh itu jelaslah di sini membuktikan bahawa pendekatan ini bercirikan sastera sebagai sesuatu yang mempunyai makna tersirat dari karya yang dihasilkan tersebut serta perantaraan dalam menyampaikan mesej kepada masyarakat.



### 3.4.2 Pengkaedahan Keagamaan

Hashim Awang (2002) telah menyatakan bahawa Pengkaedahan Keagamaan ini adalah pendekatan berdasarkan keimanan yang menggunakan Al-Quran dan Hadis sebagai landasan bagi pedoman sepanjang hidup. Ia bertujuan bagi menyerlahkan sifat-sifat Allah yang Maha Agung serta meningkatkan keimanan kepada Allah SWT. Melalui teori ini berhubung dengan nilai keindahan dan pengajaran yang disandarkan dengan pendirian yang sahih serta jelas mengenai kewujudan Allah SWT tentang sifat-sifat keagungan, kesempurnaan, kekayaan dan kekuasaan Allah.

Berdasarkan ciri yang demikian Hashim Awang membahagikan ia kepada tiga pendekatan yang mempunyai hubungan kait di antaranya iaitu pendekatan dakwah, pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan seni.



Carta 3.4.2: Jenis Pengkaedahan Keagamaan

#### a) Pendekatan Dakwah

Sastera sebagai merupakan sebuah asas dalam menambah nilai keimanan seorang hamba kepada Penciptanya iaitu Allah SWT. Karya sastera juga diibaratkan sebagai satu medium yang memperkenalkan insan kepada Tuhan dengan lebih dekat sehingga benih cinta kepada Tuhan lebih mekar. Selain itu, karya sastera juga sebagai satu

medium yang berperanan dalam menyebarkan agama Islam dengan lebih meluas (Hashim Awang, 2002).

Dalam konteks ini sastera sebagai sebuah karya yang menjadi tonggak dalam mempertingkatkan nilai ketakwaan seorang insan kepada Allah SWT. Ia adalah melalui, dari memperkenalkan sifat-sifat keagungan-Nya supaya dapat memekarkan lagi benih cinta yang ada dalam diri insan kepada Tuhan. Hal yang demikian memperlihatkan dengan jelas bahawa sastera bukan sahaja berfungsi semata-mata sebagai karya yang memberikan moral dan didikan. Bahkan ia juga banyak menyumbang dalam penyebaran agama Islam. Hal ini berlaku kerana karya-karya sastera yang dihasilkan secara langsung dapat mendekatkan seorang hamba kepada Penciptanya kerana dalam karya tersebut mempunyai persoalan mengenai tema dan mesej dari permasalahan agama yang ditonjolkan dalam karya tersebut.

#### b) Pendekatan Kemasyarakatan

Ia menegaskan tentang perbuatan baik dalam penghasilan sastera. Di mana setiap karya yang dihasilkan sering mendedahkan mengenai perbincangan dalam mencari keadilan masyarakat dan kebaikan yang menjadi tuntutan setiap umat dalam Islam. Dengan itu pernyataan ini mencirikan sastera sebagai medium yang kebiasaannya merungkai segala masalah dalam masyarakat dengan lebih jelas. Bukan itu sahaja malah ia juga medan dalam mendedahkan kebenaran dengan jelas mengenai permasalahan berkaitan penipuan, kepuraan, penindasan, ketidakadilan, kemunggaran, rasuah dan segala permasalahan yang menyebabkan keruntuhan akhlak serta keimanan umat Islam (Hashim Awang, 2002).

Oleh yang demikian di sini dengan jelas menunjukkan bahawa pendekatan ini bercirikan sastera sebagai sesuatu wadah dalam menyebarkan mengenai kebaikan serta merungkai segala permasalahan dengan lebih jelas dan benar yang menjadi


punca kerosakan akhlak serta keimanan masyarakat. Selain itu, karya sastera tersebut juga keseluruhannya membahaskan mengenai keutamaan terhadap masyarakat.

### c) Pendekatan Seni

Pendekatan ini diaplikasikan dalam menilai aspek keindahan yang terdapat di dalam karya sastera. Aspek keindahan ini hanya terbatas pada akidah agama Islam. Aspek ini dilihat dari dalaman karya sastera seperti pemilihan watak, plot, tema, gaya bahasa dan sudut pandangnya. Di samping itu, Hashim Awang juga menambah bahawa keindahan mesti bersandarkan kepada tauhid yang meneliti setiap keindahan kemudian memuji keagungan Allah yang menambahkan lagi keimanan dan ketakwaan kepadanya (Hashim Awang, 1997).

Merujuk konteks ini sastera adalah sebuah karya yang mempunyai seni daripada nilai-nilai keindahan yang ditunjukkan daripada sudut pemilihan watak, plot, tema gaya bahasa dan lainnya. Di mana nilai keindahan ini merupakan nilai estetika yang berteraskan tauhid iaitu yang berteraskan ketakwaan, keimanan dan kecintaan pada Maha Pencipta. Oleh yang demikian setiap keindahan yang berada di dalam sastera semuanya yang berteraskan dengan fahaman agama Islam yang memberikan nilai estetika menjurus kepada, segi pandangan falsafah dan pesanan yang ingin disampaikan kepada sesebuah ciptaan seni yang dihasilkan.

### 3.5 Kerangka Konseptual



Carta 3.5: Kerangka Konseptual

### 3.6 Penutup

Kaedah kajian sangat penting dikemukakan dengan jelas supaya pengkajian yang dilakukan lebih sistematik dan mencapai tujuan kajian dijalankan. Kaedah kajian ini juga memberi pengaruh kepada dapatan kajian. Oleh itu, kaedah kajian yang jelas dan tepat akan mendapat hasil kajian yang sesuai dengan objektif kajian dijalankan. Kaedah kajian ini bertepatan dengan metodologi kajian dari sudut aspek-aspek pengkajian. Data kajian akan diperolehi selepas kaedah kajian dijalankan. Bagi kajian ini, telah menemui data kajian yang diperolehi daripada metodologi kajian. Data kajian ini juga dapat menentukan unsur budaya yang terdapat menerusi cerita tokoh dan cerita binatang dalam teks *Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Langkah selepas data ini dikumpulkan analisis dan dapatan kajian akan dijalankan ke atas penelitian teks.

## BAB 4

### ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

#### 4.1 Pendahuluan

Kajian ini akan membahaskan tentang unsur-unsur budaya menerusi cerita tokoh dan cerita binatang dari penelitian teks *Seuntaiian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Terdapat empat cerita binatang dan 16 cerita tokoh yang terdapat dalam buku *Seuntaiian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Penelitian ini akan diaplikasikan dengan menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu yang diasaskan oleh Hashim Awang pada tahun 1989.

#### 4.2 Perbincangan Analisis Unsur Budaya

Melalui perbincangan analisis unsur budaya, kajian ini menganalisis dan mengenal pasti unsur budaya seperti budaya baik hati, budaya berdikari, budaya kasih sayang, budaya keberanian, budaya kerajinan, budaya kebersihan, budaya rasional, budaya semangat bermasyarakat, budaya perdagangan dan akhir sekali budaya pegangan agama dan kepercayaan.

##### 4.2.1 Budaya Baik Hati

Baik hati didefinisikan sebagai rasa kasih serta belas kasihan yang terdapat dalam rohani seseorang dalam menghulurkan kebajikan serta dukungan moral untuk setiap individu ataupun orang lain dengan cara ikhlas dan jujur (Tajul Arifin Nordin & Nor'aini Dan, 1992). Bahkan menurut Aboebakar Atjeh (1988) perbuatan ini adalah amalan terpuji meliputi kebaikan kepada seluruh makhluk yang sangat dituntut dalam agama Islam supaya dapat memberikan manfaat dan teladan dalam kelompok masyarakat. Manakala menerusi pendapat Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) nilai baik hati adalah

sifat yang membawa bersama sikap prihatin terhadap kebajikan orang lain dalam membantu seseorang yang mengalami kesusahan serta kesulitan.

Oleh yang demikian, dapat difahami bahawa baik hati adalah responsif yang diberikan individu melalui perasaan ataupun kebajikan dengan menghulurkan pertolongan dan dukungan moral secara tulus hati tanpa mengharapkan sebarang balasan dari manusia. Oleh itu, ia dilihat daripada cerita tokoh melalui kutipan teks yang bertajuk *Haji Long Abdul Rahman*, berdasarkan petikan 1 di bawah:

Petikan 1

“Beliau telah menubuhkan sebuah madrasah untuk tujuan pembelajaran agama oleh penduduk setempat. Hafalan Al-Quran sering dialunkan secara merdu oleh anak-anak muridnya. Alunan zikir tidak lepas daripada bibirnya. Beliau juga sangat dikenali sebagai ‘raja telunjuk’ kerana kepakarannya dalam perubatan Islam dalam kalangan masyarakat. Keunikan terserlah apabila beliau hanya menggunakan sebuah pasu yang diperbuat daripada tanah liat. Beliau hanya menggunakan jari telunjuk bagi menyembuhkan sebarang penyakit yang dialami oleh masyarakat setempat. Pelbagai penyakit pelik yang dihadapi oleh penduduk akan sembuh apabila dirawat oleh beliau. Ianya menjadi suatu keajaiban bagi masyarakat setempat.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:59)

Cerita *Haji Long Abdul Rahman* menerusi teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* mengisahkan mengenai seorang tokoh guru agama yang dikenali sebagai Haji Long Abdul Rahman. Tokoh tersebut digambarkan sebagai seorang yang mempunyai hati yang baik, dari sikap yang ditonjolkan oleh beliau. Beliau dengan sedaya upaya cuba untuk membantu penduduk kampung menubuhkan sebuah madrasah yang bertujuan dalam menyebarkan ilmu agama kepada masyarakat setempat. Jelaslah, menunjukkan bahawa Haji Long Abdul Rahman mempunyai sikap prihatin terhadap masyarakat setempat di Pulau Gajah.

Misalnya, dapat dilihat dengan keprihatinannya dalam menyampaikan ilmu tentang akhirat kepada penduduk setempat kerana beliau tahu ilmu akhirat adalah ilmu yang menjadi kewajipan setiap masyarakat yang beragama Islam. Justeru, beliau juga



memahami bahawa kurangnya tenaga pengajar yang pandai dalam ilmu agama bahkan ramai di kalangan penduduk di kampung itu masih tidak terdedah dengan ilmu agama. Seperkara lagi agama Islam juga menuntut setiap umatnya untuk saling menyebarkan ilmu walaupun sedikit. Ini kerana setiap ilmu yang diberikan kepada orang lain adalah kebajikan bagi diri sendiri dan mendapat balasan baik di akhirat kelak. Hal yang demikian juga satu langkah dalam menyebarkan dakwah dan kebaikan kepada setiap masyarakat supaya ilmu yang disebarkan tersebut berkembang dengan lebih meluas hingga ke seantero dunia.

Di samping itu, terdapat juga baik hati dari sikap simpati yang ditonjolkan oleh Haji Long Abdul Rahman yang juga berkebolehan dalam merawat penyakit hanya dengan menggunakan jari telunjuk sehingga digelar 'raja telunjuk'. Seperti yang digambarkan di dalam petikan teks beliau sanggup membantu mereka yang diserang pelbagai penyakit walaupun ditugaskan juga menjadi guru agama. Ini memperlihatkan sikap simpati yang berada di dalam dirinya yang sanggup bersusah payah membantu masyarakat setempat kerana tidak sanggup melihat mereka ditimpa keperitan sepanjang menanggung penyakit. Oleh yang demikian, sikap simpati itu sinonim dengan belas kasihan iaitu perasaan hiba ataupun sebak yang muncul setiap kali melihat sesiapa yang ditimpa dengan ujian kesusahan serta secara sukarela akan menghulurkan bantuan kepada mereka. Dengan adanya sikap sebegini pasti melahirkan ramai insan yang mempunyai sikap untuk saling bantu membantu sesama masyarakat kerana tidak mampu untuk melihat orang lain ditimpa keperitan dalam menanggung kesusahan.

Selanjutnya, baik hati ini turut ditonjolkan dalam cerita tokoh yang bertajuk *Che Deraman*, seperti kutipan teks yang dilampirkan pada petikan 2 di bawah:

Petikan 2

"Ramai penduduk kampung yang mempunyai masalah datang mengadu kepada beliau dan beliau tidak mengabaikannya sebaliknya cuba sedaya upaya

untuk membantu menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka. Pada suatu ketika, terdapat satu pergaduhan yang berlaku antara penduduk kampung itu sendiri. Che Deraman ketika itu sedang berehat di pondok depan rumahnya dan terdengar suara lelaki sedang menengking. Lekas beliau bangun dan segera ke tempat kejadian untuk meleraikan pergaduhan tersebut akhirnya ia dapat dileraikan dengan baik dan profesional. Beliau menasihati mereka agar tidak bermusuhan sesama sendiri.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:60)

Cerita *Che Deraman* mengisahkan tentang seorang tokoh yang menjadi idola masyarakat setempat yang lebih dikenali sebagai Che Deraman. Ini kerana beliau merupakan tokoh yang prihatin kerana cakna mengenai isu-isu dalam masyarakat. Walaupun beliau seorang yang berpangkat dan pernah menjadi orang kuat raja kerana merupakan seorang laksamana dahulunya. Ini tidak menjadikan Che Deraman menjadi orang yang sombong serta tidak serumpun dengan masyarakat. Walhal lebih menjadikan beliau untuk mengambil berat tentang komuniti dan masyarakat setempat. Oleh itu, perpaduan perlu dipupuk sesama masyarakat walaupun berbeza darjat agar jalinan yang dibina ini dapat membentuk sebuah kelompok masyarakat yang saling bersatu padu supaya hidup dengan aman damai.

Contohnya, dapat dilihat dari situasi Che Deraman cuba untuk meleraikan persengketaan yang berlaku dalam masyarakat kerana ia boleh merosakkan hubungan persaudaraan dalam masyarakat serta memberikan imej negatif dalam masyarakat. Ini adalah tindakan Che Deraman yang secara tidak langsung memberikan contoh yang terbaik kepada kalangan masyarakat kerana menentang permusuhan antara masyarakat. Ini juga bukti bahawa sebagai masyarakat yang prihatin perlu mengambil berat isu sebegini serta tidak boleh memandang enteng hal tersebut agar dapat melahirkan masyarakat yang hidup aman sentosa walaupun berbeza pangkat dan darjat.

Seterusnya, terdapat juga baik hati yang terdapat dari cerita *Che Deraman* seperti yang dilampirkan pada petikan 3 di bawah:

Petikan 3

“Terdapat suatu ketika telah datang seorang hamba miskin berpakaian lusuh ke rumah Che Deraman dan memberi salam. Che Deraman menyapa salam dengan baik dan bertanyakan hajat kedatangan hamba tersebut ke rumahnya. Hamba tersebut menyatakan hasratnya datang ke rumah pawang Che Deraman untuk meminta pertolongan daripada pawang supaya merawat luka yang dialaminya. Pawang Deraman tanpa melengahkan masa terus merawat penyakit hamba tersebut. Setelah selesai merawat, hamba tersebut memberitahu bahawa dia tidak mempunyai wang untuk diberikan sebagai upah. Che Deraman dengan baik hati tidak meminta upah daripada hamba tersebut. Hamba tersebut terus menangis dan tidak henti-henti berterima kasih kepada beliau.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:61)

Melalui cerita *Che Deraman* berdasarkan petikan 3 menceritakan bahawa Che Deraman seorang yang bermurah hati dalam membantu seorang hamba yang miskin tanpa meminta upah. Dengan ini menggambarkan bahawa beliau tidak boleh melihat orang berada dalam kesusahan kerana beliau mudah merasa simpati terhadap nasib seseorang. Sebagai contohnya, Che Deraman ikhlas dalam membantu orang miskin walaupun tanpa sebarang upah yang dibayar. Ini menggambarkan beliau orang yang suka membantu orang lain dalam menghadapi kesusahan dalam kehidupan.

Oleh yang demikian, baik hati dapat dilihat dari tokoh Che Deraman yang mempunyai kriteria yang murah hati menghulurkan bantuan kepada memerlukan. Ini bertepatan dengan pendapat daripada Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) yang mendefinisikan sikap bermurah hati adalah tingkah laku seseorang yang tidak mengharapkan sebarang balasan di atas bantuan yang dihulurkannya serta membantu sesiapa yang dalam kesusahan dengan sukarela tanpa dipaksa. Di samping itu, seseorang itu juga mempunyai sikap suka bersedekah kerana tidak mempunyai sikap yang kedekut atau bakhil.

Sementara itu, baik hati ditampilkan juga di dalam cerita tokoh *Bidan Tok Haji Esah* yang dilihat dalam kutipan teks pada petikan 4 di bawah:

Petikan 4

“Beliau juga dikatakan telah memberi pinjam mangkuk untuk kegunaan masyarakat ketika kenduri. Ianya dikatakan memudahkan urusan orang kampung untuk tidak meminjam pinggan mangkuk dengan Puteri Saadong lagi. Pinggan mangkuk yang dipinjamkan juga berada dalam keadaan baik sewaktu dipinjamkan. Oleh kerana itu, masyarakat menyukai Tok Haji Esah pada ketika itu.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:66)

Cerita *Bidan Tok Haji Esah* mengisahkan mengenai watak perempuan tua yang dikenali sebagai Bidan Tok Haji Esah. Beliau merupakan seorang bidan kampung yang mempunyai sikap yang bermurah hati. Bahkan beliau juga sangat mesra dengan penduduk masyarakat. Tamsilnya, dilihat daripada tindakan beliau yang meminjamkan harta benda yang beliau sayang bagi kegunaan masyarakat setempat. Di sini, memperlihatkan beliau tidak kedekut untuk berkongsi hak yang ada supaya dapat memberi manfaat kepada orang sekeliling. Tambahan pula, sudah memudahkan urusan masyarakat setempat kerana mereka tidak perlu meminta bantuan daripada Puteri Saadong. Tindakan yang beliau lakukan adalah perlakuan yang memberi contoh terbaik dalam masyarakat sebagai golongan orang tua yang memberi tunjuk ajar dari perlakuan yang dilakukan.

Selanjutnya, ditunjukkan juga baik hati ini di dalam cerita tokoh yang bertajuk *Nurani Che Him Dalam Masyarakat* seperti yang terdapat dalam petikan 5 di bawah:

Petikan 5

“Che Him telah didatangi oleh seseorang perempuan tua. Pakaiannya kelihatan agak lusuh sekali dan mukanya comot. Keadaan fizikal ini telah menambahkan geli kepada sesetengah masyarakat yang melihatnya. Perempuan itu cuba untuk mendekati orang lalu lalang namun tiada siapa yang ingin mendekatinya. Keadaan perempuan itu telah meraih rasa simpati Che Him. Segera Che Him menghulurkan sedikit makanan daripada kedainya kepada perempuan itu. Makanan itu disambut oleh perempuan itu sambil mengucapkan terima kasih dengan air mata yang membasahi pipinya.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:72)

Cerita *Nurani Che Him dalam Masyarakat* ini menceritakan tentang seorang saudagar Cina yang mempunyai hati nurani setiap kali melihat orang yang susah. Di sini, memperlihatkan bahawa beliau mudah merasa simpati apabila melihat orang yang kurang bernasib baik dari dirinya. Bahkan, beliau turut sama menghulurkan bantuan kepada orang tersebut. Misalnya, Che Him berasa simpati melihat keadaan perempuan tua tersebut sehingga bermurah hati menghulurkan sedekah dengan memberi makanan kepadanya. Ini menggambarkan perlakuannya yang merasa kasihan serta sedih melihat keadaan wanita tua tersebut walaupun, orang lain menghiraukannya tapi tidak membuat Che Him untuk menutup mata dari melihat kesusahan tersebut. Sehubungan itu, tindakan Che Him telah menunjukkan teladan yang baik kepada masyarakat Melayu yang beragama Islam. Ini kerana walaupun Che Him berbangsa Cina tetapi beliau tetap mengamalkan nilai murni yang disanjung tinggi dalam masyarakat.

Secara tuntas, melalui baik hati yang dipaparkan pada setiap petikan cerita rakyat di atas menonjolkan budaya murni dalam masyarakat yang diamalkan oleh setiap tokoh tersebut. Hal ini secara tidak langsung, memberikan ajaran kepada setiap golongan masyarakat supaya menerapkan budaya baik hati ini bahkan juga memaparkan teladan yang baik kepada setiap pembaca. Tambahan pula, budaya baik hati ini perlu diterapkan oleh setiap individu masyarakat dewasa supaya menjadi contoh bagi golongan kanak-kanak. Ia kerana mereka adalah individu yang perlu dibentuk sahsiah diri sejak dari kecil supaya budaya ini sehati dalam diri mereka. Seperti peribahasa Melayu yang berbunyi “melentur buluh biarlah daripada rebungunya” iaitu bermaksud mendidik kanak-kanak biarlah daripada peringkat awal lagi kerana lebih mudah sewaktu mereka kecil supaya menjadi insan yang berbudi tinggi. Umpama rebung yang bersifat lembut serta mudah dilentur malah apabila menjadi buluh sudah keras serta tidak boleh dilentur. Begitu juga, kanak-kanak pada peringkat tersebut

merupakan tempoh yang paling sesuai serta subur bagi proses pembentukan sahsiah serta pemikiran mereka (Nor Zaihasra Che Harun, 2016).

Sementara itu, walaupun para pembaca dan penggemar cerita rakyat terdiri daripada pelbagai golongan. Ini dengan jelas sudah memperlihatkan budaya positif secara halus dapat membentuk jati diri setiap individu. Sejajar dengan tujuan cerita rakyat ditampilkan pada permulaannya sebagai hiburan untuk masyarakat dahulu kala juga mempunyai moral pengajaran yang ingin disampaikan kepada khalayak masyarakat supaya tidak menjadi hiburan kosong yang sia-sia.

Rentetan itu, menerusi budaya baik hati tersebut bertunjangkan kepada Teori Pengkaedahan Melayu (Hashim Awang, 2002) bersesuaian dengan pendekatan kemasyarakatan. Ini kerana, pendekatan tersebut berfungsi sebagai medium yang merungkai segala permasalahan dengan jelas berkenaan dengan punca kerosakan akhlak serta keimanan masyarakat. Seperti yang dilihat daripada kajian yang dilakukan ini memaparkan mengenai cerita-cerita rakyat yang dikarang oleh penulis menggambarkan bagaimana masyarakat saling memerlukan dan memberikan manfaat sesama individu. Sehubungan itu, ini juga antara amalan yang dapat membersihkan jiwa setiap insan dengan menghayati kesusahan yang dilalui oleh insan lain dengan bersyukur dikurniakan kehidupan yang serba cukup, malah menunjukkan lagi rasa syukur dengan memberikan kebajikan serta menghulurkan bantuan untuk orang lain yang memerlukan. Setiap cerita-cerita rakyat tersebut juga memaparkan masyarakat setempat yang mengamalkan budaya baik hati yang dilihat dari beberapa etika antaranya simpati, mengambil berat, prihatin dan murah hati yang menjadi satu keperluan agar dapat menyalurkan manfaat dalam kalangan masyarakat (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021).



#### 4.2.2 Budaya Berdikari

Menurut *Kamus Dewan* (2016) berdikari didefinisikan sebagai sikap seseorang yang tidak bergantung dan berharap kepada pertolongan dari orang lain. Pendapat ini turut disokong Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) yang mana berdikari adalah kelakuan seseorang yang mampu berusaha sendiri kesan daripada kebolehan yang dimilikinya. Malah, kemampuan tersebut juga memberikan keyakinan diri dan kesanggupan seseorang menggalas tanggungjawab yang diamanahkan dalam menyelesaikan tugas dengan terbaik.

Oleh yang demikian dapat disimpulkan bahawa berdikari sebagai sikap manusia yang berkebolehan kerana tidak bergantung harap kepada orang lain serta mampu berusaha sendiri dengan penuh keyakinan diri. Ini juga sikap seorang yang berfikiran terbuka kerana perlu menggalas tanggungjawab yang diamanahkan dengan terbaik. Sehubungan itu, kajian mengenai budaya berdikari juga membincangkan melalui sikap bertanggungjawab yang ditunjukkan melalui cerita tokoh dari teks. Budaya berdikari tersebut dapat dilihat daripada cerita *Bidan Tok Haji Esah* pada petikan 6 di bawah:

Petikan 6

“Secara kebetulan juga, Tok Haji Esah telah melalui kawasan itu dan mendapati Melati sedang menangis teresak-esak lalu menghulurkan bantuan kepadanya. Setelah anak selamat dilahirkan, Melati mengucapkan terima kasih di atas pertolongan yang diberikan. Tok Haji Esah telah memimpin Melati pulang ke rumahnya untuk berehat.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:65)

Cerita *Bidan Tok Haji Esah* pada petikan 6 di atas menggambarkan watak Tok Haji Esah yang mempunyai sikap yang bertanggungjawab dalam melaksanakan tugasnya dengan baik sebagai seorang bidan di kampung Babong. Beliau juga sering beramah mesra dan menjalin hubungan yang baik dengan penduduk kampung yang membuatkan mereka suka dengan sikap Tok Haji Esah itu. Antaranya, dapat dilihat daripada sikap bertanggungjawab yang ditampilkan oleh Tok Haji Esah dalam membantu Melati melahirkan anaknya dengan selamat dan setelah selesai melahirkan



Tok Haji Esah menghantar Melati untuk pulang ke rumah supaya boleh berehat. Disini, jelas membuktikan bahawa Tok Haji Esah seorang bidan tua yang berpengalaman serta memiliki sikap tanggungjawab melaksanakan tugasnya dengan sempurna dalam membantu Melati melahirkan anak.

Selain itu, sikap suka berdikari ini turut dipaparkan pada cerita tokoh yang bertajuk *Mok Su Nab Bomoh Ular* daripada petikan 7 dan petikan 8 di bawah:

Petikan 7

“Mok Su Nab ini lebih dikenali sebagai tok bomoh ular oleh masyarakat setempat. Kebolehannya ini diwarisi oleh ayahnya yang dikatakan diperoleh melalui mimpi. Dalam keluarganya hanya dia sahaja yang mampu untuk mewarisi kebolehan itu. Dikatakan oleh masyarakat setempat Mok Su Nab menggunakan batu geliga ular untuk merawat sesiapa yang dipatuk ular.”

dan;

Petikan 8

“Batu geliga ular itu bergerak sendiri mengelilingi kawasan lebam dipatuk ular. Mok Su Nab menyuruh Senah meninggalkan anak di rumahnya sehingga bisa ular itu hilang dengan sendirinya. Selepas tiga hari anak lelaki Senah berada di rumah Mok Su Nab, akhirnya dia kian pulih daripada patukan ular tempoh hari.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:70-71)

Cerita *Mok Su Nab Ular* memperlihatkan watak seorang tok bomoh ular yang dikenali sebagai Mok Su Nab. Beliau merupakan orang yang sangat dikenali oleh masyarakat setempat dan luar. Hal ini demikian kerana beliau memiliki sikap bertanggungjawab dengan menggunakan kebolehan yang ada untuk membantu penduduk setempat tanpa mengharapkan bantuan orang luar. Misalnya, dilihat dari sikap Mok Su Nab yang ikhtiar menggunakan batu geliga ular yang diwarisi daripada ayahnya bagi merawat anak lelaki Senah yang dipatuk ular. Seterusnya, beliau melaksanakan tugasnya secara sempurna dengan membiarkan anak lelaki Senah tinggal di rumahnya sehingga pulih dari patukan ular.

Ini membuktikan sikap Mok Su Nab yang melakukan tugas dengan baik dan tidak menganggap perbuatan tersebut sebagai sesuatu yang boleh dilakukan sewenang-

wenangnya. Malah beliau turut menunjukkan sikap tanggungjawab dalam kesungguhan untuk membantu merawat pesakitnya dengan baik sehingga benar-benar pulih. Oleh yang demikian menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) sikap bertanggungjawab memerlukan kesungguhan individu dalam menyelesaikannya dengan sempurna dan bersistematik agar dapat memastikan perbuatan yang dilakukan itu memberikan faedah dan manfaat kepada masyarakat.

Secara keseluruhannya, bersikap suka berdikari yang dipaparkan dari setiap petikan teks cerita rakyat menunjukkan contoh budaya yang baik dan didikan ke arah amalan baik dalam meningkatkan tingkah laku dan keperibadian sosial. Selain itu, amalan ini turut memberi kesan positif kepada masyarakat daripada keperibadian masyarakat Melayu terdahulu yang tercermin dalam sikap mereka yang boleh memikul tanggungjawab dengan baik. Selain itu, sikap ini memberi manfaat kepada masyarakat sekeliling daripada sikap bertanggungjawab. Secara tidak langsung pendidikan dan ajaran yang tercetus daripadanya mampu mempengaruhi minda masyarakat bagi memupuk sikap positif yang membentuk peribadi mereka. Justeru, sikap bertanggungjawab ini boleh diterapkan kepada mereka untuk menjadi individu yang sanggup memikul tanggungjawab dan melaksanakan setiap tugas dengan baik supaya melahirkan generasi masyarakat yang berkualiti tinggi pada masa hadapan.

Rentetan itu, berdasarkan budaya berdikari yang ditampilkan pada cerita rakyat di dalam petikan teks *Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* ini bertunjangkan kepada pendekatan moral yang terkandung pada Teori Pengkaedahan Melayu. Hal ini bertepatan dengan pendekatan moral yang berfungsi sebagai kaedah yang menunjukkan pengalaman yang diperoleh daripada hidup seseorang individu tidak kira sama ada positif mahupun negatif tetapi ia adalah sebuah pengalaman yang dilalui dan berlaku dalam kehidupan seseorang (Hashim Awang, 2002). Misalnya, boleh dipaparkan dari kajian cerita rakyat seperti yang ditampilkan

daripada penghasilan oleh pengarang tersebut menggambarkan mengenai nilai berdikari yang dimiliki oleh masyarakat Melayu terdahulu dalam bertanggungjawab menjalankan setiap tugas mereka ataupun kewajipan mereka dalam membantu masyarakat sekeliling serta memastikan semuanya dilaksanakan dengan baik. Oleh itu, seperti yang terkandung dalam sikap bertanggungjawab mengajarkan kepada masyarakat untuk saling memikul tanggungjawab. Jelaslah membuktikan bahawa amalan tersebut juga dapat menghasilkan kesan yang positif bagi kalangan masyarakat serta membentuk individu yang mempunyai sahsiah diri yang baik.

#### 4.2.3 Budaya Kasih Sayang

Kasih sayang diertikan sebagai cinta kasih ataupun sebuah perasaan yang wujud dari belas kasihan (*Kamus Dewan*, 2016). Menurut Norita Arifin (2006) kasih sayang adalah nilai yang dimiliki oleh manusia dalam mempunyai sifat belas kasihan yang datang dari hati nurani yang tulus suci terhadap orang lain serta sanggup berusaha meringankan keperitan yang dilaluinya. Manakala menurut Muhammad Al-Ghazali (1987) nilai kasih sayang dapat ditampilkan dengan perasaan yang lahir dari sifat yang berbudi untuk memberikan rasa belas kasihan yang melembutkan hati.

Dengan ini dapat disimpulkan bahawa kasih sayang adalah perasaan yang datang daripada sifat belas kasihan serta merasa sedih melihat kesusahan yang ditanggung orang lain dengan berusaha meringankan bebanan tersebut. Sehubungan itu, kajian yang dijalankan ini membincangkan mengenai kasih sayang yang dilihat melalui sikap menyayangi nyawa dan sikap cintakan negara yang ditampilkan dalam cerita rakyat dari petikan teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Kasih sayang ini digambarkan pada cerita tokoh *Kezaliman Seorang Raja* seperti petikan 9 teks di bawah:

Petikan 9

“Pada ketika itu juga, pemerintahan di Kota Mahligai menjadi semakin kejam setelah ketiadaan Puteri Saadong. Kekejaman itu telah menyebabkan rakyat tidak mampu bertahan sehingga mengambil keputusan melarikan diri dari kota tersebut dan bersembunyi di serata tempat.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:76)

Cerita *Kezaliman Seorang Raja* mengisahkan tentang seorang puteri iaitu Puteri Saadong bersama dengan rakyat jelata yang saling berkasih sayang. Kisah ini memaparkan sikap sayangkan nyawa yang dimiliki oleh watak rakyat jelata di dalam sebuah negeri. Misalnya, dilihat daripada sikap rakyat jelata yang menyayangi nyawa mereka dari terkejut oleh ancaman dan kekejaman yang dilakukan oleh Sultan Abdul Rahim, dengan mengambil kata putus untuk melarikan diri daripada kota tersebut. Di

sini, membuktikan bahawa sebagai manusia yang mempunyai perasaan belas kasihan pasti akan memikirkan pelbagai cara untuk menyelamatkan diri serta maruah sendiri dari pelbagai ancaman yang boleh menggugat nyawa sendiri. Oleh itu, budaya sayangkan nyawa ini menggambarkan sikap belas kasihan yang ditunjukkan dalam diri setiap rakyat jelata. Selain itu, kasih sayang ini turut terdapat pada cerita yang bertajuk *Pengunduran Raja Patani* daripada petikan 10 di bawah:

Petikan 10

“Namun begitu, terdapat sebilangan rakyat yang tidak berpaling tadah lalu menyuruh baginda sultan untuk berundur. Mereka masih menanam sifat daulat ke atas sultan. Hal ini kerana pertempuran yang dilakukan ke atas Patani pada ketika itu tidak memihak kepada negeri Patani.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:81)

Cerita *Pengunduran Raja Patani* menggambarkan kisah masyarakat rakyat jelata yang memiliki sikap kasih sayang yang cintakan negara. Hal ini demikian kerana segelintir daripada rakyat jelata yang sanggup menggadaikan nyawa mereka demi mempertahankan negeri Patani yang mereka cintai. Misalnya, dilihat daripada masyarakat setempat yang tidak melarikan diri daripada negeri mereka sedangkan sewaktu itu negeri Patani sudah berada dalam keadaan terganggu bahkan, rakyat jelata siap sedia membantu Raja Patani untuk mengundurkan diri dari negeri Patani. Jelaslah, di sini memperlihatkan sikap cintakan negara yang tinggi pada diri mereka sehingga sanggup menggadaikan nyawa dan bersedia melindungi negeri mereka. Oleh yang demikian, di sini membuktikan kesetiaan rakyat jelata terhadap pentadbiran Patani biarpun kuasa pentadbirannya telah bertukar tangan.

Secara menyeluruh, daripada kasih sayang yang ditunjukkan dalam cerita rakyat dari petikan teks memberikan teladan serta budaya yang menggambarkan masyarakat yang mempunyai perikemanusiaan. Seterusnya, budaya juga dapat memberikan ajaran yang terbaik kepada masyarakat tentang impak mewujudkan budaya kasih sayang dalam menjaga keharmonian serta kedamaian dalam kehidupan bersama. Ini

kerana, daripada budaya kasih sayang memberikan emosi dalam meningkatkan belas kasihan yang menjadikan manusia bersikap saling sayang menyayangi.

Secara tidak langsung didikan dan ajaran yang terserlah daripada cerita rakyat dapat membuktikan kepada pembaca betapa pentingnya memupuk sikap cintakan hidup dan cintakan tanah air agar cinta yang dipupuk tidak dicemari oleh perkara negatif. Sebagai contoh, daripada sikap sayangkan nyawa menyedarkan masyarakat untuk menyayangi diri sendiri dan melindungi diri daripada menjadi mangsa kepada perkara yang boleh mengancam maruah dan mencederakan diri sendiri. Justeru, daripada sikap cintakan negara dapat memupuk semangat patriotik dalam diri setiap pembaca untuk menghargai jasa dan pengorbanan yang dilakukan oleh perajurit terulung dalam mempertahankan negara Malaysia dari menjadi jajahan oleh kuasa luar. Oleh itu, budaya sebegini dapat diterapkan kepada mereka supaya mereka menjadi individu yang menjadikan ia sebagai amalan mulia dalam meningkatkan pemikiran serta pembentukan sahsiah diri yang berbudi dan berkualiti.

Rentetan itu, berdasarkan budaya kasih sayang yang ditampilkan pada cerita rakyat di dalam petikan teks *Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* ini bertunjangkan kepada pendekatan moral yang terkandung pada Teori Pengkaedahan Melayu. Lantaran itu, pendekatan moral berfungsi sebagai kaedah yang menunjukkan pengalaman yang diperoleh daripada hidup seseorang individu tidak kira sama ada positif mahupun negatif tetapi ia adalah sebuah pengalaman yang dilalui dan berlaku dalam kehidupan seseorang (Hashim Awang, 2002). Misalnya, kajian ini dapat dilihat dari cerita rakyat seperti yang ditampilkan oleh pengarang tersebut menggambarkan mengenai nilai kasih sayang yang dimiliki oleh masyarakat Melayu terdahulu dalam mempunyai belas kasihan dengan menghargai setiap perkara dalam kehidupan mereka.

Dengan cara kasih sayang terhadap cintakan negara dengan mempertahankan negara dari tergadai di tangan pihak lawan. Seterusnya, kasih sayang pada sayangkan nyawa dengan menghargai diri dari menjadi mangsa kezaliman dari pihak musuh dengan melarikan diri untuk mendapatkan tempat yang selamat. Jelaslah, membuktikan bahawa karya sastera yang dihasilkan adalah bertujuan sebagai interaktif yang menghubungkan masyarakat dengan teladan yang perlu dicontohi daripada amalan masyarakat Melayu tradisional dalam pembentukan sahsiah serta pemikiran mereka yang berkualiti dan bermutu tinggi.





#### 4.2.4 Budaya Keberanian

Keberanian menurut *Kamus Dewan* (2016) seerti dengan kegagahan dan keperkasaan iaitu sifat-sifat berani dalam menempuh sesuatu perkara. Seperti, pendapat yang dikemukakan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) yang mengungkapkan keberanian sebagai nilai yang dibawa dalam sahsiah diri manusia. Iaitu kesanggupan seseorang bersemuka dengan cabaran dalam melakukan sesuatu perkara dengan penuh keyakinan dan bertarung terus-terusan tanpa mengalah walaupun akan menghadapi pelbagai risiko yang perlu ditanggung .

Di sini dapat dirumuskan bahawa keberanian adalah sikap yang dibawa dalam sahsiah diri manusia yang mempunyai kesanggupan menempuh setiap ujian yang mendatangkan sama ada dari aspek percakapan dan tingkah laku yang dilakukan. Oleh yang demikian juga memerlukan pegangan prinsip yang mempertahankan setiap kebenaran. Sehubungan itu, kajian membincang mengenai keberanian yang dilihat melalui sikap bertindak dengan kebolehan, berfikir sebelum bertindak, berani memikul tanggungjawab, berani berpegang kepada prinsip dan mempertahankan hak diri yang ditunjukkan di dalam setiap cerita rakyat daripada teks *Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*.

Oleh yang demikian, keberanian dapat dilihat daripada cerita tokoh *Kehebatan Laksamana Laut* pada petikan 11 di bawah:

Petikan 11

“Beliau terus mengeluarkan keris yang berada dipinggangnya, dan membaca satu ayat yang tidak pasti apa butir bacaannya. Setelah kapal lanun berada berdekatan dan melintasi kapal Raja Kelantan, lanun-lanun tersebut tidak menyedari dan tidak melihat kapal layar yang dinaiki laksamana Che Deraman, Raja Kelantan dan anak kapal yang lain.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:62)

Cerita *Kehebatan Laksamana Laut* mengisahkan tentang seorang laksamana bernama Che Deraman yang bersikap berani bertindak dengan kebolehan yang dimilikinya.

Misalnya, digambarkan daripada watak laksamana Che Deraman yang berani menggunakan keris yang dimilikinya bagi menghalang pandangan lanun-lanun dari melihat kapal yang dinaiki oleh mereka. Ini memperlihatkan laksamana Che Deraman berani bertindak secara tiba-tiba kerana dia juga seorang pawang yang mempunyai kebolehan kuasa ghaib dalam membuat kapal yang dinaiki oleh mereka menjadi ghaib dan halimunan. Lantaran itu, jelas menunjukkan bahawa daripada sikap ini menjadikan seseorang itu berfikir dalam bertindak dengan kebolehan serta kesanggupan diri, agar tindakan yang dilakukan memberi kesan yang baik walaupun akan menanggung risiko daripada tindakan tersebut (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2015).

Selain itu, keberanian ini turut digambarkan dalam cerita tokoh *Tengku Mahmud Muhiyuddin* seperti petikan 12 yang dilampirkan di bawah:

Petikan 12

“Hal ini telah membuatkan Raja Patani membuat rundingan untuk melakukan pengeboman ke atas Jepun. Hal ini kerana tiada sesiapa sanggup mengemudi jet pejuang untuk tujuan pengeboman. Raja Patani telah meletakkan syarat supaya takhta kerajaan Patani dikembalikan kepadanya. Setelah persetujuan dilakukan, Raja Patani telah bertindak pengebom dua bandar utama Jepun iaitu Hiroshima dan Nagasaki.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:64)

Cerita *Tengku Mahmud Muhiyuddin* melalui petikan 12, menceritakan tentang Raja Patani bernama Tengku Mahmud Muhiyuddin yang bersikap berani memikul tanggungjawab. Di mana, baginda berani mempertahankan takhta kerajaan Patani daripada jatuh ke tangan penjajah. Contohnya, dilihat daripada sikap Raja Patani yang bertanggungjawab dalam menjaga pentadbiran kerajaan Patani dari jatuh ke dalam genggamannya British dengan baginda melakukan serangan pengeboman ke bandar utama Jepun iaitu, Hiroshima dan Nagasaki bagi menewaskan kuasa pihak British. Seterusnya, baginda sanggup menjadikan kerajaan Patani sebagai taruhan dan tindakan tersebut dilihat sebagai tindakan berani menanggung risiko dari tindakan serangan pengeboman yang baginda lakukan. Menerusi konteks ini jelas

memperlihatkan bahawa Raja Patani seorang raja yang berani menanggung risiko demi memastikan rakyatnya hidup secara aman dan harmoni tanpa sebarang ancaman dari pihak British. Sejalan dengan pengertian dari kata 'bertanggungjawab' yang membawa maksud seseorang yang menanggung sesuatu atas tanggungjawab serta kewajipan yang dipikulnya (*Kamus Dewan*, 2016).

Seterusnya, keberanian dapat dilihat juga daripada cerita tokoh yang bertajuk *Tok Karim Guru Silat Masyhur* pada petikan 13 teks di bawah:

Petikan 13

“Diceritakan bahawa Tok Karim juga seorang yang sangat handal kerana beliau dengan begitu berani menentang apa sahaja tindakan yang berlawanan dengan prinsip hidupnya. Ada pendapat yang mengutarakan bahawa kehandalan yang dimiliki oleh Tok Karim adalah hasil daripada pengamalan ilmu yang diterapkan dalam kehidupannya.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:66)

Cerita *Tok Karim Guru Silat Masyhur* berdasarkan kepada petikan 13 mengisahkan seorang guru silat bernama Tok Karim yang bersikap berani mempertahankan prinsip dirinya seperti yang digambarkan daripada teks. Beliau berpendirian bahawa ilmu dan kehandalan silat perlu digunakan dengan cara yang betul dalam mempertahankan diri serta memberikan manfaat kepada masyarakat. Selain itu, pendiriannya itu diterapkan kepada anak didikannya supaya patuh dan mendengar arahan yang diberikan olehnya semasa latihan silat. Jelaslah di sini menggambarkan sikap keberanian dalam memegang teguh pendirian Tok Karim dalam mengajarkan ilmu persilatan kepada masyarakat agar tidak disalah gunakan pada cara yang tidak elok. Kata 'pendirian' itu juga membawa makna pada pegangan dalam menilai sesuatu perkara dalam membina sesuatu ataupun pembinaan dasar (*Kamus Dewan Bahasa*, 2016).

Selain itu, nilai keberanian juga dilihat dari cerita tokoh *Tok Guru Haji Awang Ulama*

*Tercipta* yang dikutip dari petikan 14 di bawah:

Petikan 14

“Tok Guru Haji Awang Alim merupakan ulama terbilang yang mana beliau merupakan seorang guru agama yang ikhlas menyampaikan dakwah dan ajaran Islam kepada rakyat jelata Kampung Atas Banggol. Hatta dalam kesibukan Tok Guru Haji Awang Alim menyampaikan dakwahnya maka didatangi masalah yang mana pada ketika itu tentera-tentera Jepun datang mengganas. Namun begitu, dalam ketakutan yang menyelubungi kehidupan rakyat jelata di Kampung Atas Banggol, ia tidak sedikit pun menggugat kehandalan Tok Guru Haji Awang Alim untuk menyampaikan ilmu-ilmu akhirat.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:70)

Cerita *Tok Guru Haji Awang Ulama Tercipta* mengisahkan tentang seorang guru agama di sebuah Kampung Atas Banggol. Beliau bernama Tok Guru Haji Awang yang juga bersikap berani dalam memikul tanggungjawab menyebarkan agama Islam. Hal ini demikian kerana beliau sanggup memikul tanggungjawab dan memegang amanah tersebut dengan baik. Walaupun sebagai seorang guru agama itu tidak menjadikan beliau bertindak dengan sewenang-wenangnya menggunakan gelaran tersebut untuk manfaat demi diri sendiri. Bahkan beliau bersedia menyebarkan manfaat kepada penduduk setempat dengan ilmu agama yang beliau peroleh.

Contohnya, dilihat daripada Tok Guru Haji Awang yang tidak terjejas dengan ancaman dari tentera-tentera Jepun dalam menyebarkan ilmu agama Islam kerana beliau tahu melaksanakan tanggungjawabnya sebagai seorang guru agama. Jelaslah, di sini beliau menunjukkan sikapnya yang bertanggungjawab menyempurnakan tugasnya walaupun pelbagai risiko yang perlu dihadapinya. Hal ini kerana, untuk menjadi seorang yang bertanggungjawab perlu sanggup menghadapi sesuatu dengan berani.

Selain itu, keberanian boleh dilihat juga di dalam cerita lainnya yang bertajuk *Tentera Bergajah* seperti petikan 15 di bawah:

Petikan 15

“Serangan bawaan virus ke atas gajah-gajah yang menjadi pengangkutan ketenteraan tidak dapat dilakukan. Hal ini, juga telah menyukarkan sistem pertahanan Patani pada ketika itu. Perkara ini telah membuatkan Raja Patani memikirkan hal tersebut secara akar umbi untuk menguatkan lagi pertahanan kerajaan. Hal ini kerana keselamatan rakyatnya perlu dijaga.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:73)

Cerita *Tentera Bergajah* pada petikan 15, menceritakan tentang tokoh Raja Patani yang mempunyai sikap bertanggungjawab dalam memikul tugas sebagai seorang raja dalam mempertahankan kerajaan Patani dari ancaman yang datang agar keselamatan rakyatnya terjamin. Tamsilnya, tindakan yang dilakukan oleh Raja Patani adalah dengan memikirkan cara untuk bertahan daripada serangan bawaan virus yang telah merebak kepada gajah-gajah ketenteraan bahkan, akan menjejaskan sistem pertahanan kerajaan Patani pada ketika itu. Jelaslah menggambarkan peribadi seorang raja yang sanggup melakukan apa jua tindakan bagi melindungi kerajaan serta rakyat dari sebarang ancaman yang menjejaskan keselamatan mereka walaupun, beliau akan menanggung pelbagai risiko yang akan menimpa dirinya.

Keberanian dipaparkan juga di dalam cerita tokoh *Raja Sakti Pemerintah Berwibawa* yang ditonjolkan pada petikan 16 di bawah:

Petikan 16

“Semasa pemerintahannya, baginda Raja Sakti telah menjadi raja di kedua-dua negeri iaitu Kelantan dan Patani setelah baginda berjaya menewaskan Ratu Kuning dan bertindak menyerang Patani. Hal ini kerana Raja Kuning dan Patani ingin menguasai pemerintahan Raja Sakti pada ketika itu namun tidak berhasil dan akhirnya mereka tewas.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:76)

Cerita *Raja Sakti Pemerintah Berwibawa* pada petikan 16 menceritakan situasi tokoh Raja Sakti yang bersikap berani mempertahankan dirinya serta negeri pemerintahannya dari menjadi milik Raja Kuning. Misalnya situasi tersebut

digambarkan sebagai suatu keberanian Raja Sakti kerana berjaya melawan ancaman yang datang untuk menggugat kuasa pemerintahannya. Jelaslah di sini membuktikan bahawa sikap mempertahankan diri perlu dipupuk dalam diri manusia supaya orang lain tidak mampu untuk menguasai hak serta kepunyaan diri sendiri. Walaupun, tindakan tersebut akan menghasilkan risiko namun tidak mustahil jika mempunyai keberanian dari kecekalan diri. Sikap mempertahankan hak ini berasal dari kata 'mempertahankan' yang diertikan sebagai usaha diri dalam memegang teguh serta tidak melepaskan sesuatu dengan sia-sia (*Kamus Dewan*, 2016).

Kemudian, keberanian turut ditonjolkan daripada cerita tokoh *Nik Mat Keturunan Raja Banjar* melalui petikan 17 di bawah:

Petikan 17

“Sewaktu pemerintahan ini berlaku, tiada pihak yang berani melawan pemerintahannya ketika itu. Kekuatan askar dan strategi peperangan yang sukar ditafsir oleh pihak musuh telah membuatkan Raja Jembal ditakuti musuh.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:78)

Cerita *Nik Mat Keturunan Raja Banjar* menerusi peristiwa daripada petikan 17 mengisahkan watak seorang raja yang memerintah di Kampung Kedondong. Beliau adalah Raja Jembal yang bersikap berfikir dalam bertindak agar sesuatu yang dilakukan itu berjalan secara sistematik dan terkawal. Sebagai contohnya, dilihat daripada sikap Raja Jembal yang merancang strategi dengan sistematik agar dapat menguatkan pertahanan dari diserang dengan mudah oleh golongan musuh. Di sini, membuktikan dengan jelas bahawa keberanian bukan sahaja memerlukan kecekalan dalam menghadapi risiko tetapi ia juga merangkumi pemikiran yang bijaksana sebelum melakukan apa sahaja tindakan agar ia membuahkan hasil yang terbaik.



Keberanian turut terkandung pada cerita tokoh *Pengunduran Raja Patani* dalam petikan 18 di bawah:

Petikan 18

“Keberaniannya dalam berperang tidak dapat ditandingi oleh raja-raja lain di sekeliling negerinya. Baginda sangat berpengaruh dalam meluaskan kuasanya ke pelosok dunia. Baginda dianggap sebagai “Raja Kuning” kerana kejayaannya dalam menakluki negeri-negeri lain.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:79)

Cerita *Pengunduran Raja Patani* mengisahkan seorang raja yang pada ketika itu memerintah sebuah negeri yang masyhur dan ternama iaitu negeri Patani. Beliau adalah Raja Phaya Tu Nakpa ataupun lebih dikenali sebagai Sultan Ismail Shah Zolallah Fi' Alam. Beliau juga digambarkan sebagai seorang raja yang bersikap berfikir sebelum bertindak. Misalnya, gambaran sikap yang ditunjukkan oleh Sultan Ismail itu menunjukkan baginda berfikir dengan strategik untuk meluaskan pengaruh hingga ke pelosok dunia dengan menakluki negeri-negeri lain. Ini secara tidak langsung, dapat mempertahankan kerajaan serta menguatkan kuasanya dalam pemerintahan. Oleh yang demikian, jelaslah membuktikan bahawa setiap individu perlu memainkan peranan yang penting dalam mewujudkan pengaruh serta menjalinkan hubungan yang baik agar lebih dikenali serta dihormati oleh masyarakat sekeliling.

Secara keseluruhan, berdasarkan dari keberanian yang ditampilkan dalam setiap cerita rakyat tersebut memaparkan budaya yang seharusnya menjadi contoh untuk semua lapisan masyarakat. Hal ini demikian kerana semua manusia ada tanggungjawab serta amanah sendiri-sendiri. Oleh yang demikian, dengan situasi yang ditunjukkan dapat memupuk budaya keberanian dalam diri setiap masyarakat supaya kental dan sanggup menghadapi ketakutan diri untuk menempuhi risiko yang bakal dihadapi kelak. Di samping itu, sikap bertindak dengan kebolehan, berfikir sebelum bertindak, berani memikul tanggungjawab, berani berpegang kepada prinsip dan mempertahankan hak diri dapat mempengaruhi setiap individu dalam membentuk sahsiah diri mereka. Hal ini,



budaya keberanian sebegini dapat diterapkan pada setiap masyarakat supaya menjadi individu yang berani. Bahkan, perbuatan tersebut juga dapat melahirkan budaya yang menjadi amalan masyarakat pada masa akan datang sekali gus membentuk jati diri masyarakat yang cemerlang.

Rentetan itu, berdasarkan budaya keberanian yang ditampilkan pada cerita-cerita rakyat di dalam petikan teks *Seuntaiian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* bertunjangan kepada pendekatan moral yang terkandung pada Teori Pengkaedahan Melayu (Hashim Awang, 2002). Ha ini bertepatan dengan pendekatan moral berfungsi sebagai kaedah yang menunjukkan pengalaman yang diperoleh daripada hidup seseorang individu. Tidak kira sama ada positif mahupun negatif tetapi ia adalah sebuah pengalaman yang dilalui dan berlaku dalam kehidupan seseorang. Misalnya, kajian ini dapat dilihat dari cerita-cerita rakyat yang dihasilkan oleh pengarang tersebut menggambarkan mengenai sikap keberanian yang dimiliki oleh masyarakat Melayu dahulu dalam berjuang dengan bermati-matian mencapai sesuatu yang memberikan hasil yang terbaik walaupun menempuh pelbagai risiko.

Oleh yang demikian, seperti yang terkandung dalam sikap bertindak dengan kebolehan, berfikir sebelum bertindak, berani memikul tanggungjawab, berani berpegang kepada prinsip dan mempertahankan hak diri yang ditampilkan dalam cerita rakyat tersebut. Di samping itu, amalan tersebut mengajarkan kepada masyarakat untuk saling berani supaya menjadi masyarakat yang berkualiti dari segi pemikiran dan tingkah laku supaya dapat membina negara yang maju serta aman sentosa. Jelaslah, di sini membuktikan amalan tersebut juga dapat menghasilkan kesan yang positif dalam kalangan masyarakat serta membentuk individu yang mempunyai sahsiah diri yang baik.

#### 4.2.5 Budaya Kerajinan

Kerajinan adalah istilah yang digunakan bagi mentafsir sifat yang dimiliki oleh manusia dalam berusaha bersungguh-sungguh tanpa mempunyai sifat malas agar berjaya menggapai matlamat serta cita-cita dalam kehidupan (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2015). Menurut takrifan daripada *Kamus Dewan* (2016) mengertikan kerajinan sebagai tindakan yang gigih berusaha dengan bersungguh-sungguh agar setiap yang dilakukan itu beroleh manfaat. Ini dirumuskan bahawa kerajinan atau ketekunan adalah sifat yang berpandukan kepada tindakan usaha yang gigih dalam meraih setiap cita-cita dan matlamat dalam kehidupan yang memperoleh manfaat atas usaha yang dilakukan. Sehubungan itu, kajian yang dijalankan membincangkan mengenai budaya kerajinan yang dilihat melalui sikap kegigihan yang ditampilkan dalam cerita rakyat dari petikan teks *Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*.

Kerajinan dapat dilihat dari paparan cerita binatang *Kisah Sekumpulan Tupai* seperti petikan 19 di bawah:

Petikan 19

“Beliau digelar ulama kerana sikap rajin beliau itu dalam menimba ilmu agama sehingga disanjung tinggi dalam kalangan masyarakat kampung. Contohnya beliau sering kali menghadiri majlis agama di sekitar Patani dan menimba ilmu agama dengan tabligh-tabligh dari negara Timur Tengah.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:85)

*Kisah Sekumpulan Tupai* melalui petikan 19 mengisahkan mengenai seorang ulama terkenal yang juga merupakan seorang raja iaitu Haji Long Abdul Rahman. Beliau digelar sebagai seorang ulama melalui sikapnya yang gigih dalam menuntut ilmu sehingga disanjung tinggi oleh masyarakat setempat. Misalnya dilihat daripada gambaran sikap Haji Long Abdul Rahman yang sering merantau demi menimba ilmu walaupun ilmu yang diperoleh sudah banyak beliau tetap menimba ilmu bagi menambahkan ilmu pengetahuan yang sedia ada. Di sini dapat membuktikan bahawa pentingnya menuntut ilmu walaupun sudah berusia kerana ilmu itu akan dijadikan

panduan dalam kehidupan seseorang seterusnya mendidik diri untuk merendah diri. Hal ini dikatakan demikian kerana semakin menuntut ilmu semakin kita merasakan ilmu yang kita ada ini tidak mencukupi dan sangat sedikit berbanding dari pengetahuan yang dimiliki oleh Allah SWT. Oleh itu, amalan menuntut ilmu tidak menjadi kerugian bahkan memberi manfaat yang sangat banyak kepada diri dan masyarakat sekeliling kerana ilmu yang ada akan dikongsi pada orang lain. Di samping itu, ia menjadi keperluan dalam menghasilkan prestasi dan kejaya yang bermutu tinggi (Jumali Selamat, 2001).

Secara menyeluruh, melalui kerajinan yang ditunjukkan dari petikan teks dalam cerita binatang tersebut menunjukkan budaya yang perlu dipupuk dalam diri masyarakat. Hal ini, difahami bahawa perlu menjadi setiap budaya masyarakat untuk senantiasa bersikap rajin. Hal ini demikian kerana budaya kerajinan akan memupuk masyarakat yang sering berusaha dalam sesuatu perkara tanpa mengharapkan bantuan dari orang lain. Sebagai manusia setiap yang dilakukan perlu dilakukan atas usaha sendiri dan perlu rajin bagi mengecapi setiap perkara yang diinginkan kerana setiap rezeki datang pada orang yang berusaha. Tambahan pula, dapat dilihat setiap manusia yang rajin berusaha akan selalu mendapatkan kejayaan di atas usaha yang dilakukan. Oleh itu, budaya kerajinan ini dapat diterapkan kepada setiap masyarakat supaya mereka menjadi individu yang suka menuntut ilmu serta menjadikan ia sebagai amalan mulia dalam meningkatkan prestasi dan perkembangan diri secara mental.

Rentetan itu, berdasarkan budaya kerajinan yang ditampilkan pada cerita rakyat di dalam petikan teks *Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* ini bertunjangan kepada pendekatan moral yang terkandung pada Teori Pengkaedahan Melayu. Lantaran itu, pendekatan moral berfungsi sebagai kaedah yang menunjukkan pengalaman yang diperoleh daripada hidup seseorang individu. Tidak kira sama ada positif mahupun negatif tetapi ia adalah sebuah pengalaman yang

dilalui dan berlaku dalam kehidupan seseorang (Hashim Awang, 2002). Misalnya, kajian ini dapat dilihat dari cerita rakyat seperti yang ditampilkan oleh pengarang tersebut menggambarkan mengenai nilai kerajinan yang dimiliki oleh masyarakat Melayu terdahulu dalam menuntut ilmu dengan bersungguh-sungguh. Hal tersebut juga telah menjadikan mereka golongan masyarakat yang berkualiti. Jelaslah, di sini membuktikan bahawa karya sastera yang dihasilkan adalah bertujuan sebagai interaktif yang menghubungkan masyarakat dengan teladan daripada amalan masyarakat Melayu tradisional dalam pembentukan sahsiah serta pemikiran mereka yang berkualiti dan bermutu tinggi.

#### 4.2.6 Budaya Kebersihan

Menurut Teuku Iskandar (2005) kebersihan adalah suasana yang bersih terjejas dari kekotoran sama ada merujuk kepada persekitaran ataupun hati yang menuntut kemurnian serta kesucian. Turut diutarakan pendapat dari Hashim Musa (2008) mendefinisikan kebersihan sebagai suatu yang melibatkan dalaman hati seperti kesucian daripada segala kekotoran penyakit hati seperti hasad dengki, dendam dan sebagainya. Sehubungan itu, kajian yang dijalankan membincangkan mengenai budaya kebersihan yang dilihat melalui sikap menjaga persekitaran yang melambangkan kebersihan fizikal dan mental yang ditampilkan dalam cerita rakyat dari petikan teks *Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Kebersihan boleh dilihat daripada paparan yang ditunjukkan daripada cerita binatang pada petikan 20 di bawah:

Petikan 20

“Haji Long Abdul Rahman melihat kawasan tersebut dipenuhi dengan semak samun dan pokok-pokok yang menghalang untuk beliau menetap di situ. Beliau pun mula menebas semak samun untuk membersihkan kawasan tersebut. Hari pun sudah kelihatan senja, beliau keletihan lalu tertidur di kawasan itu.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:83)

Cerita *Keajaiban Si Kera Putih* menerusi petikan 20 menonjolkan watak seorang lelaki yang bernama Haji Long Abdul Rahman yang bersikap menjaga persekitaran bagi memastikan kawasan tempat tinggal beliau dalam keadaan bersih dan selesa. Oleh itu, beliau menebas semak-samun dan pokok-pokok yang terbiar. Jelaslah membuktikan di sini Haji Long Abdul Rahman seorang yang mengutamakan kebersihan bagi memastikan kehidupan yang selesa.

Sehubungan itu, tindakan demikian dapat dilihat dari konteks kebersihan melalui fizikal dan mental bertepatan dengan pendapat Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) yang melandaskan kebersihan sebagai lambang keperibadian serta keimanan seseorang. Oleh hal yang demikian keperibadian serta pemikiran seorang dapat dilihat melalui

kebersihan yang diamalkannya secara psikologi. Walaupun begitu, kebersihan merupakan budaya yang paling utama dan penting seperti yang menjadi landasan dalam agama Islam sendiri yang mengutarakan kebersihan sebahagian daripada keimanan seseorang. Oleh itu, setiap masyarakat perlu memupuk budaya kebersihan sejak dari kecil supaya mereka tidak mengambil mudah mengenai isu kebersihan. Jadi, jelaslah dari sudut pandangan ini tauladan yang diberikan dalam cerita rakyat tersebut sangat sesuai kerana memberikan didikan yang terbaik dalam menganjurkan amalan menjaga kebersihan. Di sini membuktikan bahawa cerita rakyat tersebut sangat memberikan keberkesanan kepada pembentukan sahsiah kanak-kanak kerana mereka belajar dan memahami dari situasi yang mereka pelajari serta lihat. Oleh yang demikian, masyarakat dewasa memainkan peranan penting dalam memberikan hasil didikan dengan mempraktikkan amalan kebersihan dalam diri masyarakat terutamanya.

Rentetan itu, budaya kebersihan melalui sikap menjaga kebersihan persekitaran bertunjangan pendekatan dakwah. Hal ini kerana, pendekatan dakwah berfungsi dalam perbincangan mengenai agama Islam sebagai agama yang penuh dengan kesucian dan keistimewaan. Tambahan pula, darinya boleh membangkitkan kehormatan kepada kemurnian agama Islam kepada orang Islam ataupun orang bukan Islam (Hashim Awang, 2002). Contohnya, kajian terhadap cerita rakyat ini melalui sikap menjaga kebersihan persekitaran membuktikan bahawa cerita rakyat menggambarkan penonjolan kebesaran dan kemuliaan agama Islam tentang tanggungjawab setiap manusia dalam menjaga kebersihan persekitaran supaya hidup dengan selesa, bersih, harmoni dan sejahtera.

Sesungguhnya agama Islam telah mengajar untuk mendidik setiap jiwa manusia supaya menjaga kebersihan alam sekitar agar dijauhkan daripada pelbagai wabak penyakit yang mendatangkan kemudaratan dan kesengsaraan. Dalam konteks ini, jelas membuktikan bahawa agama Islam menyampaikan amanat kepada setiap

manusia untuk berbuat baik terhadap alam sekitar dan membuktikan kekuasaan dan penonjolan kuasa Allah SWT. Di samping, menghargai alam ciptaan Allah SWT sebagai medium untuk dalam mendekatkan diri serta meningkatkan keimanan kepada Allah SWT.



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



#### 4.2.7 Budaya Rasional

Rasional bermaksud kemahiran berfikiran secara matang, alasan yang logik bagi mendasarkan sesuatu pegangan ataupun perbuatan serta suatu pertimbangan serta pemikiran yang wajar dalam melakukan sesuatu perkara yang dimiliki oleh manusia (*Kamus Dewan*, 2016). Selain itu, ia juga nilai yang dibawa oleh manusia dalam keupayaan pemikiran untuk bertindak secara logik merujuk kepada pertimbangan yang kukuh dalam melakukan sesuatu perkara tanpa dipengaruhi sebarang unsur negatif (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2015). Sehubungan itu, kajian yang dijalankan ini membincangkan mengenai budaya rasional yang dilihat melalui sikap bertindak mengikut alasan dan bukti yang kukuh yang ditampilkan dalam cerita rakyat dari petikan teks *Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Rasional dapat dilihat daripada cerita binatang yang bertajuk pada petikan 21 di bawah:

##### Petikan 21

“Ahli nujum telah menilik bahawa perkahwinan raja dengan Puteri China amat kuat ikatannya. Lalu, ahli nujum meminta agar raja memanggil pengadu domba untuk menghasut garuda supaya termakan helah yang dibuat. Maka, raja pun melakukan seperti mana dirancang. Pengadu domba telah cuba menyampaikan helah tersebut kepada garuda. Ianya di mana jika garuda itu berjaya memutuskan hubungan raja dengan Puteri China maka kerajaan akan diserahkan kepadanya, tetapi jika gagal perlu meninggalkan kerajaan tersebut.”  
(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:87-88)

Cerita *Kebijaksanaan Burung Hantu* pada petikan 21 mengisahkan mengenai sikap seorang ahli nujum yang bertindak mengikut alasan dan bukti yang kukuh. Misalnya, dilihat daripada cara ahli nujum memberikan cadangan kepada raja untuk menyelamatkan takhta raja dari diambil oleh garuda. Di samping itu, cadangan yang diberikan adalah tepat dalam mengatur strategi bagi mengalahkan garuda. Oleh yang demikian, membuktikan sikap rasional ahli nujum dalam membuat keputusan dari kebolehan menilik yang dimilikinya demi memastikan Pengkalan Datu berada dalam keadaan aman.

Secara menyeluruh, menerusi budaya rasional yang ditunjukkan dalam cerita rakyat dari petikan teks menunjukkan bahawa budaya masyarakat Melayu yang kaya dengan amalan positif. Oleh hal yang demikian, budaya rasional perlu wujud dalam diri setiap masyarakat supaya melahirkan individu yang bertindak secara matang dan berfikiran waras dalam setiap perkara. Hal ini kerana, sebagai manusia yang rasional perlu yang berfikiran secara waras tanpa semberono dalam memberikan tunjuk ajar serta cadangan yang berpandukan dari alasan serta bukti yang kukuh. Tindakan ini berfungsi supaya sesuatu tindakan itu memberikan hasil yang baik. Secara tidak langsung didikan dan ajaran yang ditonjolkan daripada cerita rakyat tersebut dapat bertindak sebagai nilai pengajaran kepada masyarakat dalam memupuk sikap berfikiran secara kewarasan akal dalam membentuk sahsiah diri serta pemikiran yang matang. Hal ini bertepatan dengan pendapat Hashim Musa (2008) yang menggariskan budaya rasional sebagai suatu budaya yang membentuk tamadun masyarakat yang unggul kerana setiap keputusan adalah melalui tindakan yang tepat.

Rentetan itu, berdasarkan budaya rasional yang ditampilkan pada cerita rakyat di dalam petikan teks *Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* ini bertunjangkan kepada pendekatan moral yang terkandung pada Teori Pengkaedahan Melayu. Pendekatan moral ini berfungsi sebagai kaedah yang menunjukkan pengalaman yang diperoleh daripada hidup seseorang individu tidak kira sama ada positif mahupun negatif tetapi ia adalah sebuah pengalaman yang dilalui dan berlaku dalam kehidupan seseorang (Hashim Awang, 2002).

Misalnya kajian ini dapat dilihat dari cerita rakyat seperti yang ditampilkan oleh pengarang tersebut menggambarkan mengenai budaya rasional yang dimiliki oleh masyarakat Melayu terdahulu dalam membuat keputusan berdasarkan alasan yang kukuh supaya memberikan hasil yang terbaik serta hal tersebut telah menjadikan mereka golongan masyarakat yang berkualiti dan mempunyai pemikiran yang matang.


Jelaslah di sini membuktikan bahawa karya sastera yang dihasilkan adalah bertujuan sebagai interaktif yang menghubungkan masyarakat dengan teladan yang perlu dicontohi daripada amalan masyarakat Melayu tradisional dalam pembentukan sahsiah serta pemikiran mereka yang berkualiti dan bermutu tinggi.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

#### 4.2.8 Budaya Semangat Bermasyarakat

Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) menggaris pandu semangat bermasyarakat sebagai kesanggupan setiap masyarakat dalam melakukan perkara yang memberikan kepentingan, serta kesedaran mengenai keharmonian dalam kehidupan sesama masyarakat. Misalnya, sikap bantu-membantu, bermuafakat dan tolong-menolong yang dapat menyebarkan faedah dan menjaga kebajikan bersama dalam kehidupan. Oleh yang demikian, pandangan sarjana tokoh menunjukkan bahawa semangat kemasyarakatan adalah persediaan setiap ahli dalam menghulurkan kebajikan yang dapat membina budaya sikap tolong-menolong, bantu-membantu dan bermuafakat seperti yang akan dikaji dalam perbincangan ini mengenai budaya tersebut.

Sehubungan itu, budaya semangat bermasyarakat dapat dilihat dari cerita tokoh seperti yang dilampirkan pada petikan 22 di bawah:

Petikan 22

“Tentera Siam cuba membawa gajah-gajah mereka ke tempat persinggahan tetapi gajah-gajah itu tidak mengendahkan. Pelbagai usaha yang dilakukan oleh mereka untuk memujuk gajah-gajah kembali tetapi gagal. Setelah beberapa hari, gajah-gajah ini mula jatuh sakit dan ada yang telah mati di situ. Bala tentera Siam amat sedih kerana gajah-gajah yang mereka tunggang itu mati di tempat orang. Sebagai tanda penghormatan kepada bangkai gajah yang telah mati itu, mereka menggali beberapa lubang yang besar untuk menanam bangkai gajah tersebut sebelum mereka berangkat pulang.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:58)

Cerita *Tok Perindu* pada tersebut mengisahkan budaya semangat bermasyarakat yang membina sikap tolong-menolong dalam diri tentera Siam. Misalnya, dilihat daripada kerelaan mereka saling tolong-menolong bagi bersama-sama menggali dan menanam bangkai gajah yang telah mati tersebut sebagai tanda penghormatan mereka di atas kematian gajah itu. Ini membuktikan, tentera Siam berperwatakan baik serta mencerminkan budaya yang memiliki sikap tolong-menolong yang mapan. Sejarar dengan pendapat dari sarjana tokoh yang mengutarakan sikap tolong-menolong adalah menjadi suatu kepentingan kepada masyarakat demi menjaga hak kebajikan

bersama dengan bertindak dalam menghulurkan bantuan kepada individu lain (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021).

Selain itu, budaya semangat bermasyarakat turut digambarkan dalam cerita tokoh berdasarkan petikan 23 di bawah:

Petikan 23

“Ianya telah membuatkan penduduk kampung berkumpul di balai raya Kampung Pupuk untuk mengetahui hal yang terjadi. Mereka bermuafakat untuk mencari suara jeritan yang masih kedengaran itu. Suri rumah tangga dan anak-anak kecil diminta untuk berada di rumah dan dikuncikan pintu oleh ketua kampung, Pak Man demi keselamatan mereka. Pak Man mengarahkan seluruh pemuda kampung untuk mencari jeritan itu.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:68)

Cerita *Kehebatan Pawang Ali* menceritakan mengenai sikap bermuafakat yang ditunjukkan oleh penduduk kampung di Kampung Pupuk. Di sini memperlihatkan budaya semangat bermasyarakat yang dipupuk dalam diri setiap masyarakat tersebut. Contohnya, penduduk kampung di Kampung Pupuk mengadakan perbincangan sesama mereka dalam mendapatkan persetujuan bagi menyelesaikan masalah yang melanda Kampung Pupuk. Hal ini memperlihatkan nilai semangat bermasyarakat yang diamalkan oleh penduduk Kampung Pupuk bagi menjaga kesejahteraan dan keharmonian dalam kampung. Sesuai dengan pernyataan yang diutarakan oleh sarjana tokoh Mustafa Daud (1996) menyatakan bahawa sememangnya budaya dalam kehidupan masyarakat Melayu sudah menjadi kebiasaan mengamalkan sikap bermuafakat sebagai kepentingan serta kebajikan kepada diri sendiri dan masyarakat umum. Ini kerana amalan sikap tersebut memberikan kesedaran kepada masyarakat kepentingan perhubungan perpaduan yang harmoni dalam menyelesaikan permasalahan dengan cara yang elok.

Selanjutnya, semangat bermasyarakat turut dilihat daripada petikan 24 cerita di bawah:

Petikan 24

“Apabila berlaku kematian dalam masyarakat Melayu, Che Him tidak segan silu menghulurkan bantuan seperti kain kapan secara percuma. Beliau juga tidak banyak merungut apabila seseorang meminta pertolongannya, bantuan segera diberikan. Kadangkala tanpa diminta oleh penduduk Che Him sendiri mempunyai kesedaran untuk membantu masyarakat sekeliling dalam aktiviti kemasyarakatan. Ianya memudahkan aspek pergaulan masyarakat dengannya.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:72)

Cerita *Nurani Che Him Dalam Masyarakat* pada petikan 24 menceritakan tentang seorang tokoh yang dikenali sebagai Che Him. Beliau merupakan seorang yang suka masyarakat walaupun masyarakat yang berbeza bangsa dan agama. Seperti yang dilihat pada situasi Che Him membantu masyarakat Melayu dengan memberikan bantuan dalam bentuk menyediakan kemudahan kain kapan yang diberi secara percuma. Ini memperlihatkan sikap saling bantu-membantu dalam menyediakan kebajikan bersama. Di samping itu, sikap ini juga dapat memperkukuhkan perpaduan kaum dalam masyarakat dari aspek pergaulan yang ditonjolkan daripada petikan tersebut. Hal ini demikian budaya tersebut dilihat sebagai sifat yang dimiliki oleh individu dalam memberikan kepentingan serta faedah dengan kesedaran yang ditimbulkan untuk menghulurkan pertolongan kepada masyarakat sekeliling (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021).

Semangat bermasyarakat dapat ditampilkan juga di dalam cerita tokoh yang bertajuk pada petikan 25 dan petikan 26 di bawah:

Petikan 25

“Lalu segera dipanggil pemuda ufti untuk memikirkan kaedah meningkatkan pertahanan kerajaan ini. Raja Patani mulai berbincang mengenai permasalahan yang berlaku di dalam kerajaan itu.”

dan;

Petikan 26

“Segera Raja Patani mengarahkan sekumpulan tentera kecil mengawal tempat gajah-gajah ini untuk berkumpul. Segala peralatan untuk mengalihkan gajah-



gajah itu disediakan. Ada yang membuat beberapa kapal besar bagi memuatkan bilangan gajah yang masih tidak dijangkiti itu dan ada yang menyiapkan bekalan makanan sepanjang mereka berada di sana serta peralatan tentera mereka juga dibersihkan. Mereka saling membantu antara satu sama lain biarpun dalam keadaan sedang berperang waktu itu.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:74)

Cerita *Tentera Bergajah* mengisahkan tentang sikap muafakat dan saling membantu yang ditonjolkan dari watak masyarakat kerajaan Patani. Sebagai contohnya, pemuda ufti dan Raja Patani melakukan perbincangan dalam menyelesaikan permasalahan yang dihadapi oleh kerajaan Patani. Kemudiannya, perbincangan tersebut telah mencapai persetujuan bersama. Hal ini turut memerlukan pertolongan dari tentera kecil kerajaan Patani untuk bersama-sama membantu dalam menyelesaikan masalah tersebut mereka telah dibahagikan kepada tugas-tugas yang berbeza. Malah tentera kecil tersebut turut siap sedia menghulurkan bantuan serta mempunyai kesanggupan walaupun mereka berada dalam keadaan peperangan. Hal ini menggambarkan watak-watak dari cerita tersebut saling bermuafakat dan bantu-membantu bagi menjaga kemaslahatan bersama agar permasalahan yang dihadapi tidak menjejaskan kedudukan kerajaan Patani pada ketika itu. Jelaslah di sini situasi tersebut membuktikan bahawa sikap yang dibawa oleh masyarakat pada zaman kerajaan Patani tersebut dapat memperkukuhkan lagi perpaduan bagi mewujudkan keharmonian dalam kalangan masyarakat.

Seterusnya, semangat bermasyarakat ini juga dapat digambarkan daripada cerita binatang dari petikan 27 di bawah:

Petikan 27

“Pendapat itu telah disokong oleh semua haiwan yang ada disitu. Semua haiwan telah memberi buah-buahan yang akan dimakan oleh mereka. Punai telah memilih buah betik sebagai makanannya. Murai pula memilih buah rambutan sebagai makanannya. Bangau telah memilih ikan sebagai makanannya. Adapun begitu susulan itu juga telah dibawa kepada sang kelawar bagi menentukan makanan yang ingin dimakannya.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:89)



Cerita *Kelawar Suka Keluar Malam* mengisahkan tentang sekumpulan binatang yang terdiri daripada burung punai, burung murai, bangau dan kelawar. Melalui cerita ini menunjukkan budaya semangat bermasyarakat yang ditampilkan oleh watak binatang dalam cerita ini. Di mana sekumpulan binatang ini mengadakan permuafakatan dalam menentukan keputusan yang terbaik untuk mereka. Sebagai contohnya, gambaran yang ditunjukkan dari situasi sekumpulan watak binatang di dalam hutan seperti Punai, Murai dan Bangau yang bermuafakat dalam mengadakan persepakatan menentukan makanan mereka yang pada akhirnya memberi kata putus sehingga memuaskan hati kelompok mereka. Di samping itu, dilihat juga watak binatang dari kisah tersebut seperti Punai, Murai dan Bangau yang berbincang sesama mereka dalam menyelesaikan masalah yang telah ditimbulkan oleh kelawar dari sifat tamaknya memakan semua jenis makanan seperti yang diceritakan dalam petikan 28 di bawah:

Petikan 28

“Kelawar sesuka hati memakan pelbagai jenis makanan. Tetapi ada satu hal yang tidak disenangi oleh haiwan lain terhadap kelawar adalah sikap tamaknya itu. Kelawar ini sangat gelojoh dalam mencari makanan. Habis semua jenis makanan dimakannya biarpun belum ranum sepenuhnya.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:89)

Kisah *Kelawar Suka Keluar Malam* pada petikan 28 menjadi gambaran buat semua golongan masyarakat bahawa binatang boleh bersatu padu mengamalkan sikap muafakat mustahil sebagai manusia untuk tidak mengamalkan sikap tersebut. Sejarar dengan pendapat Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) bahawa amalan sikap muafakat dalam kalangan masyarakat akan membentuk sebuah persaudaraan yang erat, aman, sentosa dan bersatu antara satu sama lain di samping memperkukuh jati diri masyarakat.

Secara menyeluruh, dapat menggambarkan setiap petikan daripada teks cerita rakyat mengenai cerita tokoh dan cerita binatang tersebut memaparkan berkenaan nilai semangat bermasyarakat yang diamalkan dalam sesebuah masyarakat. Ini secara

tidak langsung memberikan cerminan yang positif serta kepentingan penyatuan bagi keharmonian hidup dalam kalangan masyarakat. Seterusnya, dapat mempengaruhi sikap tolong-menolong, bantu-membantu dan bermuafakat kepada semua golongan masyarakat dalam pembentukan sahsiah diri mereka dengan bersedia memberikan pertolongan dan bantuan kepada yang memerlukan. Selain itu, dapat memupuk budaya saling tolong-menolong dan bermuafakat bagi mewujudkan kesejahteraan dan keharmonian dalam masyarakat. Dari budaya tersebut juga dapat membentuk sahsiah setiap individu supaya saling bertolak ansur dan mengelakkan dari berlakunya persengketaan yang boleh memecah-belah perpaduan masyarakat. Hal ini demikian contoh dan tauladan yang ditunjukkan perlu dijadikan sebagai didikan kepada kanak-kanak khususnya kerana mereka memerlukan didikan dari peringkat awal supaya dapat memupuk amalan tersebut dalam diri mereka sehingga menginjak dewasa. Oleh yang demikian hasil didikan daripada ibu bapa, guru-guru dan orang sekeliling memainkan peranan yang penting dalam mewujudkan budaya tersebut.

Sehubungan itu, berdasarkan budaya semangat bermasyarakat yang ditampilkan pada cerita-cerita rakyat di dalam petikan teks *Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* bertunjangan kepada pendekatan moral yang terkandung pada Teori Pengkaedahan Melayu (Hashim Awang, 2002). Hal ini demikian kerana pendekatan moral berfungsi sebagai kaedah yang menunjukkan pengalaman adalah sesuatu yang diperoleh daripada hidup seseorang individu. Pengalaman hidup ini tidak kira sama ada positif mahupun negatif tetapi ia adalah sebuah pengalaman yang dilalui dan berlaku dalam kehidupan seseorang. Misalnya kajian ini dapat dilihat dari cerita-cerita rakyat yang dihasilkan oleh pengarang tersebut menggambarkan mengenai masyarakat setempat yang mempunyai nilai semangat kemasyarakatan. Lantaran itu, seperti yang terkandung dalam sikap bermuafakat dan tolong-menolong yang ditampilkan dalam cerita rakyat tersebut. Di samping itu, amalan tersebut mengajarkan kepada masyarakat untuk saling menghulurkan bantuan serta membuat persepakatan

yang baik supaya dapat membina masyarakat yang harmoni dan hidup yang sejahtera. Jelaslah membuktikan di sini bahawa amalan tersebut juga dapat menghasilkan kesan yang positif bagi kalangan masyarakat serta membentuk individu yang mempunyai sahsiah diri yang baik.



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

#### 4.2.9 Budaya Perdagangan

Menurut *Kamus Dewan* (2016) perdagangan merupakan semua aktiviti yang melibatkan urusan dalam berniaga serta boleh diistilahkan juga dengan perniagaan. Dengan ini dapat diringkaskan bahawa perdagangan adalah perihal yang mewujudkan aktiviti penjualan dan pembelian yang melibatkan dua pihak. Bahkan budaya perdagangan yang dijalankan juga dapat memberi kepentingan kepada dua pihak serta menjalinkan hubungan yang baik di samping mengeratkan hubungan persaudaraan sama sendiri antara individu.

Oleh yang demikian kerana dari aktiviti yang dijalankan secara tidak langsung membantu dua pihak bagi pihak pembeli dapat mendapat manfaat dari jual beli yang dilakukan serta bagi penjual dapat keuntungan dari jual beli yang berlaku. Dalam konteks lain budaya perdagangan ini juga dapat memberikan pengaruh yang baik dengan jalinan yang dilakukan daripada aktiviti perdagangan. Di samping itu, kajian akan membahaskan mengenai budaya perdagangan melibatkan hubungan diplomatik yang ditampilkan daripada teks *Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*.

Budaya perdagangan ini dapat dilihat menerusi hubungan diplomatik. Hubungan diplomatik bermaksud hubungan dua buah negara yang dijalinan atas persepakatan. Hubungan diplomatik ini bertujuan dalam mewujudkan hubungan yang aman dengan dua buah negara dalam pelbagai situasi. Misalnya bagi menjaga kepentingan negara dan menyelesaikan persengketaan (*Kamus Dewan*, 2016). Di sini menjelaskan bahawa hubungan diplomatik adalah persetujuan yang dijalin antara dua pihak. Malah hubungan ini turut memberi manfaat kepada dua pihak supaya dapat meminta pertolongan serta perlindungan dari perhubungan yang dijalin. Hubungan diplomatik yang dijalin boleh dilihat dari cerita rakyat pada petikan 29 di bawah:

## Petikan 29

“Diceritakan terdapat peristiwa yang pernah berlaku semasa pelayaran mereka ke Siam. Semasa belayar membawa bunga emas untuk dihantar ke Siam,....”  
(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:62)

Melalui Cerita *Kehebatan Laksamana Laut* memperlihatkan hubungan diplomatik yang dijalinan antara Raja Kelantan dan kerajaan Siam dari penghantaran ufti bunga emas. Hubungan ini bertujuan dalam memberi kepentingan kepada kerajaan Kelantan bagi memohon perlindungan dari kerajaan Siam. Tamsilnya, dilihat daripada situasi di mana Raja Kelantan belayar ke Siam untuk menghantar bunga emas sebagai tanda jalinan hubungan yang dilakukan. Dari konteks pandangan lain dapat dilihat bahawa hubungan yang dijalinan akan mewujudkan pengaruh serta persaudaraan yang baik dengan kerajaan Siam supaya dapat menjaga kerajaan serta rakyat dari menerima ancaman dari pihak musuh.

Seterusnya, budaya perdagangan juga dipaparkan pada petikan 30 di bawah:

## Petikan 30

“Saudagar Cina itu telah menubuhkan sebuah perniagaan kerana dirasakan menjadi seorang petani bukanlah sesuatu yang diminatinya. Perniagaan yang dijalani itu semakin hari semakin mendapat perhatian penduduk sekitarnya. Biarpun beliau berlainan bangsa namun masyarakat sekitar masih menerimanya.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:72)

Cerita *Nurani Che Him Dalam Masyarakat* memaparkan hubungan baik yang ditunjukkan oleh saudagar Cina yang dikenali oleh Che Him kepada penduduk sekitar Pengkalan Datu. Contohnya, dilihat daripada hubungan baik yang dijalin oleh Che Him setelah dia melakukan aktiviti perdagangan di Pengkalan Datu. Justeru, ramai masyarakat yang menyenangi kerana keramahannya dalam bergaul dengan masyarakat di Pengkalan Datu walaupun mereka berlainan bangsa. Dalam konteks ini dilihat bahawa pergaulan yang baik boleh mendatangkan manfaat kepada manusia kerana apabila berbuat baik kepada masyarakat diri akan lebih disenangi oleh mereka.

Oleh yang demikian, sewajarnya menjaga hubungan yang baik dalam masyarakat supaya kelak apabila ditimpa kesusahan ramai yang menghulurkan bantuan kerana sikap yang kita amalkan disenangi oleh orang sekeliling.

Secara keseluruhan, budaya perdagangan melalui hubungan diplomatik yang dijalankan daripada cerita rakyat daripada teks *Seuntaiian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* menunjukkan budaya yang dijadikan amalan masyarakat dahulu bagi mewujudkan hubungan baik serta bermanfaat dalam kelangsungan hidup sesama masyarakat. Hal ini kerana daripada hubungan yang dijalin secara tidak langsungnya, akan membina perpaduan serta persaudaraan antara kaum. Di sini membuktikan bahawa budaya perdagangan memberikan nilai yang positif serta teladan baik untuk para pembaca. Di samping itu, ia juga meningkatkan pengetahuan dan dapat menerapkan budaya tersebut dalam kehidupan harian.

Misalnya, dilihat daripada impak mengamalkan budaya perdagangan dapat bergaul antara masyarakat serta mengelakkan budaya mementingkan diri. Hal ini dapat mempengaruhi sahsiah diri kanak-kanak dari budaya yang dipupuk dalam cerita rakyat tersebut yang mengajar masyarakat untuk saling menjaga pergaulan antara satu sama lain bagi kepentingan keharmonian hidup dalam kalangan masyarakat. Budaya perdagangan juga memperkenalkan sikap saling bermanfaat sesama individu. Oleh yang demikian cerita rakyat yang ditampilkan memberikan didikan yang baik untuk kanak-kanak.

Rentetan itu, menerusi budaya perdagangan melalui hubungan diplomatik tersebut bertunjangan kepada Teori Pengkaedahan Melayu sepadan di bawah pendekatan kemasyarakatan. Ini kerana, pendekatan tersebut berfungsi sebagai medium yang merungkai segala permasalahan dengan jelas berkenaan dengan punca kerosakan akhlak serta keimanan masyarakat (Hashim Awang, 2002). Seperti yang dilihat

daripada teks memaparkan masyarakat yang saling memberikan manfaat antara individu melalui aktiviti perdagangan yang dijalankan. Hal ini kerana aktiviti perdagangan memerlukan pergaulan yang baik antara masyarakat agar jual beli berlaku dengan lancar sebarang permasalahan yang melibatkan persengketaan. Oleh yang demikian teori yang digunakan menjadi suatu pendekatan dalam menilai sastera sebagai suatu yang dekat dengan masyarakat.





#### 4.2.10 Budaya Pegangan Agama Dan Kepercayaan

Kata 'agama' membawa maksud mengakui akan kewujudan Tuhan iaitu satu kuasa Yang Agung dan Maha Esa serta menerima setiap ajaran dan melakukan semua perintah yang disuruh-Nya. Selain itu, ia diertikan juga sebagai suatu kepercayaan kepada dewa yang dipuja serta menganggapnya berkuasa. Manakala kata 'kepercayaan' merujuk kepada maksud pengakuan serta keyakinan yang didasarkan dengan keimanan, iktikad dan sesuatu yang diyakini, adalah kebenaran yang perlu diikuti serta dipercayai (*Kamus Dewan*, 2016).

Oleh yang demikian budaya pegangan agama dan kepercayaan adalah amalan yang digariskan secara turun temurun yang mempercayai akan wujudnya Tuhan Yang Maha Kuasa yang menciptakan seluruh alam. Antara cara berpegang dan mempercayainya adalah dengan menzahirkan agama dan kepercayaannya dalam bentuk ajaran, amalan, penyembahan dan ketaatan. Dalam Islam juga menyuruh setiap umatnya untuk percaya akan kewujudan Allah SWT dengan mengaku bahawa Allah pencipta sekalian alam dan percaya setiap kekuasaan-Nya. Pada masa yang sama hendaklah berpegang teguh dengan agama Islam serta melakukan setiap suruhan yang di perintahkan oleh Allah SWT berlandaskan Al-Quran dan Hadith.

Budaya pegangan agama dan kepercayaan dapat dilihat daripada aktiviti penyebaran agama yang ditampilkan daripada petikan 31 di bawah:

Petikan 31

“Ramai anak muda yang belajar ilmu agama dengan Haji Long Abdul Rahman ini. Beliau telah menubuhkan sebuah madrasah untuk tujuan pembelajaran agama oleh penduduk setempat. Hafalan Al-Quran sering dialunkan secara merdu oleh anak-anak muridnya. Alunan zikir tidak lepas daripada bibirnya.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:59)

Cerita *Haji Long Abdul Rahman* pada petikan 31 memperlihatkan aktiviti penyebaran agama Islam yang dilakukan oleh Haji Long Abdul Rahman dalam memastikan supaya

agama Islam ini terus tersebar dan mengalir dalam diri masyarakat serta berpegang teguh dengan kepercayaan kepada agama Islam. Aktiviti penyebaran agama Islam adalah suatu kegiatan dalam memperluaskan pengaruh agama Islam agar agama Islam tersebar luas hingga ke pelosok dunia. Selain itu, dari situasi ini memperlihatkan watak seorang alim yang memberikan contoh teladan yang baik kepada masyarakat dengan setiap amalan yang dilakukan olehnya adalah berpandu kepada ajaran yang dibawa dan berlandaskan Al-Quran dan Hadith iaitu dari sumber yang sahih. Justeru, aktiviti penyebaran agama Islam yang dijalankan oleh Haji Long Abdul Rahman secara tidak langsung memberikan pendedahan kepada masyarakat mengenai agama suci iaitu agama Islam. Agama Islam adalah agama yang tidak menyeru masyarakat untuk menganutinya secara paksaan kerana setiap orang mempunyai kebebasan dan hak mereka dalam agama cuma inisiatif yang dijalankan akan memberikan pencerahan kepada masyarakat. Tetapi setiap yang berlaku atas izin Allah SWT kerana setiap petunjuk diberikan oleh Allah SWT.

Selain itu, budaya pegangan agama dan kepercayaan turut dilihat menerusi aktiviti pegangan agama yang dipaparkan pada cerita rakyat yang dikutip dari petikan 32 di bawah:

Petikan 32

“Tok Guru Haji Awang Alim merupakan seorang yang memiliki ilmu kekuatan agama yang tinggi dan juga ketua kampung yang memiliki hati yang mulia. Sikap warak yang ada pada Tok Guru Haji Awang Alim telah menyebabkan beliau membina madrasah-madrasah bagi penyebaran agama Islam di kampung tersebut.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:69)

Cerita *Tok Guru Haji Awang Ulama Tercipta* mengisahkan peristiwa yang menunjukkan kegiatan dalam menyebarkan agama Islam yang dilakukan oleh Tok Guru Haji Awang Alim yang juga merupakan guru agama serta ketua kampung. Misalnya, dilihat daripada Tok Guru Haji Awang Alim mulia hati membina madrasah bagi tujuan menyebarkan agama Islam dengan lebih meluas di kampungnya. Di samping,

memudahkan umat Islam untuk menuntut ilmu agama di madrasah ia juga untuk mendedahkan kepada masyarakat mengenai agama Islam. Hal ini secara tidak langsung memperlihatkan watak guru agama yang mulia serta contoh yang terbaik dalam kalangan masyarakat. Oleh yang demikian dapat membuktikan bahawa kegiatan sebegini bukan sahaja memberikan pendedahan kepada masyarakat tentang agama Islam tetapi juga memberi contoh terbaik yang menggambarkan watak umat Islam yang berbudi tinggi. Justeru, sebagai manusia yang beragama wajar mempamerkan teladan positif dalam khalayak masyarakat dunia disertakan gaya kehidupan yang saling menghargai dan saling mengasihi dengan lapang dada menyambut perbezaan agama sebagai rahmat Allah SWT.

Rentetan itu, menerusi budaya pegangan agama dan kepercayaan melalui aktiviti penyebaran agama Islam tersebut bertunjangan kepada Teori Pengkaedahan Melayu bersesuaian dengan pendekatan dakwah. Ini kerana ia adalah pendekatan yang menitikberatkan dari segi pandangan mengenai seluruh perbincangan yang berkait dengan sifat-sifat keagungan Allah SWT dan kebesaran Nya dalam penghasilan karya sastera Islam (Hashim Awang, 2002). Melalui hujah tersebut dapat dilihat bahawa pendekatan ini memberikan ajaran serta didikan dari sudut memaparkan mengenai kelebihan agama Islam yang secara tidak langsung akan memberikan daya tarikannya kepada masyarakat sekeliling tentang kesucian agama Islam.

Dengan penyebaran agama Islam yang semakin luas akan memberikan daya tarikan kerana keunikan agama Islam yang mengambil kira semua aspek kesopanan dari adab yang dilakukan setiap melakukan sesuatu perkara mula dari bangun tidur hingga tidur semula pada malam hari. Oleh yang demikian, hasil daripada perbincangan tersebut mengatakan pendekatan dakwah merujuk kepada persoalan yang mengambil kira sifat-sifat Allah SWT sebagai pencipta alam.

#### 4.3 Penutup

Cerita-cerita rakyat melalui cerita binatang dan cerita tokoh yang terdapat di dalam teks daripada *Seuntaiian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* ini banyak memaparkan unsur-unsur budaya yang perlu dianalisis dengan lebih teliti. Unsur budaya yang dipaparkan dalam cerita tokoh dan cerita binatang ini telah digarap dengan tema penceritaan yang ringan dan mudah di terima oleh segenap generasi masyarakat. Antara unsur budaya yang terdapat dalam cerita binatang dan cerita tokoh tersebut ialah budaya amalan nilai murni, budaya perdagangan dan budaya pegangan agama dan kepercayaan.

## BAB 5

### KESIMPULAN

#### 5.1 Pendahuluan

Ini adalah bab yang terakhir dalam kajian bagi merumuskan keseluruhan mengenai kajian yang dijalankan. Bab ini mengandungi rumusan yang dirumuskan secara keseluruhan oleh pengkaji serta terdapat beberapa cadangan yang dikemukakan bagi membantu pengkaji lain dalam meneruskan kajian ini pada masa hadapan.

#### 5.2 Rumusan

Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa kajian ini membincangkan mengenai sudut pandang dari segi unsur budaya yang menjadi amalan masyarakat dahulu dalam membentuk budi pekerti mulia. Pengkaji turut memberi pengenalan secara asas kepada para pembaca mengenai Teori Pengkaedahan Melayu sastera, naratif lisan, unsur budaya, cerita tokoh dan cerita binatang. Dengan adanya pengenalan secara asas dapat memberi pengetahuan am kepada para pembaca di samping mengetahui kepentingan dalam memelihara warisan turun temurun naratif lisan sebegini.

Selain itu, dapat diteliti bahawa sastera memberikan kepentingan yang sangat besar kepada khalayak masyarakat kerana ia merupakan sebuah seni bahasa yang indah serta berbentuk puitis yang dikembangkan melalui tradisi lisan dari generasi ke generasi. Perkembangan karya sastera melalui tradisi lisan kini semakin berkembang menuju era moden sehingga kini banyak cerita-cerita yang disebarkan melalui tulisan dan cetakan.

Dalam kajian ini pengkaji lebih memfokuskan kepada cerita-cerita rakyat menerusi cerita tokoh dan cerita binatang. Cerita tokoh adalah cerita yang memaparkan mengenai tokoh ataupun watak serta perwatakan dalam sesebuah cerita. Tokoh merupakan satu istilah yang diguna pakai dalam mendefinisikan penggayaan seseorang yang melibatkan keperibadian serta personaliti peribadi seseorang individu. Oleh yang demikian, cerita tokoh ini adalah cerita yang mengangkat watak utama supaya dia menjadi idola untuk semua golongan masyarakat (*Kamus Dewan*, 2016).

Cerita binatang adalah cerita tertua dalam karya sastera rakyat yang memaparkan mengenai cerita yang berkaitan dengan binatang yang mempunyai kelakuan seperti manusia. Di mana ia boleh berfikir, bercakap malah berhujah seperti manusia lazimnya (Ismail Hamid, 1987). Tambahan pula, cerita-cerita rakyat terdapat unsur-unsur didaktik yang berlandaskan dengan kenyataan serta realiti dalam kehidupan masyarakat umumnya. Oleh itu, cerita-cerita rakyat menerusi cerita tokoh dan cerita binatang dalam kajian ini juga secara tidak langsungnya memberi para pembaca pengajaran dari jalan cerita serta unsur-unsur budaya yang terdapat dari ceritanya. Hal ini kerana, masyarakat lebih jelas dengan sesuatu yang diberikan gambaran serta perumpamaan bagi sesebuah perkara malah membuat masyarakat lebih berfikir.

Seterusnya, unsur-unsur budaya yang didapati dari teks kajian secara seluasnya memberikan pengajaran kepada masyarakat tentang baik dan buruk sesuatu perkara. Ia meliputi sesuatu yang dijadikan amalan sesebuah masyarakat serta diguna pakai hingga ke hari ini serta dengan wujudnya kajian yang dijalankan oleh pengkaji dapat membuka minda serta pengetahuan individu manfaat sesuatu perkara tersebut. Oleh yang demikian pengkaji mendapati beberapa unsur-unsur budaya seperti yang terdapat dalam penyelidikan teks yang menjadi amalan masyarakat hingga ke hari ini sungguhpun era teknologi semakin canggih. Hal ini demikian kerana masyarakat masih menjadikan unsur-unsur budaya sebahagian amalan pegangan dari peninggalan

nenek moyang. Unsur budaya selainnya dapat membentuk sahsiah individu kerana amalan dari turun temurun untuk memberikan moral dan menjurus kepada sesuatu yang positif. Hal ini demikian kerana amalan budaya yang terbaik akan mempengaruhi peribadi individu ke arah yang lebih baik.

Antara individu yang lebih dipengaruhi sahsiah adalah golongan masyarakat yang terdiri daripada kanak-kanak kerana mereka ini golongan yang masih dalam proses belajar serta menerima perkara-perkara baharu. Hal tersebut kerana kanak-kanak mengandungi gaya pemikiran iaitu sesuatu tabiat fitrah yang positif dalam membentuk kepada pemikiran yang lebih baik dalam menyelesaikan masalah serta membuat keputusan. Setiap gaya pemikiran adalah sama tidak ada yang mempunyai kelebihan yang lebih baik dari yang lain kerana terdapatnya kekuatan dan kelemahan tersendiri yang bergantung kepada pengaruh motivasi dalaman dan luaran yang didapati dari persekitaran sekelilingnya terutama ibu bapa (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2020). Oleh yang demikian mereka perlukan didikan yang dapat memberi motivasi kepada mereka supaya dapat membentuk sahsiah mereka dengan lebih baik sejak kecil. Ia kerana, kanak-kanak mudah menerima sesuatu yang diberikan dan daripada perkara itu mereka membentuk peribadi diri dengan apa yang dipelajarinya dari persekitaran sekeliling.

Pengkaji menggunakan penelitian daripada teori Pengkaedahan Melayu sebagai kayu ukur berkenaan kajian yang dijalankan ini. Teori ini secara ringkasnya merupakan satu teori cetus Hashim Awang (1989). Menurut fahaman Hashim Awang ia merupakan sebuah teori yang berlandaskan daripada kajian yang meneliti melalui pengkaedahan kualitatif yang mengandungi rumusan berkaitan prinsip-prinsip karya kesusasteraan Melayu. Hashim Awang (2002) mencetuskan teori ini kerana karya-karya Melayu dipengaruhi oleh alam yang berlandaskan kepada agama Islam. Oleh yang demikian juga, teori Pengkaedahan Melayu ini dibahagikan kepada dua pengkaedahan:



Pengkaedahan Keagamaan dan Pengkaedahan Alamiah. Teori Pengkaedahan Melayu bertujuan sebagai garis panduan dalam menentukan sesuatu perkara itu sesuai dan memberikan manfaat atau dikenali sebagai kritikan dalam sastera. Kajian ini menggunakan penelitian di bawah pendekatan moral, pendekatan dakwah dan pendekatan kemasyarakatan.

Kritikan sastera ialah penghargaan kepada sebuah hasil genre kreatif lain seperti drama, puisi, cerpen, dan fiksyen. Kritikan terhadap karya sastera bersifat dalaman dan luaran. Berdasarkan kajian yang dilakukan, pengkaji menggunakan kritikan secara internal iaitu merujuk kepada penelitian yang dilakukan ke atas teks berdasarkan makna cerita, strukturnya serta diksi. Kritikan sastera ini juga sebaliknya berperanan dalam membolehkan pembaca dalam mengerti sesebuah ciptaan sastera berdasarkan kepada penjelasan mengenai ciptaan tersebut (Rahman Shaari, 1998)

### 5.3 Implikasi

Secara implikasinya, kajian yang dijalankan oleh pengkaji dapat mempengaruhi gaya pemikiran masyarakat kerana kajian yang telah dijalankan memberikan perincian mengenai unsur budaya dalam masyarakat yang menjadi amalan masyarakat sehingga kini. Selain itu, ia juga mampu memberikan pengetahuan secara jelas kepada para pembaca mengenai kepentingan dalam menjaga warisan budaya turun temurun. Ini meliputi semua aspek unsur budaya bahkan bukan sahaja yang tersirat di dalam dapatan kajian. Oleh yang demikian setiap golongan masyarakat juga dapat impak yang positif dari kajian yang dijalankan ini supaya secara tidak langsung karya sastera ini boleh dijaga dan dipelihara agar tidak lapuk ditelan arus kemodenan.

Selain itu, setiap moral dan pengajaran yang disebarkan melalui makna-makna tersirat di dalam cerita rakyat yang dinyatakan dalam kajian juga boleh menjadi ikutan buat semua golongan masyarakat serta pihak institusi pengajian sama ada dari peringkat tadika ataupun peringkat sekolah rendah dan menengah. Manfaat yang diperoleh dari pembacaan teks *Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* turut memberikan nilai pengajaran kepada pengkaji. Hal ini yang demikian kerana bukan sahaja pengkaji dapat menyelesaikan tugas kajian malah juga dapat menerapkan amalan nilai murni supaya dapat melahirkan lebih ramai generasi muda yang mempunyai budi pekerti mulia. Hal ini dapat membuktikan bahawa masyarakat Melayu sememangnya dipandang tinggi kerana penuh dengan akhlak dan adab yang bersandarkan daripada ajaran dan panduan dari agama Islam untuk sentiasa menjaga akhlak supaya mendapat kesejahteraan sepanjang hidup.

Menurut Tubbs dan Moss (2010) budaya ialah cara hidup, dibina dan dikongsi oleh sekumpulan orang dan diwarisi dari generasi ke generasi. Ia terdiri daripada pelbagai elemen kompleks seperti agama, sistem politik, adat resam, bahasa, peralatan, pakaian, seni bina dan kaedah bekerja. Ia juga merangkumi cara bersosial, bercakap,

adat perkahwinan, makan, bekerja, berfikir dan banyak lagi. Menerusi fahaman daripada tokoh sarjana dapat menjelaskan bahawa unsur budaya dalam cerita rakyat yang diperlihatkan melalui penelitian kajian memberikan impak positif dalam pembentukan diri setiap individu masyarakat. Di sini jelas menunjukkan bahawa budaya adalah amalan yang diturunkan dari nenek moyang terdahulu. Dengan ini dapat diteliti bahawa unsur budaya bukan sahaja amalan secara zahirnya diturunkan namun ia juga terdiri daripada gaya pemikiran yang boleh diwarisi daripada generasi ke generasi. Oleh yang demikian kajian serta penelitian yang lengkap secara tidak langsung akan mempengaruhi gaya pemikiran individu.

#### 5.4 Cadangan

Menerusi kajian yang diteliti dapat menunjukkan cerita rakyat adalah sebuah karya ciptaan seni yang diwarisi daripada setiap generasi sehingga berkembang secara meluas. Ia bermula daripada tradisi lisan sehingga berkembang menjadi tulisan dan dihasilkan dalam bentuk yang bercetak. Ia akan menyebarkan karya sastera rakyat dengan lebih meluas sehingga boleh diakses oleh setiap golongan masyarakat. Rentetan ini, kerana cerita rakyat sebuah sastera yang memberikan manfaat serta nilai tambahan dalam membentuk diri serta gaya pemikiran yang lebih rasional dalam menghadapi konflik kehidupan. Ia kerana setiap cerita yang diselitkan mengandungi unsur pengajaran dari pengalaman ataupun perumpamaan dengan kehidupan sebenar masyarakat. Karya-karya sastera juga menjadi cerminan dalam masyarakat di samping memberikan garis panduan pengajaran dalam kehidupan.

Walaupun begitu, perkara yang ingin difokuskan oleh pengkaji adalah unsur budaya yang menjadi lambang ketamadunan bangsa. Seperti yang dapat dilihat semakin dunia menjangkau kepada zaman kemodenan, masyarakat semakin kurang mengamalkan amalan budaya pekerti yang tinggi. Banyak keruntuhan akhlak yang berlaku dalam kalangan masyarakat. Di samping itu, antara yang dilihat oleh pengkaji adalah kurangnya pendedahan dan penerapan mengenai sahsiah diri yang ditonjolkan dalam masyarakat. Kepincangan ini amat membimbangkan kerana akan memberi impak yang buruk pada generasi akan datang. Bukan itu sahaja terdapat juga penggunaan media sosial yang tidak terkawal yang menjunam ke arah negatif. Walaupun begitu, teknologi tidak sepenuhnya memberikan impak yang buruk kepada masyarakat kerana ia juga mempunyai pelbagai manfaat dan nilai positif yang boleh diambil darinya.

Oleh hal yang demikian kerjasama yang padu amat diperlukan dalam melestarikan budaya masyarakat Melayu dengan nilai budaya positif yang boleh membentuk jati diri masyarakat Malaysia yang cemerlang. Antara usaha yang boleh dilakukan adalah

dengan mengadakan kempen yang menyeru orang ramai turut serta dalam aktiviti seperti gotong-royong, pelestarian amalan membaca dan sebagainya yang boleh mengeratkan perpaduan antara kaum. Hal ini kerana melalui dari aktiviti yang dijalankan mendidik diri untuk tidak terlalu mementingkan diri sendiri kerana sebagai masyarakat yang berbagai kaum dan bangsa haruslah hidup serumpun dengan aman dan damai tanpa persengketaan. Cuba bayangkan seandainya persengketaan berlaku secara tidak terkawal yang melibatkan pelbagai kaum akan memberikan imej yang buruk kepada masyarakat dunia luar. Bukan itu sahaja, sebaliknya memberikan peluang kepada negara sendiri untuk hancur dan hilang ketamadunan yang membuat porak peranda dan kacau bilau antara masyarakat. Oleh yang demikian sokongan serta dukungan setiap pihak memainkan peranan yang penting dalam bersama-sama bertindak menjaga ketamadunan bangsa Melayu dari tercemar dengan perkara negatif yang boleh mencemarkan kemurnian sesebuah tamadun.

Sebagaimana yang dicadangkan oleh pengkaji bagi membuat inovasi dalam penghasilan cerita binatang agar menarik golongan kanak-kanak meminati sastera rakyat. Kanak-kanak adalah golongan yang cepat belajar dan mudah mentafsir apa yang mereka lihat ke dalam gaya pemikiran mereka lebih-lebih lagi dengan gaya kreativiti yang menarik minat mereka. Ini bertepatan dengan pendapat Bruce (2012) yang menjelaskan fitrah kanak-kanak menerima pembelajaran dengan mereka belajar bagaimana cara untuk menyelesaikan sesuatu masalah melalui pembacaan serta berpengaruh dari karya sastera dalam memupuk perkembangan melalui estetika, emosi, bahasa, watak yang berkualiti dan sosial. Oleh itu, karya sastera perlu dihasilkan dengan cara yang terbaik dan penuh kreativiti dalam menarik minat mereka. Sebagai contohnya, karya sastera tersebut boleh diperbaharui dalam bentuk 3D ataupun 2D yang memberikan gambaran dengan lebih jelas supaya dapat memberikan mereka semangat yang tinggi untuk membaca serta mendalami nilai yang terdapat di dalam cerita tersebut.

Hal ini turut dilihat bahawa karya sastera sangat penting kerana ia merupakan panduan yang memberikan manfaat. Selain itu, turut mendedahkan nilai pengajaran kepada masyarakat tentang budaya masyarakat dahulu dalam mengukuhkan ketamadunan bangsa Melayu dari luntur dalam diri mereka. Oleh itu, negara Malaysia juga mempunyai keunikan kerana cerita rakyat yang dihasilkan bukan sahaja memaparkan mengenai budaya amalan masyarakat Melayu sahaja, bahkan setiap kaum yang terdiri dari pelbagai kaum dan bangsa.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## 5.5 Penutup

Dengan ini pengkaji berharap agar kajian yang dilakukan dapat memberikan manfaat di samping, boleh menambah ilmu pengetahuan kepada pembaca khususnya. Sementara itu, permasalahan kajian yang ditunjukkan di dalam kajian bukan sahaja tertumpu kepada kajian yang berkaitan dengan unsur budaya malah semua jenis penglibatan yang mengaitkan mengenai sastera rakyat. Tambahan pula, karya sastera ini merupakan warisan budaya yang perlu dijaga serta dipelihara agar keasliannya tidak luntur serta dilupakan oleh masyarakat kerana ia merupakan lambang kesatuan masyarakat.





## BIBLIOGRAFI

- Aboebakar Atjeh (1988). *Akhlah dalam Islam*. Edisi Ketiga. Kota Bharu: Pustaka Alam.
- Che Abdullah Che Ya (2018). Manifestasi Kehidupan Masyarakat Melayu Dalam Bedar Sukma Bisu Daripada Perspektif Pengkaedahan Melayu. *Jurnal Melayu*, 2 (17).
- Clarice Gallus & Low Kok On (2016). Tangon Dusun Liwan: Satu Analisis Tema. *Jurnal Gendang Alam (GA)*, 6.
- Farra Humairah Mohd (2018). *Pemikiran Dalam Cerpen Kanak-Kanak Pilihan Dari Tahun 2012 Hingga 2015*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Fifi Anak Rinyuk (2017). *Nilai-Nilai Moral Dalam Cerita-Cerita Rakyat Kaum Bidayuh, Serian*. Tesis Ijazah Sarjana Muda, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak.
- Hadijah Johari, Nor Shahida Mohd Shaker & Farra Humairah Mohd (2020). Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu Dalam Kumpulan Cerpen Melamar Rindu Oleh Osman Ayob Melalui Dakwah Islamiah. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 2 (4), 1-11.
- Hashim Awang & Hashim Ismail (2016). Minda Pengarang Melayu: Melestarikan Hubungan antar-Budaya Melayu-Jawa dalam Sulalat al-Salatin. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB)*.
- Hashim Awang (1989). *Budaya dan Kebudayaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Awang (1994). *Pengkajian Sastera: Pengkaedahan Melayu dalam Pengarang, Teks dan Khalayak* (Sahlan Mohd. Saman, Ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Awang (1997). *Kritikan Kesusasteraan Teori dan Penulisan*. Kuala Lumpur: Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Awang (1999). Teori Sastera Sendiri Pengkaedahan Melayu. *Seminar Kolokium Membina Teori Sastera Sendiri*. Subang USJ, 19-20 September.
- Hashim Awang (2002). Teori Pengkaedahan Melayu dan Prinsip Penerapannya. *Seminar Bengkel Kajian Teori Sastera Melayu*. Riviera Bay Resort. 20-23 Jun.
- Hashim Musa (2008). *Hati Budi Melayu: Pengukuhan Menghadapi Cabaran Abad ke-21*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Hazrul Mazran Rusli & Abdul Aziz Zali@Zalay (2020). Adaptasi Kesusasteraan Rakyat (Cerita Si Luncai) Dalam Karya Seni Cetakan. *Ideology Journal Of Arts And Social Science*, 5 (1), 43-56.
- Ismail Hamid (1987). *Perkembangan Kesusasteraan Melayu Lama*. Petaling Jaya: Longman.

- Johari Yahaya (2015). *Pantun Peribahasa Melayu: Analisis Daripada Perspektif Teori Pengkaedahan Melayu*. Tesis Ijazah Sarjana Muda. Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Jumali Selamat (2001). *Nilai-Nilai dalam Pantun Melayu*. Tesis Ijazah Sarjana Muda. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Kamus Dewan* (2016). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Kesusasteraan* (2021). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mazarul Hasan Mohamad Hanapi, Abdul Halim Ali & Mohd Rosli Saludin (2016). Simbol Dalam Mantera Menurut Kepercayaan Orang Melayu. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 4 (1), 25-40.
- Md Sidin Ahmad Ishak, Siti Ezaleila Mustafa & Rosmani Omar (2019). Daripada Cetak Kepada Digital: Rekonstruksi Cerita Rakyat di Malaysia. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 12 (2), 291-319.
- Mohd Fahmi Ismail & Mohd Firdaus Che Yaacob (2018). Kesan Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Temiar Gua Musang, Kelantan: Satu Penelitian Teori Konseptual Kata Kunci. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 6 (2), 121-143.
- Mohd Fahmi Ismail (2017). *Masyarakat Orang Asli Temiar Di Gua Musang, Kelantan*. Tesis Ijazah Sarjana Sastera, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad & Mohd Sharifudin (2015). Cerita Rakyat Melayu: Suatu Analisis Pancaran Jati Diri Masyarakat Melayu sebagai Cerminan Kebudayaan Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2017). Penggunaan Multimedia Ke Arah Memartabatkan Cerita Rakyat Masyarakat Melayu. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 5 (2), 21-35.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim (2016). Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu. *Journal of Business and Social Development*, 4 (2), 45-57.
- Mohd Firdaus Che Yaacob (2015). *Nilai-Nilai Murni Dalam Seuntai Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Tesis Ijazah Sarjana Sastera, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Mohd Firdaus Che Yaacob (2021). Cerita Rakyat Sebagai Simbol Kekayaan Nilai Ketamadunan Masyarakat Melayu. *Jurnal Peradaban Melayu*, 16 (2), 1-12.
- Mohd Firdaus Che Yaacob (2021). *Falsafah Pendidikan Kebangsaan Dalam Cerita-Cerita Lisan Melayu*. Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.

- Mohd Firdaus Che Yaacob, Nasirin Abdillah, Muhammad Izani Ab. Ghani, Shahariah Norain Shaharuddin & Siti Nur Anis Muhammad Apandi (2017). Cerminan Moral Positif dalam Cerita-cerita Rakyat Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 6.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2021). *Nilai-Nilai Murni Dalam Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu Kelantan: Satu Penelitian Pengkaedahan Melayu*. Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.
- Mohd Firdaus Che Yacoob & Nasirin Abdillah (2017). Penerapan Nilai Murni Dalam Cerita Rakyat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu: Analisis Nilai Kasih Sayang Dan Nilai Keadilan Dalam Masyarakat Melayu. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 5 (2), 94-107.
- Mohd Nazri Abdul Rahman, Mariani Md Nor, Romli Darus, Ahmad Shobry Mohd Noor, Arun Daud, Rinau Lintan & Nor Asiah Muhamad (2017). Cerita Rakyat Orang Asal Sabah Sebagai Medium Pembelajaran Asas Literasi: Analisis Keperluan. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 5 (4), 26-30.
- Mohd Taib Osman (1976). Pendokumentasian Sastera Rakyat dan Sastera Daerah Malaysia, *Dewan Sastera*. 7: 39-41.
- Mohd Taib Osman (1976). *Sastera Rakyat, Tinjauan Umum*. Dalam. Diskusi Sastera Jilid 1: Sastera Tradisi, Disunting oleh A. Bakar Hamid. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, Suffian Mansor, Karim Harun & Mohamad Rodzi Abd Razak (2021). Masyarakat Orang Asli Jakun di Rompin, Pahang: Kajian terhadap pemuliharaan cerita lisan (Jakun Orang Asli community in Rompin, Pahang: A study on the preservation of oral stories). *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 17 (2).
- Muhammad Al-Ghazali (1978). *Peribadi Muslim* (H. Mohd Rifai, Ed.). Batu Caves: Thinker's Library.
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2021). Nilai-Nilai Kemanusiaan Dalam Cerita Lisan: Satu Penelitian Takmilah. *Pendeta: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12 (1), 11–25.
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2020) Nilai-Nilai Islam Dan Pembentukan Akhlak Dalam Cerita Rakyat Melayu Islamic Values And Moral Development In Malay Folktales. *International Journal Of Language Education And Applied Linguistics (IJLEAL)*
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2021). Nilai-Nilai Islam Terhadap Pembentukan Sosiobudaya Kanak-Kanak Menerusi Cerita Rakyat Melayu. *Jurnal Pertanika MAHAWANGSA*, 8 (2).
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah, & Mohd Firdaus Che Yaacob (2021). Penemuan Nilai-Nilai Islam Dalam Cerita Lisan Melayu: Satu Penelitian Terhadap Pendekatan Karya Dan Khalayak. *Jurnal Melayu*, 20 (1).

- Muhammad Nur Al-Hakim Mohammad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2021). Nilai-Nilai Kemanusiaan dalam Cerita Lisan: Satu Penelitian Takmilah. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12 (1), 11-25.
- Muhammad Safwan Ismail, Roslina Abu Bakar & Nik Rafidah Nik Muhammad Effendy (2018). Cerita Jenaka Melayu Suatu Manifestasi Watak Dan Perwatakan Positif. *Jurnal Melayu Sedunia*, 1 (1), 296-329.
- Mustafa Daud (1996). *Bahasa dalam Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nadia Ishak & Kamariah Kamarudin (2019). Aspek Dakwah dalam Novel Suriati Berdasarkan Pendekatan Dakwah Teori Pengkaedahan Melayu. *Malay Literature: Universiti Putra Malaysia*.
- Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2016). Pengurusan Konflik dalam Cerita Rakyat Nusantara Abad ke-19. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*. 4 (2), 37-43.
- Noorzatulhidayah Mohd Hanipah, Daeng Haliza Daeng Jamal & Nasirin Abdillah (2021). Ritual Dalam Cerita Rakyat Di Mukim Bebar, Pekan, Pahang, Malaysia. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 9 (1), 18-29.
- Noraini Abd. Shukor (2016). *Padi Dan Air Sebagai Tanda Dalam Peribahasa Melayu: Pendekatan Firasat*. Tesis Ijazah Sarjana Pengajian Melayu. Akademi Pengajian Melayu. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Norita Ariffin (2006). *Nilai Budi Masyarakat Melayu dalam Pantun*. Tesis Ijazah Sarjana Sastera, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Normaizatul Anis Ahmad & Halis Azhan Mohd Hanafiah (2019). Pemikiran Islam Dalam Konteks Sosioekonomi Dalam Kumpulan Cerpen Cahaya Pelita Nurani: Islamic Thought In The Context Of Socio-Economics In The Short Story Of Cahaya Pelita Nurani. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 30 (1), 167-187.
- Normaliza Abd Rahmi, Roslina Mamat, Hazlina Abdul Halim & Nor Shahila Mansor (2016). Wacana Cerita Rakyat Melayu Dalam Kalangan Pelajar Korea. *Jurnal Kemanusiaan*, 14 (1).
- Nur Amirah Mohd Rafar (2017). *Pengumpulan dan Pengklasifikasian Cerita-Cerita Lisan Kelantan: Kajian Kes di Daerah Kota Bharu dan Bachok*. Tesis Ijazah Sarjana Muda, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan.
- Nur Ezatull Fadtehah Hedel & Mary Fatimah Subet (2020). Peristiwa Aneh Dalam Cerita Rakyat "Hikayat Nakhoda Muda": Analisis Semantik Inkuisitif. *Asian People Journal (APJ)*, 3 (2), 147-160.
- Nur Syazwani Bederohisam & Zubir Idris (2020). Syair Suka Duka Dalam Pelayaran Ke Mekah: Satu Analisis Pengkaedahan Keagamaan. *Jurnal Melayu*, 19 (2).



- Nurul Nasuha Mohd Rosle & Zubir Idris (2018). Hikayat Nabi Adam: Satu Kajian Teks dan Analisis Berdasarkan Pengkaedahan Keagamaan. *Jurnal Wacana Sarjana*, 2 (2), 1-15.
- Osman Ayob, Roslan Chin & Tuan Rusmawati Raja Hassan (2020). Analisis Dakwah Dalam Cerpen-Cerpen Terpilih Rejab F.I. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 8 (2), 49-59.
- Pg. Haji Yakup Pg. Ahmad & Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2018). Sajak-Sajak Badaruddin H.O Bertemakan Ketuhanan: Analisis Pendekatan Dakwah. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 29 (1), 156-180.
- Rahimah Hamdan & Alya Batrisyia Annuar (2020). Perspektif 'Melayu Malas' dan 'Melayu Bodoh' oleh Barat Serta Kebenarannya berdasarkan Cerita Jenaka Melayu. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 2 (3), 71-82.
- Roslina Abu Bakar & Aonne van Engelenhoven (2016). Alam Dan Budaya Masyarakat Melayu dalam Hikayat Pelanduk Jenaka. *Jurnal Kesidang*, 1(1), 20-49.
- Sesilia Seli & Muhammad Mokhtar Abu Hassan (2017). Nilai-Nilai Tempatan Komuniti Dayak Kanayatn Yang Wujud Dalam Cerita Rakyat: Local Values Of The Dayak Kanayatn Community That Appear In Their Folktales. *Jurnal Pengajian Melayu/Journal of Malay Studies (JOMAS)*, 28 (1), 209-251.
- Siti Aishah Jusoh, Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2021). Unsur Spiritual Dalam Cerita Lisan Melayu. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12 (2), 67-79.
- Siti Fatimah Mamat, Roslina Abu Bakar & Arbai'e Sujud (2019). Kisah Sang Kancil Dan Memerang Sebagai Penerapan Adab Kepimpinan Dalam Kalangan Kanak-Kanak. *Jurnal Kesidang*, 4 (1), 77-89.
- Siti Zuhaidah Binti Zakeria (2017). *Gaya Penyampaian Cerita Rakyat Melayu Terpilih Dalam Majalah Dewan Pelajar*. Tesis Ijazah Master Sastera. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Syaidul Azam Kamarudin & Arbai'e Sujud (2017). Jati Diri Melayu dalam Kumpulan Puisi Terpilih A. Aziz Deraman: Analisis Teori Pengkaedahan Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*.
- Tajul Ariffin Noordin & Nor' Aini Dan (1992). *Pendidikan dan Wawasan 2020*. Kuala Lumpur: Arena Ilmu Sdn. Bhd.
- Teuku Iskandar (2005). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob (2020). Akal Budi Dalam Naratif Lisan Penduduk Kota Bharu, Kelantan: Satu Penelitian Kemasyarakatan. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11 (2), 126-140.
- Utley, L.F. (1965). *Folk Literature: An Operation Definition*. In. *The Study of Folklore* (Dundes, A., Ed.). New Jersey: Prentice-Hall

## BIODATA PENKAKAJI



Nama diberi Maizatul Akma Binti Shamsuddin berusia 23 tahun. Dilahirkan pada 31 Oktober 1999 di Pahang dan kini menetap di Kuala Lumpur. Pengkaji merupakan anak sulung daripada empat orang adik beradik yang terdiri daripada dua lelaki dan dua perempuan. Nama ibu Salizan Binti Aminullah manakala nama ayah Shamsuddin Bin Karim. Pengkaji mengambil pendidikan rendah di Sekolah Kebangsaan Perempuan Pudu Dua dari darjah 1 hingga 6 (2006-2011) dan pendidikan menengah di Sekolah Menengah Agama Pelangai, Bentong, Pahang dari tingkatan 1 hingga 5 (2012-2016). Seterusnya, pengkaji mengambil pengajian pra-universiti di Sekolah Menengah Agama Al-Khairiah, Temerloh, Pahang (2017). Selanjutnya, kini sedang melanjutkan pendidikan di Universiti Malaysia Kelantan dalam bidang Pengajian Warisan dengan kepujian di peringkat Ijazah Sarjana Muda (2018-2022). Matlamat hidup pengkaji ialah ingin merealisasikan setiap impian keluarga dan salah satunya dengan berjaya mencapai segulung ijazah serta membahagiakan keluarga dunia dan akhirat.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN